



# KOMPILASI DASAR JAMINAN KUALITI PENDIDIKAN TINGGI (2009-2017)

EDISI KEDUA



INSPIRING QUALITY

Agensi Kelayakan Malaysia  
Tingkat 14, Blok B, Menara PKNS-PJ  
No. 17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel                   +603-7968 7002  
Faks                 +603-7956 9496  
Emel                akreditasi@mqa.gov.my  
Laman Web        www.mqa.gov.my

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik  
© Agensi Kelayakan Malaysia 2017

# KANDUNGAN

SINGKATAN		
PENGENALAN		
DASAR UMUM		Muka Surat
1	Keperluan Memenuhi Dasar, Standard dan Kriteria Program Semasa Penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi	2
2	Penawaran Program oleh Universiti / Kolej Universiti	2
3	Keperluan <i>Track Record</i> untuk Penawaran Program Kedoktoran (Penyelidikan) oleh PPT Berstatus Kolej Universiti dan Universiti	3
4	Keperluan <i>Track Record</i> untuk Penawaran Program Peringkat Sarjana oleh PPT Berstatus Kolej (DIMANSUHKAN)	3
5	Dasar Kerjasama Program dari Konteks PPT Swasta sebagai <i>Franchisee</i>	3
6	Dasar Kerjasama Program dari Konteks PPT Swasta sebagai <i>Franchisor</i>	7
7	Dasar Jaminan Kualiti Program Pengajian Luar Negara yang Ditawarkan secara Kerjasama dengan PPT Tempatan	8
8	Variasi Program Kerjasama	10
9	Pemakaian Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) untuk Program Badan Persijilan	11
10	PPT Kampus Cawangan Luar Negara yang Berstatus Swaakreditasi	12
11	Audit kepada PPT yang Menawarkan Sebahagian atau Sepenuhnya Program di Luar Negara	12
12	Penganugerahan Kelayakan	13
13	Keperluan Menyatakan Nama Cawangan di dalam Skrol atau Transkrip	14
14	Pelaksanaan Garis Panduan Malaysian Qualification Statement (MQS)	15
15	<i>Dual Award</i>	15
16	<i>Joint Award</i>	15
17	Penawaran Program <i>Double Degree</i>	16
18	Pemakaian Standard Program: i. Bioteknologi ii. Perubatan Tradisional dan Komplementari	18
19	Pemakaian Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan	19

## DASAR UMUM

20	Pemakaian Standard Program: Undang-Undang dan Perundangan Syariah	22
21	Pemakaian Standard Program: Komputeran	24
22	Pemakaian Standard Program: Sains Maklumat	26
23	Pemakaian Standard Program: Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan	28
24	Pemakaian Standard Program: i. Seni Lukis dan Seni Reka ii. Muamalat dan Kewangan Islam iii. Hospitaliti dan Pelancongan	29
25	Pemakaian Standard Program: Multimedia Kreatif	30
26	Pemakaian Standard Program: i. Ukur Bangunan ii. Pengajian Islam	31
27	Pemakaian Standard Program: Psikologi	32
28	Pemakaian Standard Program: Pengajian Perniagaan	32
29	Pemakaian Standard Program: i. Pengajian Media dan Komunikasi ii. Seni Persembahan iii. Perakaunan	33
30	Pemakaian Standard Program: Pendidikan	34
31	Pemakaian Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-Kanak	34
32	Pemakaian Standard Program: Kewangan	35
33	Pemakaian Standard Program: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran	35
34	Penawaran Sijil Siswazah (Graduate Certificate) dan Diploma Siswazah (Graduate Diploma) (Tahap 6, MQF)	38
35	Kriteria Penawaran Program Diploma Eksekutif	39
36	<i>Track Record</i> Penawaran Program Diploma Eksekutif	41
37	Penawaran Program 'Eksekutif' atau 'Profesional' yang Tidak Diakredit oleh MQA	41
38	Penyelarasan Standard Diploma Eksekutif dengan Dasar Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [APEL(C)]	42
39	Penawaran Program secara <i>Online Distance Learning</i> (ODL)	43
40	Keperluan Penilaian MQA Terhadap Program <i>Foundation / A-Level / Setara</i>	44
41	Penawaran Program Jangka Pendek (DIMANSUHKAN)	44
42	Permohonan <i>Top Up Programme</i>	45

<b>DASAR UMUM</b>		
43	Maksud 'Penghentian Program' bagi Tujuan Penyerahan Kembali Perakuan Akreditasi kepada MQA	45
44	Pelanjutan Tempoh Moratorium ke atas Penubuhan PPT Swasta Berstatus Universiti, Kolej Universiti dan Kolej yang Baharu	46
45	Moratorium Penawaran Program Perubatan Baharu di PPT	46
46	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai Badan Pengiktirafan Kelayakan	47
47	Pengeluaran <i>Advisory Note</i> Berkenaan Sistem Jaminan Kualiti	47
<b>BIDANG 2 - REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM</b>		
48	Tempoh Pengajian	50
49	Sistem Semester	51
50	Pelaksanaan Tempoh Pembelajaran Maksimum sehingga 45 Minggu dalam Satu Tahun Pengajian	52
51	<i>Bridging</i>	52
52	Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum ( <i>Guidelines to Good Practices: Curriculum Design and Delivery</i> )	52
53	Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja ( <i>Guidelines to Good Practices: Work-Based Learning, GGP: WBL</i> )	53
54	Garis Panduan Penamaan (Nomenklatur) Program Sarjana Muda (Tahap 6, MQF)	53
55	Dasar Perubahan Kurikulum	55
56	Kursus Asas ( <i>Foundation</i> )	56
57	Pelaksanaan Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)	57
58	Penawaran Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) bagi Pelajar Antarabangsa yang Mengikuti Pengajian secara <i>Online Distance Learning</i> (ODL) Sepenuhnya di Luar Negara	61
59	Permohonan Program Sarjana (Tahap 7, MQF) dan Kedoktoran (Tahap 8, MQF) Menggunakan Penamaan Program yang Umum dan Mempunyai Bidang Penyelidikan Terlalu Banyak dan Luas	61
<b>BIDANG 3 - PENILAIAN PELAJAR</b>		
60	Keperluan Minimum Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) untuk Bergraduat bagi Program Peringkat Sarjana (Secara Kerja Kursus dan Campuran)	63
61	Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar ( <i>Guidelines to Good Practices: Student Assessment</i> )	63

**BIDANG 4 – PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR**

62	Kelayakan Masuk Umum	65
63	Syarat Kelayakan Masuk ke Program <i>Foundation in Science</i> dan <i>A-Level (Science)</i>	68
64	Syarat Kelayakan Masuk ke Program Perubatan, Pergigian dan Farmasi	70
65	Syarat Kelayakan Masuk Khas ke Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak di PPT Swasta	70
66	Pindaan Syarat Kelayakan Masuk dalam Standard Program	71
67	Pindaan Terhadap Syarat Kelayakan Masuk Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan bagi Tahap Diploma Sub Bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	73
68	Pengecualian Keperluan Kredit bagi Mata Pelajaran Tertentu pada Peringkat SPM Berdasarkan Standard Program	74
69	Tempoh Sah Laku dan Gabungan Keputusan SPM bagi Memenuhi Syarat Kelayakan Masuk	74
70	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) sebagai Syarat Kelayakan Masuk Selain Bidang Pengajian Islam	75
71	Syarat Kelayakan Masuk Menggunakan <i>Unified Examination Certification (UEC) Senior Middle Three (SM3)</i> ke PPT Swasta	76
72	Syarat Kelayakan Masuk Menggunakan UEC Teknikal ke PPT Swasta	76
73	Kombinasi Keputusan Peperiksaan sebagai Syarat Kelayakan Masuk	77
74	Kesetaraan Gred C (Kepujian) SPM dengan Kelayakan <i>GCE Ordinary Level (O-Level)</i>	77
75	Kelayakan Luar Negara yang Setara dengan SPM	77
76	Perincian Kelayakan Masuk bagi Negara Indonesia	78
77	Syarat Kelayakan Masuk Minimum ke Semua Program Sijil Kolej Komuniti	79
78	Syarat Kelayakan Masuk ke Program <i>Higher National Diploma (HND)</i> Menggunakan Kelayakan Sijil dari Institut Kemahiran Mara (IKM) atau Institut Latihan Perindustrian (ILP)	80
79	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Sijil Kolej Komuniti (SKK) sebagai Kelayakan Masuk ke Program Akademik Peringkat Sijil (Tahap 3, MQF) dan Diploma (Tahap 4, MQF)	80

80	Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) sebagai Syarat Kelayakan Masuk ke IPTA	81
81	Syarat Kelayakan Masuk ke Program Diploma (Tahap 4, MQF) Menggunakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM)	81
82	Syarat Kelayakan Masuk ke Program Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) Menggunakan Diploma Vokasional Malaysia (DVM)	82
83	Kelayakan Peperiksaan <i>Part II</i> dan <i>Part III Engineering Council Examination</i>	82
84	Pelaksanaan MUET bagi Kelayakan Masuk ke Program Universiti Awam	83
85	Pengecualian Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris dalam Standard Program bagi Pelajar Antarabangsa	83
86	Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris bagi Pelajar Antarabangsa	84
87	Pengecualian Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris dalam Standard Program bagi Pelajar Tempatan	85
88	Pengecualian Keperluan MUET Berdasarkan Standard Program	86
89	Penerimaan Kelayakan Melalui Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL) sebagai Salah Satu Syarat Kelayakan Masuk	86
90	Penggantian Syarat Kemasukan Terbuka dengan Syarat Kemasukan APEL	88
91	Penggunaan <i>Forecast Result</i> (Keputusan Ramalan)	89
92	Penggunaan Keputusan Peperiksaan Percubaan SPM bagi Tujuan Pengambilan Pelajar	89
93	Penggunaan Keputusan Peperiksaan Percubaan ( <i>Forecast Result</i> ) bagi Tujuan Pengambilan Pelajar Antarabangsa ke PPT Swasta	89
94	Program Gagal Akreditasi Tetapi Belum Tamat Tempoh Sah Laku Kelulusan	91
95	Kelayakan Akademik yang Tidak Mematuhi Syarat Kelayakan Masuk	91
96	Pengambilan Pelajar yang Tidak Memenuhi Syarat Kelayakan Masuk Minimum yang Ditetapkan	91

97	Pindah Kredit	92
98	Pindah Kredit dengan Gred dan Tanpa Gred	95
99	Dasar Pindah Kredit dan Penambahbaikan Dasar <i>Degree Transfer Programme</i> (DTP)	96
100	Keperluan Program Mobiliti	97
101	Pindah Kredit daripada STPM ke Program Pra-Universiti / <i>Foundation</i>	98
102	Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [GGP: APEL(C)]	98
103	Garis Panduan Pindah Kredit <i>Massive Open Online Courses</i> (MOOC)	98
104	Pengecualian Kursus	99
105	Penambahan Kursus bagi Menggantikan Kursus yang Dikecualikan	100
106	Penangguhan dan Penyambungan Semula Pengajian	100
<b>BIDANG 5 – STAF AKADEMIK</b>		
107	Kelayakan Staf Akademik	102
108	Garis Panduan Beban Staf Akademik	105
109	Garis Panduan Amalan Baik: Staf Akademik ( <i>Guidelines to Good Practices: Academic Staff</i> )	106
<b>BIDANG 6 – SUMBER PENDIDIKAN</b>		
110	Penyewaan / Perkongsian Kemudahan	108
<b>BIDANG 7 – PEMANTAUAN, SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN SECARA BERTERUSAN</b>		
111	Garis Panduan Amalan Baik : Pemantauan, Semakan dan Penambahbaikan secara Berterusan Kualiti Institusi ( <i>Guidelines To Good Practices : Monitoring Reviewing and Continually Improving Institutional Quality</i> (GGP:MR and CIQ))	110
112	Garis Panduan Penggunaan Istilah Pemeriksa Luar ( <i>External Examiner</i> ), Penasihat Luar ( <i>External Advisor</i> ) dan Lembaga Penasihat ( <i>Advisor Board</i> )	110
<b>PROSES KERJA</b>		
113	Penjelasan Mengenai Prosedur Permohonan dan Pembayaran Fi Akreditasi Sementara dan Akreditasi bagi Program: i. Sarjana Muda Kejuruteraan (4 Tahun) yang Dinilai oleh Engineering Accreditation Council (EAC), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) ii. Sarjana Muda Sains Senibina dan Sarjana Muda Senibina yang Dinilai oleh Majlis Akreditasi Pengajian Senibina Malaysia (MAPSM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)	112

114	Isu Pelanjutan Tempoh Akreditasi, Akreditasi Provisional dan Kelulusan	113
115	Pembatalan Akreditasi bagi PPT yang Tidak Mengemukakan Dokumen <i>Self Review Report</i> (SRR)	114
116	Isu Penilaian Standard Minimum, Akreditasi dan Transisi LAN-MQA	115
117	Proses Penjumudan, Pembekuan, Pelupusan dan Penawaran Semula Program Akademik Universiti Awam	116
118	Pemansuhan Pengeluaran Perakuan Memenuhi Keperluan Kualiti (Certificate of Quality Compliance, CQC)	120
119	Penambahbaikan Proses Pemantauan Syarat-Syarat Khusus Perakuan Akreditasi	121
120	Pengurangan Bilangan Dokumen MQA-01 dan MQA-02 bagi Permohonan Program Akreditasi Sementara dan Akreditasi ke MQA	121
121	Makluman Awal Pelaksanaan Kadar Fi Baharu Perkhidmatan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	122
122	Pendaftaran Kelayakan PPT Berstatus Swaakreditasi dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR)	123
123	Prosedur Permohonan dan Pembayaran Fi Permohonan Perakuan Akreditasi Sementara dan Akreditasi bagi Program Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (Tahap 6, MQF) (DIMANSUHKAN)	123
	Lampiran A - <i>Advisory Note</i>	125
	Lampiran B - Carta Alir Proses	133

## SINGKATAN

<b>ADTP</b>	<i>American Degree Transfer Programme</i>
<b>APEL</b>	<i>Accreditation of Prior Experiential Learning</i>
<b>APEL(C)</b>	<i>Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award</i>
<b>APP</b>	Ahli Panel Penilai
<b>BI</b>	Bahasa Inggeris
<b>BoK</b>	<i>Body of Knowledge</i>
<b>CAE</b>	<i>Cambridge English: Advance</i>
<b>CFE</b>	<i>Cambridge English: First</i>
<b>COL</b>	<i>Critical Occupations List</i>
<b>CPE</b>	<i>Cambridge English: Proficiency</i>
<b>CEFR</b>	<i>Common European Framework of Reference for Languages</i>
<b>CIIQ</b>	<i>Continually Improving Institutional Quality</i>
<b>COPIA</b>	<i>Code of Practice for Institutional Audit</i>
<b>COPPA</b>	<i>Code of Practice for Programme Accreditation</i>
<b>COP-ODL</b>	<i>Code of Practice for Open and Distance Learning</i>
<b>CQC</b>	<i>Certificate of Quality Compliance</i>
<b>DKM</b>	Diploma Kemahiran Malaysia
<b>DLKM</b>	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
<b>DTP</b>	<i>Degree Transfer Programme</i>
<b>DVM</b>	Diploma Vokasional Malaysia
<b>EAC</b>	<i>Engineering Accreditation Council</i>
<b>EPU</b>	<i>Economic Planning Unit</i>
<b>eSisraf</b>	Sistem Pengiktirafan Kelayakan
<b>GE</b>	<i>Graduate Employability</i>
<b>GGP</b>	<i>Guidelines to Good Practices</i>
<b>GPP</b>	Gaji Permulaan Pertama
<b>HND</b>	<i>Higher National Diploma</i>
<b>IKM</b>	Institut Kemahiran MARA
<b>IELTS</b>	<i>International English Language Testing System</i>

<b>ILP</b>	Institut Latihan Perindustrian
<b>IQA</b>	<i>Internal Quality Assurance</i>
<b>JKPT</b>	Jawatankuasa Pendidikan Tinggi
<b>JPA</b>	Jabatan Perkhidmatan Awam
<b>JPT</b>	Jabatan Pendidikan Tinggi
<b>JTPPK</b>	Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan
<b>KPT</b>	Kementerian Pendidikan Tinggi
<b>LAM</b>	Lembaga Arkitek Malaysia
<b>LAN</b>	Lembaga Akreditasi Negara
<b>LJM</b>	Lembaga Jurutera Malaysia
<b>LPM</b>	Lembaga Peperiksaan Malaysia
<b>MAPSM</b>	Majlis Akreditasi Pengajian Senibina Malaysia
<b>MJA</b>	Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi
<b>MJS</b>	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan
<b>MJM</b>	Mesyuarat Jemaah Menteri
<b>MMC</b>	<i>Malaysian Medical Council</i>
<b>MOA</b>	<i>Memorandum of Agreement</i>
<b>MOOC</b>	<i>Massive Open Online Courses</i>
<b>MPU</b>	Mata Pelajaran Umum
<b>MPW</b>	Mata Pelajaran Wajib
<b>MQA</b>	Malaysian Qualifications Agency
<b>MQF</b>	Malaysian Qualifications Framework
<b>MQR</b>	Malaysian Qualifications Register
<b>MQS</b>	Malaysian Qualification Statement
<b>MR</b>	<i>Monitoring Reviewing</i>
<b>MUET</b>	<i>Malaysian University English Test</i>
<b>NEC</b>	<i>National Education Code</i>
<b>NGMP</b>	Nilai Gred Mata Pelajaran
<b>NPP</b>	Nisbah Penawaran berbanding Permohonan
<b>ODL</b>	<i>Open and Distance Learning</i>
<b>PBM</b>	Pihak Berkuasa Melantik

<b>PNGK</b>	Purata Nilai Gred Kumulatif
<b>PPT</b>	Pemberi Pendidikan Tinggi
<b>PTE</b>	<i>Pearson Test of English</i>
<b>PTPTN</b>	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
<b>SKK</b>	Sijil Kolej Komuniti
<b>SKM</b>	Sijil Kemahiran Malaysia
<b>SLT</b>	<i>Student Learning Time</i>
<b>SM3</b>	<i>Senior Middle Three</i>
<b>SMA</b>	Sekolah Menengah Atas
<b>SMK</b>	Sekolah Menengah Kejuruan
<b>SMU3</b>	Sekolah Menengah Umum 3
<b>SPA</b>	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
<b>SPM</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>SRR</b>	<i>Self Review Report</i>
<b>STAM</b>	Sijil Tinggi Agama Malaysia
<b>STEM</b>	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
<b>STPM</b>	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
<b>SVM</b>	Sijil Vokasional Malaysia
<b>TOEFL</b>	<i>Test of English as a Foreign Language</i>
<b>UA</b>	Universiti Awam
<b>UEC</b>	<i>Unified Examination Certification</i>
<b>UK</b>	United Kingdom
<b>USA</b>	United States of America
<b>UN</b>	Ujian Nasional
<b>WBL</b>	<i>Work-Based Learning</i>


# PENGENALAN

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengeluarkan Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi edisi pertama pada tahun 2014 yang merangkumi dasar jaminan kualiti pendidikan tinggi bermula 2009 hingga 2013. MQA mengambil inisiatif untuk menyediakan Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi edisi kedua yang memuatkan dasar-dasar jaminan kualiti pendidikan tinggi bermula 2009 hingga 2017 sebagai rujukan kepada pihak yang berkepentingan. Kompilasi ini disusun berdasarkan bidang yang dinyatakan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA).

Kompilasi edisi kedua ini mengambil kira keputusan baharu berdasarkan beberapa sumber seperti Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA, Pekeliling / Surat Pekeliling / Surat Makluman Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi dan MQA serta Surat Makluman daripada Badan-Badan Profesional yang berkaitan. Justeru, terdapat perbezaan antara edisi pertama dan edisi kedua susulan penambahbaikan yang telah dilaksanakan seperti pindaan dan pemansuhan terhadap dasar-dasar lama yang tidak lagi relevan. Kompilasi ini perlu dibaca bersama dasar-dasar baharu yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh JPT, MQA dan badan berautoriti yang berkaitan.

Semoga kompilasi ini dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh semua pihak yang berkepentingan dalam urusan yang berkaitan dengan jaminan kualiti bagi memastikan kesinambungan dasar-dasar semasa jaminan kualiti diaplikasi secara komprehensif.

**BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK  
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)  
2017**



“Pihak berkepentingan perlu merujuk kepada **KOMPILASI DASAR JAMINAN KUALITI PENDIDIKAN TINGGI (2009-2017) EDISI KEDUA** susulan penambahbaikan yang telah dilaksanakan pada kompilasi edisi pertama kerana terdapat pindaan dan pemansuhan terhadap dasar-dasar lama yang tidak lagi relevan. Kompilasi ini perlu dibaca bersama dasar-dasar baharu yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh JPT, MQA dan badan berautoriti yang berkaitan.”

# Dasar Umum

"Manusia tak akan tahu semua perkara,  
justeru tahu banyak perkara lebih baik  
daripada tidak suka mengambil tahu  
walaupun satu perkara"

"Jangan biarkan perahu hanyut tak  
berpenghuni nanti hanyutnya tidak singgah  
ke pelabuhan"

~ Kata-kata Pujangga

## **1. KEPERLUAN MEMENUHI DASAR, STANDARD DAN KRITERIA PROGRAM SEMASA PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI**

PPT perlu memenuhi setiap keperluan dan ketetapan seperti berikut:

- i. pengambilan pelajar hendaklah memenuhi syarat kelayakan masuk seperti mana yang telah diluluskan oleh KPT;
- ii. kelayakan dan kesesuaian tenaga pengajar;
- iii. beban tenaga pengajar;
- iv. perancangan pengambilan dan pembangunan tenaga pengajar;
- v. kemudahan peralatan / perisian / makmal untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran;
- vi. kemudahan perpustakaan dari segi kapasiti dan buku rujukan yang mencukupi dan terkini;
- vii. kurikulum yang kemaskini dan bersesuaian dengan keadaan semasa;
- viii. penglibatan pihak luar seperti pemeriksa luar terutama untuk program peringkat sarjana muda (tahap 6, MQF) dan ke atas; dan
- ix. sistem pengurusan seperti pengurusan rekod pelajar / akademik yang mantap.

Bagi PPT yang gagal memenuhi keperluan di atas akan menyebabkan Perakuan Akreditasi Sementara dan Akreditasi ditolak.

**Sumber:**

Surat Makluman MQA Bil. 3/2015: MQA. 100-1/7/2 (12) bertarikh 29 Jun 2015

## **2. PENAWARAN PROGRAM OLEH UNIVERSITI / KOLEJ UNIVERSITI**

- i. Kolej universiti hanya dibenarkan untuk menawarkan program peringkat *foundation*, diploma hingga kedoktoran.
- ii. PPT yang dinaiktaraf kepada universiti dan kolej universiti perlu menghentikan program kerjasama secara berperingkat.
- iii. Kolej universiti hanya dibenarkan menjalankan 20% program luaran secara kerjasama dengan PPT Luar. Tempoh yang diberikan bagi penawaran program sebegini adalah selama 5 tahun sahaja bagi proses *phase out*.
- iv. Universiti mesti menawarkan 100% program dalaman/sendiri.
- v. Program diploma (Tahap 4, MQF) boleh ditawarkan oleh PPT yang berstatus Universiti/Kolej Universiti tertakluk kepada nisbah yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011 (bertarikh 12 Julai 2011) dan Bil. 2/2013 (bertarikh 15 Jun 2013)

### 3. KEPERLUAN *TRACK RECORD* UNTUK PENAWARAN PROGRAM KEDOKTORAN (PENYELIDIKAN) OLEH PPT BERSTATUS KOLEJ UNIVERSITI DAN UNIVERSITI

Permohonan kelulusan program kedoktoran (penyelidikan) tanpa *track record* pengendalian program sarjana boleh dipertimbangkan tertakluk kepada adanya kemudahan dan sumber pendidikan yang mencukupi serta kebenaran KPT.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk MQA-SPIPTS Bil. 1/2009 bertarikh 11 Mei 2009

Keputusan Mesyuarat MQA Bil. 4/2009 bertarikh 22 Mei 2009

### 4. KEPERLUAN *TRACK RECORD* UNTUK PENAWARAN PROGRAM PERINGKAT SARJANA OLEH PPT BERSTATUS KOLEJ (DIMANSUHKAN)

Program peringkat sarjana boleh ditawarkan oleh PPT berstatus kolej dengan syarat berikut:

- i. PPT telah mempunyai *track record* penawaran program secara kerjasama di peringkat sarjana muda dalam bidang yang sama dan telah mendapat Akreditasi;
- ii. Program peringkat sarjana tersebut perlulah program secara kerjasama, bukan *homegrown programme*; dan
- iii. Kelulusan bukan dibuat berdasarkan faktor *resources* tetapi berdasarkan kepada polisi sedia ada yang ditetapkan oleh KPT.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2012 bertarikh 10 April 2012

### 5. DASAR KERJASAMA PROGRAM DARI KONTEKS PPT SWASTA SEBAGAI *FRANCHISEE*

Penawaran program secara kerjasama oleh *franchisee* mesti memenuhi semua syarat-syarat yang berikut:

#### A. Syarat Institusi:

- i. Kerjasama adalah dibenarkan dengan enam (6) kategori *franchisor* berikut:
  - a. **Kerjasama dengan PPT luar negara berstatus universiti** yang mempunyai *ranking* antarabangsa pada kedudukan 5% teratas dalam senarai kualiti akademik berkaitan atau badan yang menandatangani *comparability* dengan MQA dan mendapat

pengiktirafan daripada badan berkuasa atau kerajaan negara tersebut serta perakuan akreditasi daripada badan berkuasa atau badan jaminan kualiti berkaitan.

- b. **Kerjasama dengan Universiti Awam (UA)** yang mendapat minimum Tier 4 dalam SETARA atau D'SETARA (dalam bidang berkaitan) atau pengiktirafan yang setara dengannya berdasarkan sistem penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuatkuasa semasa permohonan.
- c. **Kerjasama dengan Politeknik Premier** yang mendapat minimum Tier 4 dalam penarafan PolyRATE berdasarkan sistem penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuatkuasa semasa permohonan.
- d. **Kerjasama dengan PPT swasta bertaraf Universiti atau Kolej Universiti** yang mendapat minimum Tier 4 dalam sistem penilaian dan penarafan SETARA atau D'SETARA (dalam bidang berkaitan) atau pengiktirafan yang setara dengannya berdasarkan sistem penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuatkuasa semasa permohonan.
- e. **Kerjasama dengan institusi/badan persijilan dalam dan luar negara.**
- f. **Kerjasama dengan PPT swasta bertaraf kolej** yang mendapat minimum 5 Bintang dalam penarafan MyQuest berdasarkan sistem penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuatkuasa semasa permohonan serta terhad kepada program *homegrown* kolej tersebut.

### B. Syarat Program:

- i. Tahap program berdasarkan MQF yang dibenarkan untuk ditawarkan secara kerjasama adalah:
  - a. Sarjana Muda (Tahap 6, MQF)
  - b. Diploma Lanjutan (Tahap 5, MQF)
  - c. Diploma (Tahap 4, MQF)
  - d. Sijil (Tahap 3, MQF)
- ii. Penganugerahan sijil akademik adalah dikeluarkan oleh *franchisor*.
- iii. Hanya program yang ditawarkan di *franchisor* dan telah mendapat akreditasi dari badan pengawal standard di negara asal dibenarkan menjadi program secara kerjasama.

- iv. Syarat kelayakan masuk bagi program secara kerjasama adalah sama atau setara dengan syarat kelayakan masuk program tersebut di PPT *franchisor* serta/dan mematuhi standard yang ditetapkan MQA.
- v. Program secara kerjasama perlu mematuhi standard program yang ditetapkan oleh MQA serta mematuhi keperluan MQF.
- vi. Program secara kerjasama perlu mendapatkan perakuan akreditasi daripada MQA.
- vii. Syarat-syarat lain yang dikenakan oleh badan profesional tempatan hendaklah dipatuhi sekiranya program melibatkan kelulusan dan kawal selia badan profesional.
- viii. *Franchisee* perlu menyediakan kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran dengan kualiti yang setara seperti disediakan di PPT *franchisor* serta mematuhi standard yang ditetapkan oleh MQA.
- ix. *Franchisee* perlu menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi dan berkelayakan dengan kualiti yang setara seperti disediakan di PPT *franchisor* serta mematuhi standard yang ditetapkan oleh MQA.
- x. Dokumen penilaian validasi program asal yang hendak dijadikan program secara kerjasama perlu disertakan oleh *franchisee* semasa mengemukakan permohonan kepada MQA.
- xi. Program secara kerjasama digalakkan dari bidang-bidang baharu atau bidang yang *market driven* berasaskan senarai bidang National Key Economic Area (NKEA) yang ditetapkan oleh kerajaan semasa permohonan dikemukakan.

### C. Syarat Pengurusan

- i. Setiap *franchisee* terhad menjalankan program secara kerjasama sehingga maksimum 50% daripada keseluruhan program akademik yang ditawarkan di institusi.
- ii. *Franchisee* hendaklah mempunyai kemampuan kewangan yang kukuh dan lestari bagi membolehkan perjanjian kerjasama berterusan untuk jangka masa yang panjang.
- iii. Tempoh minimum perjanjian kerjasama antara *franchisee* dengan *franchisor* adalah selama tujuh (7) tahun atau sehingga kohort terakhir pelajar bergraduasi.
- iv. *Franchisee* adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Ketua Pendaftar secara bertulis berkaitan penamatan perjanjian kerjasama sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh perjanjian atau sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum kohort terakhir pelajar bergraduasi.
- v. Komponen '*exit strategy*' dalam *Memorandum of Agreement* (MoA) perlu menyatakan polisi '*teach out*' dengan jelas. *Franchisee* dan *franchisor* bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebajikan dan hak pelajar sekiranya perjanjian ditamatkan sebelum tamat tempoh.

- (Polisi '*teach out*' merupakan polisi di mana *franchisee* dan *franchisor* perlu menyelesaikan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) sehingga semua pelajar bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan).
- vi. Satu (1) salinan *Memorandum of Agreement* (MoA) hendaklah dikemukakan kepada KPT dan MQA semasa permohonan pengendalian program secara kerjasama dikemukakan.
  - vii. Penawaran program secara kerjasama perlu mematuhi semua keperluan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dan Akta Agensi Kelayakan Malaysia (Akta 679).
  - viii. Semua syarat dalam dasar, garis panduan dan pekeliling penawaran program secara kerjasama perlu dibaca bersekali dengan surat kelulusan pengendalian program yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.

#### **D. Pelaksanaan**

Pemakaian pekeliling ini dikuatkuasakan kepada kelulusan program secara kerjasama baharu dan semua program secara kerjasama yang telah diluluskan perlu ditamatkan pada tarikh tamat tempoh perjanjian kerjasama atau dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh penguatkuasaan dasar ini, mengikut mana-mana yang terdahulu.

Ketua Pendaftar boleh menetapkan syarat tambahan bagi program secara kerjasama sedia ada atau baharu secara kes demi kes.

#### **Tarikh kuat kuasa mulai 01 Mei 2017.**

Dengan kuatkuasanya pekeliling ini, maka surat-surat pekeliling berhubung kursus kerjasama rujukan KPT(JPS) 100-4(4) bertarikh 30 November 2005 dan KPT(JPS) 100-4/2(9) bertarikh 16 Oktober 2006 adalah dibatalkan.

#### **Sumber:**

Pekeliling Pengurusan Pendidikan Tinggi Swasta (PPTS), JPT Bil. 2/2017: JPT/GS 1000-606 Jld. 2(1) bertarikh 12 April 2017

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2012 bertarikh 20 September 2012

## 6. DASAR KERJASAMA PROGRAM DARI KONTEKS PPT SWASTA SEBAGAI *FRANCHISOR*

A. Kerjasama program antara *franchisor* dan *franchisee* tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- i. *Franchisor* bertaraf universiti atau kolej universiti perlu mendapatkan minimum Tier 4 dalam penarafan SETARA atau D'SETARA dalam bidang berkaitan merujuk keputusan penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuat kuasa.
- ii. *Franchisor* bertaraf Kolej perlu mendapat minimum 5 Bintang dalam sistem penilaian dan penarafan MyQUEST berdasarkan keputusan Penarafan Berasaskan Kolej atau Penarafan Berasaskan Kluster bagi bidang berkaitan merujuk keputusan penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuat kuasa.
- iii. Program yang dijadikan program secara kerjasama telah memperoleh Perakuan Akreditasi penuh daripada MQA dan sekurang-kurangnya tiga (3) kohort pelajar telah bergraduat.
- iv. Perakuan Pendaftaran *franchisor* dan kelulusan pengendalian program asal masih dalam tempoh sah laku semasa dan sepanjang perjanjian kerjasama dibuat.
- v. *Franchisor* bertanggungjawab memaklumkan kepada Ketua Pendaftar berkaitan maklumat pengendalian program secara kerjasama yang dijalankan dengan *franchisee* selain PPT swasta dan sesalinan laporan pengesahan (*validation report*) berhubung pelaksanaan program secara kerjasama yang dijalankan di PPT *franchisee* perlu diserahkan kepada pihak MQA.
- vi. Lain-lain syarat adalah tertakluk sepenuhnya kepada dasar dan polisi agensi atau badan pengawal PPT *franchisee*.

### B. Pelaksanaan

Pemakaian pekeliling ini dikuatkuasakan kepada kelulusan program secara kerjasama baharu dan semua program secara kerjasama yang telah diluluskan perlu ditamatkan pada tarikh tamat tempoh perjanjian kerjasama atau dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh penguatkuasaan dasar ini, mengikut mana-mana yang terdahulu.

Ketua Pendaftar boleh menetapkan syarat tambahan bagi program secara kerjasama sedia ada atau baharu secara kes demi kes.

### Tarikh kuat kuasa mulai 01 Mei 2017.

Dengan kuat kuasanya pekeliling ini, maka surat-surat pekeliling berhubung kursus kerjasama rujukan KPT(JPS) 100-4(4) bertarikh 30 November 2005 dan KPT(JPS) 100-4/2(9) bertarikh 16 Oktober 2006 adalah dibatalkan.

#### Sumber:

Pekeliling Pengurusan Pendidikan Tinggi Swasta (PPTS) Bil. 2/2017 bernombor rujukan JPT/GS 1000-606 Jld. 2(1) bertarikh 12 April 2017

## 7. DASAR JAMINAN KUALITI PROGRAM PENGAJIAN LUAR NEGARA YANG DITAWARKAN SECARA KERJASAMA DENGAN PPT TEMPATAN

### A. Dasar Umum

1. Program yang hendak ditawarkan secara kerjasama dengan PPT tempatan mestilah turut ditawarkan juga di universiti induk dengan penamaan (*nomenclature*) yang sama;
2. Memenuhi keperluan hasil pembelajaran tahap kelayakan yang ditetapkan oleh MQF dan standard program yang berkaitan;
3. *Body of knowledge* (BoK) mesti mematuhi keperluan standard program yang berkaitan;
4. Kredit bergraduat perlu memenuhi keperluan standard program yang berkaitan dan keperluan kredit MQF (sekiranya tiada standard program);
5. Tempoh penawaran perlu memenuhi tempoh minimum yang ditetapkan oleh KPT atau yang ditetapkan oleh universiti induk, yang mana lebih tinggi;
6. Pendedahan kepada elemen atau topik tempatan yang bersesuaian mesti diambil kira dalam strategi penyampaian program;
7. Kelayakan masuk ke program kerjasama hendaklah mematuhi kelayakan masuk minimum yang ditetapkan oleh KPT atau standard program atau ketetapan universiti induk, yang mana lebih tinggi;
8. Skrol yang dianugerahkan kepada pelajar tidak menyatakan premis yang berbeza dengan universiti induk. Premis PPT tempatan perlu dinyatakan di dalam transkrip atau *diploma supplement / qualification statement* yang dikeluarkan oleh universiti induk atau Malaysian Qualification Statement (MQS) yang dikeluarkan oleh PPT tempatan.

### B. Pelaksanaan

1. Penilaian Akreditasi Sementara bagi program luar negara yang dijalankan secara kerjasama dengan PPT tempatan akan merangkumi struktur program, *learning outcomes*, penilaian pelajar, kelayakan masuk dan keperluan kredit bergraduat minimum MQF. Ia bertujuan untuk memastikan keperluan MQF, standard program dan dasar berkaitan dipatuhi pada peringkat awal.

2. Bagi memenuhi keperluan kredit bergraduat MQF, kesetaraan kredit dikira menggunakan faktor wajaran dan bukan *one to one*. Berikut adalah kesetaraan 1 kredit MQF dengan sistem kredit luar negara yang utama:

<b>Nations &amp; Systems</b>	<b>Notional Hours for 1 credit</b>	<b>Conversion factor</b>	<b>Credit Equivalent</b>
<b>AACs (Asia)</b>	38 – 48	-	<b>1</b>
<b>CATS (UK)</b>	10 – 15	$3[(10 \times 3)/(15 \times 3) = 30-45 \text{ hours of learning}]$	<b>3</b>
<b>ECTS (Europe)</b>	25 – 30	$1.5[(25 \times 1.5)/(30 \times 1.5) = 37.5-45 \text{ hours of learning}]$	<b>1.5</b>
<b>USA</b>	45	-	<b>1</b>
<b>CLAR (Latin)</b>	25 - 30	$1.5[(25 \times 1.5)/(30 \times 1.5) = 37.5-45 \text{ hours of learning}]$	<b>1.5</b>

AACs – *Asian Academic Credits*

CATS – *Credit Accumulation and Transfer Scheme*

ECTS – *European Credit Transfer and Accumulation System*

CLAR – *Latin American Reference Credit*

**Catatan:**

- i. Projek kesetaraan kredit ECTS dengan CATS (UK) menetapkan 1 kredit ECTS bersamaan dengan 2 kredit CATS (UK). Sehubungan itu, nilai kesetaraan kredit bagi sistem CATS (UK) ialah **1 kredit MQF bersamaan dengan 3 kredit CATS (UK)** berdasarkan kepada *conversion* sistem ECTS.
  - ii. Sehubungan itu, bagi negara yang menggunakan sistem kredit yang sama dengan CATS (UK) iaitu 1 kredit bersamaan dengan 10 *notional hours* (contoh: Australia dan New Zealand), maka kesetaraan kredit negara tersebut ialah 1 kredit MQF bersamaan dengan 3 kredit Australia dan New Zealand.
  - iii. Program dari PPT UK, Australia dan New Zealand dengan kredit bergraduat sebanyak 360 kredit adalah bersamaan dengan 120 kredit MQF.
3. Program yang tidak mematuhi dasar dan prosedur kerjasama yang ditetapkan akan ditolak lebih awal permohonannya di peringkat akreditasi sementara;

4. Bagi program luar negara yang tersenarai dalam global *ranking* seperti *Times Higher Education World University Rankings (THE)* dan *QS World University Rankings* pada kedudukan 15% daripada jumlah yang tersenarai mengikut *ranking* masing-masing, boleh dipertimbangkan untuk dikecualikan daripada mematuhi standard program dengan membuat permohonan bertulis kepada MQA.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil.4/2017 bertarikh 11 Oktober 2017

## 8. VARIASI PROGRAM KERJASAMA

- i. Variasi pelaksanaan program kerjasama PPT Swasta dengan PPT Luar/ PPT Awam peringkat sarjana muda yang diterima pakai adalah 1+2, 2+1 dan 3+0.
- ii. Bagi program *American Degree Transfer Programme (ADTP)* atau program kerjasama selain daripada program 3 tahun, PPT Swasta hendaklah mengendalikan sesi pengajian penuh bagi setiap tahun/sesi yang dipersetujui oleh PPT Luar/PPT Awam.

**Contoh:** 2+2, 3+1, 4+0 dan sebagainya.

- iii. Nama program PPT Swasta yang dikendalikan dengan kerjasama PPT Luar hendaklah:
  - a. diletakkan perkataan 'secara kerjasama' atau '*in collaboration with*' pada nama program; dan
  - b. diletakkan angka 3+0, 2+2, 2+1 dan sebagainya yang berkaitan selepas nama program itu.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil. 1/2009 bertarikh 24 Ogos 2009

## 9. PEMAKAIAN KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK, MQF) UNTUK PROGRAM BADAN PERSIJILAN

Pemakaian MQF untuk program badan persijilan adalah seperti berikut:

- i. Program badan persijilan perlu mematuhi dan memenuhi keperluan MQF.
- ii. Bagi program badan persijilan sedia ada yang tidak mematuhi MQF, maka permohonan untuk '*renewal*' akan ditolak. Walau bagaimanapun '*cooling period*' selama 6 bulan akan diberikan.
- iii. Tarikh kuat kuasa terhadap pematuhan MQF adalah selepas 2011.

Syarat yang perlu dipatuhi oleh program badan persijilan adalah seperti berikut:

- i. Perlu mengadakan kerjasama dengan PPT melalui Perjanjian Persefahaman (*Memorandum of Agreement, MoA*) untuk menawarkan sesuatu program;
- ii. Mengemukakan permohonan untuk kesetaraan kepada MQA berserta dengan silibus, contoh soalan dan jawapan peperiksaan, laporan penilai luar dan laporan validasi lain dan fi penilaian sebanyak RM1,050.00\* bagi setiap permohonan;
- iii. Permohonan untuk Akreditasi Sementara hendaklah dikemukakan bersama Perakuan Kesetaraan Program oleh MQA dan dokumen perjanjian (MoA) dengan PPT;
- iv. Memenuhi kelayakan masuk selaras dengan dasar dan standard yang ditetapkan oleh KPT;
- v. Memenuhi syarat pindah kredit yang ditetapkan bagi program diploma (Tahap 4, MQF) dan sarjana muda (Tahap 6, MQF) yang diterima pakai bagi kelulusan pengendalian program yang dimohon;
- vi. Memenuhi jumlah kredit bergraduat minimum dan tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesuatu program selaras dengan dasar KPT dan MQF;
- vii. Penilaian berterusan perlu diterapkan bagi semua program dan tidak sepenuhnya berdasarkan penilaian akhir; dan
- viii. Program yang dimohon nilai taraf perlu mempunyai objektif dan hasil pembelajaran (*learning outcomes*) bagi setiap kursus.

Semua program badan persijilan luar negara yang ditawarkan oleh mana-mana PPT di Malaysia hendaklah memenuhi MQF mulai 01 Mei 2013.

**\*Mulai 01 Januari 2018, fi permohonan kesetaraan kelayakan adalah RM2,100.00.**

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2012 bertarikh 20 September 2012

Memo Dalaman: MQA 10/89/04 Jld. 4 (70) bertarikh 28 Ogos 2012

Surat JPT: JPT (A) 1000/001/012/23 (14) bertarikh 13 Ogos 2012

Surat JPT: JPT/GS 1000-37 Jld.3 (51) bertarikh 26 Mac 2013

**10. PPT KAMPUS CAWANGAN LUAR NEGARA YANG BERSTATUS SWAAKREDITASI**

Semua PPT bagi kampus cawangan luar negara yang berstatus swaakreditasi perlu:

- i. Mematuhi MQF; dan
- ii. Melibatkan badan profesional bagi program profesional sebelum dikendalikan.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2013 bertarikh 15 Jun 2013

**11. AUDIT KEPADA PPT YANG MENAWARKAN SEBAHAGIAN ATAU SEPENUHNYA PROGRAM DI LUAR NEGARA**

PPT yang menawarkan sebahagian atau sepenuhnya program di luar negara perlu menjalani Audit Pematuhan MQA di premis cawangan tersebut bagi dua situasi berikut:

- i. Penawaran sebahagian atau sepenuhnya komponen kurikulum di kampus *offshore* PPT yang dibuka di luar negara.
- ii. Penawaran program secara *Open and Distance Learning* (ODL) yang melibatkan penyediaan pusat wilayah di luar negara.

Program yang akan diaudit adalah tertakluk kepada ketetapan seperti di bawah:

**a) Umum**

- i. PPT perlu menyatakan perancangan untuk melaksanakan program di kampus *offshore* atau pusat wilayah di luar negara semasa membuat permohonan untuk mendapatkan Akreditasi Sementara.
- ii. PPT dikehendaki memaklumkan MQA sejurus bermulanya pelaksanaan program di kampus *offshore* atau pusat wilayah di luar negara.
- iii. PPT harus ambil maklum bahawa fi yang dikenakan adalah berdasarkan fi permohonan yang berkuat kuasa dengan tambahan perbelanjaan lawatan ke luar negara dan mesyuarat penyelarasan sebelum dan selepas lawatan (*pre and post meeting*).

**b) Kampus Offshore**

- i. Pelaksanaan audit akan memfokus kepada pengendalian program di kampus tersebut sahaja.

- ii. PPT perlu menyediakan maklumat berdasarkan aspek jaminan kualiti yang ditetapkan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) dengan modifikasi tertentu berdasarkan konteks kampus.

**c) Pusat Wilayah Program Open and Distance Learning (ODL)**

- i. Pelaksanaan audit adalah sama seperti modus operandi pusat wilayah di Malaysia.
- ii. PPT perlu menyediakan maklumat berdasarkan aspek jaminan kualiti yang ditetapkan dalam COPPA dengan modifikasi tertentu berdasarkan konteks kampus dan perlu mematuhi Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (Code of Practice for Open and Distance Learning, COP-ODL).

Tarikh kuat kuasa pada **01 Januari 2017**.

**Sumber :**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 2/2016 bertarikh 16 Ogos 2016

Pekeliling MQA Bil. 1/2016: MQA. 100-1/7/1 (14) bertarikh 30 Jun 2016

## **12. PENGANUGERAHAN KELAYAKAN**

- i. Penganugerahan kelayakan di setiap peringkat/tahun pengajian adalah tidak dibenarkan. Pelajar hanya boleh diberikan '*statement of completion*'.
- ii. Penawaran kelayakan oleh kampus cawangan universiti luar negara bagi program yang tidak dikendalikan di universiti induk perlu mendapat kebenaran daripada Senat di universiti induk.
- iii. Nama, logo dan sebarang kenyataan mengenai keterlibatan PPT dalam program kerjasama tidak boleh dinyatakan di mana-mana bahagian skrol. Nama PPT yang menjalankan program, taraf kerjasama dan mod pengajian dinyatakan dalam transkrip peperiksaan sahaja.
- iv. Penganugerahan *exit award/fallback degree* di PPT tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, PPT boleh menganugerahkan *exit award/fallback degree* bagi kelayakan pada tahap yang sama dalam MQF (kandungan kurikulum program adalah sama) dan mempunyai kelulusan penawaran program. Situasi ini terpakai sekiranya pelajar berhenti atau tidak dapat mencukupkan kredit bergraduat bagi kelayakan seperti berikut:
  - a) Tahap 6, MQF iaitu Sijil Siswazah (30 kredit), Diploma Siswazah (60 kredit) dan Sarjana Muda (120 kredit).

- b) Tahap 7, MQF iaitu Sijil Pascasiswazah (20 kredit), Diploma Pascasiswazah (30 kredit) dan Sarjana (40 kredit).

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil. 1/2009 bertarikh 24 Ogos 2009

Surat JPT: JPT/GS 1000-617 Jld. 1 (32) bertarikh 17 Disember 2015

Advisory Note Bil. 7/2016: Panduan Pendidikan Fleksibel dalam Penawaran Program

### 13. KEPERLUAN MENYATAKAN NAMA CAWANGAN DI DALAM SKROL ATAU TRANSKRIP

Skrol pelajar yang mengikuti program di cawangan PPT perlu menyatakan maklumat berikut:

- i. Nama program seperti dalam surat kelulusan KPT;
- ii. Nama PPT induk atau cawangan PPT yang menjalankan program. Sekiranya skrol tidak menyatakan nama PPT cawangan, **transkrip** atau **Malaysian Qualification Statement (MQS)** perlu menyatakan nama PPT cawangan tersebut;
- iii. Tarikh dikeluarkan; dan
- iv. Tandatangan oleh sekurang-kurangnya dua penandatangan.  
Contoh: Naib Canselor dan Pendaftar.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 1/2016 30 Jun 2016

Surat Makluman MQA Bil. 1/2016: MQA. 100-1/7/2 (17) bertarikh 28 Januari 2016

### 14. PELAKSANAAN GARIS PANDUAN MALAYSIAN QUALIFICATION STATEMENT (MQS)

- i. Pengeluaran MQS oleh PPT di Malaysia ditetapkan sebagai pilihan;
- ii. MQS dikeluarkan kepada kelayakan Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) ke atas sahaja;
- iii. MQS dikeluarkan kepada pelajar sebaik sahaja keperluan penganugerahan sesuatu kelayakan dipenuhi dan mendapat pengesahan Senat PPT;
- iv. Pelajar tidak dikenakan fi untuk mendapatkan MQS; dan
- v. PPT di Malaysia perlu mengguna pakai format MQS seperti yang terkandung dalam Garis Panduan: MQS sebagai asas dalam mengeluarkan MQS masing-masing. Walau bagaimanapun, PPT dibenarkan untuk menambah elemen-elemen yang bersesuaian selaras dengan keperluan masing-masing.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 2/2015 bertarikh 28-30 Ogos 2015

Surat Makluman MQA Bil. 1/2015: MQA. 100-1/7/2 (9) bertarikh 30 April 2015

Garis Panduan ini boleh di muat turun di portal rasmi MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my))

## 15. DUAL AWARD

MQA tidak akan mengiktiraf kelayakan kedua yang dianugerahkan oleh PPT lain bagi program yang sama.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk MQA-SPIPTS Bil. 1/2009 bertarikh 11 Mei 2009

Keputusan Mesyuarat MQA Bil. 4/2009 bertarikh 22 Mei 2009

## 16. JOINT AWARD

Penganugerahan bersama (*joint award*) antara PPT dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:

- i. Pemilikan/pembangunan kurikulum mestilah di antara PPT yang bekerjasama;
- ii. Skrol program *joint award* mesti ditandatangani oleh institusi yang bekerjasama sebagai tanda pemilikan kelayakan dan tanggungjawab kualiti;
- iii. Penawaran *joint award* hanya dibenarkan untuk program peringkat sarjana muda dan peringkat yang lebih tinggi;
- iv. *Joint award* hanya dibenarkan ke atas PPT yang boleh menganugerahkan kelayakan di peringkat sarjana muda (*degree granting institution*) yang setanding (*equal standing institution*);
- v. PPT yang bekerjasama perlulah mempunyai staf akademik yang berkelayakan, berpengetahuan serta profesionalisme yang setanding antara satu sama lain;
- vi. PPT yang terlibat dalam program *joint award* hendaklah mempunyai sistem jaminan kualiti dalaman yang mantap; dan
- vii. Program *joint award* tersebut perlu mencapai Akreditasi/memenuhi tahap jaminan kualiti yang baik di PPT masing-masing.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk MQA-SPIPTS Bil. 1/2009 bertarikh 11 Mei 2009

Keputusan Mesyuarat MQA Bil. 4/2009 bertarikh 22 Mei 2009

Keputusan Minit Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011

Surat JPT: JPT (A) 1000/001/013/05 (17) bertarikh 27 Mac 2012

Memo Dalaman: MQA (S) 01 Jld 9 (85) bertarikh 14 Mei 2012

*Advisory Note* Bil. 1/2017: Terminologi Standard bagi Program *Joint Degree* (JD) dan *Double Degree* (DD)

## 17. PENAWARAN PROGRAM *DOUBLE DEGREE*

Syarat-syarat penawaran program *Double Degree* adalah seperti berikut:

### i. Jumlah Kredit Minimum

Konsep taburan kredit yang dinyatakan dalam Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum dijadikan panduan dalam menentukan jumlah kredit minimum bagi program *Double Degree*. Berdasarkan sampel yang dinyatakan di dalam garis panduan tersebut, jumlah kredit minimum bagi program *Double Degree* adalah 174 kredit.

Walau bagaimanapun, jumlah kredit bergraduasi bagi program *Double Degree* akan berbeza dan akan meningkat apabila Ijazah Sarjana Muda 1 (ISM1) dan Ijazah Sarjana Muda 2 (ISM2) adalah dari bidang yang berbeza.

### ii. Tempoh Minimum Penawaran Program

Tempoh minimum penawaran program *Double Degree* adalah 4 tahun. Tempoh penawaran juga akan berbeza mengikut gabungan program yang ditawarkan sebagai *Double Degree*.

### iii. Peratus Pertindihan Kursus

Komposisi peratus pertindihan kursus dianggarkan akan berbeza mengikut bidang program yang ditawarkan dalam program *Double Degree*.

Dalam menentukan kesamaan/pertindihan kursus-kursus yang dikongsi dalam program *Double Degree*, konsep pindah kredit secara *horizontal* digunakan. Pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kursus (*subject to subject mapping*).

Syarat umum pindah kredit adalah seperti berikut:

- a. Gred lulus – gred minimum iaitu gred C;
- b. Nilai kredit – sama dengan nilai kredit kursus bagi program yang dipetakan;
- c. Kesetaraan kurikulum kursus adalah tidak kurang daripada 80%; dan
- d. Kursus yang terlibat mestilah daripada program yang telah mendapat Akreditasi/pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.

**iv. Pemilihan Pelajar**

PPT perlu menentukan polisi pengambilan pelajar program *Double Degree* di mana hanya pelajar yang mempunyai rekod pencapaian akademik yang cemerlang sahaja yang akan dibenarkan untuk mengikuti program *Double Degree*.

**v. Penawaran program *Double Degree***

Fakulti/PPT yang terlibat dalam penawaran program *Double Degree* perlulah mempunyai perjanjian persefahaman yang jelas dan komprehensif.

Program yang terlibat hendaklah kedua-duanya telah mencapai status Akreditasi.

Penawaran program *Double Degree* boleh dilaksanakan secara berturutan (*sequential*) ataupun serentak (*concurrent*) tertakluk kepada pertimbangan PPT dengan berpandukan kepada konsep penawaran di bawah:

**Berturutan (*Sequential*)**

Hanya pelajar yang telah mengikuti sepenuhnya program ISM1 dengan rekod akademik yang cemerlang sahaja layak memohon untuk mengikuti ISM2. Permohonan mengikuti program *Double Degree* perlu dibuat secara berasingan dan persetujuan fakulti/PPT yang terlibat.

**Serentak (*Concurrent*)**

Hanya pelajar yang telah pun lengkap mengikuti tahun dua di ISM1 dengan rekod akademik yang cemerlang boleh dipertimbangkan untuk mendaftar dan mengikuti program ISM2.

**vi. Penganugerahan Kelayakan**

Umumnya pelajar yang mengikuti program *Double Degree* akan dianugerahkan dengan dua kelayakan setelah berjaya melengkapkan jumlah kredit yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, sekiranya prestasi pelajar semasa mengikuti program *Double Degree* adalah tidak memuaskan maka pelajar hanya akan dianugerahkan dengan satu kelayakan sahaja berdasarkan pencapaian pelajar tersebut.

Justeru, PPT perlu menyediakan polisi bergraduat yang jelas bagi program *Double Degree* bagi memastikan pelajar yang mengikutinya dapat bergraduat dengan dua kelayakan dalam tempoh yang ditetapkan.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2013 bertarikh 15 Jun 2013

*Advisory Note* Bil. 1/2017: Terminologi Standard bagi Program *Joint Degree* (JD) dan *Double Degree* (DD)

**18. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM:**

**i. BIOTEKNOLOGI**

**ii. PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI**

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap standard program ini adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Perkara</b>
1.	01 November 2009 sehingga 31 Disember 2010	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat kelulusan pengendalian program, Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mengguna pakai standard program berkaitan.
2.	01 April 2010	Semua program baharu yang memohon kelulusan pengendalian program dan Akreditasi Sementara hendaklah mengguna pakai standard program berkaitan sepenuhnya.
3.	01 Januari 2011	Standard program berkaitan akan diguna pakai sepenuhnya dalam penilaian MQA terhadap program pengajian.  Pelajar bagi pengambilan pada dan selepas 01 April 2010 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk serta kurikulum yang digubal berdasarkan standard program berkaitan.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 1/2009: MQA 07/Jld. 3 (20) bertarikh 14 Oktober 2009

**19. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM: SAINS PERUBATAN DAN KESIHATAN**

- i. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 November 2009 sehingga 31 Disember 2010	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat kelulusan pengendalian program, Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mengguna pakai standard program berkaitan.
2.	01 April 2010	Semua program baharu yang memohon kelulusan pengendalian program dan Akreditasi Sementara hendaklah mengguna pakai standard program berkaitan sepenuhnya.
3.	01 Januari 2011	Standard program berkaitan akan diguna pakai sepenuhnya dalam penilaian MQA terhadap program pengajian.  Pelajar bagi pengambilan pada dan selepas 01 April 2010 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk serta kurikulum yang digubal berdasarkan standard program berkaitan.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 1/2009: MQA 07/Jld. 3 (20) bertarikh 14 Oktober 2009

**ii. Penambahan Subbidang**

Pada tahun 2012, tiga subbidang baharu ditambah di bawah Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan iaitu:

- a. *Audiology*;
- b. *Forensic Science*; dan
- c. *Speech Sciences*

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap standard program bagi tiga subbidang tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	05 Julai 2012 sehingga 04 Julai 2013	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk menggunakan standard program berkenaan.
2.	01 Januari 2013	<p>Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara hendaklah menggunakan standard program berkenaan sepenuhnya.</p> <p>Standard program berkenaan akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.</p> <p>Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Januari 2013 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk serta kurikulum yang digubal berdasarkan standard program berkaitan (syarat kelayakan masuk program Diploma tidak terpakai bagi standard program ini sehingga dimaklumkan kelak).</p>

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 3/2012: MQA 07/Jld. 3 (74) bertarikh 05 Julai 2012

**iii. Penambahan dan Penambahbaikan Subbidang**

Pada tahun 2016, satu subbidang ditambah iaitu *Paramedical Sciences* bagi memenuhi keperluan permohonan yang semakin meningkat dan 11 subbidang sedia ada telah dikaji semula iaitu:

- a. *Biomedical Sciences*;
- b. *Dietetics*
- c. *Environmental Health*;
- d. *Health Care Management*;
- e. *Medical Imaging*;
- f. *Medical Laboratory Technology*;
- g. *Nutrition*;
- h. *Occupational Safety and Health*;
- i. *Occupational Therapy*;
- j. *Physiotherapy*; dan
- k. *Radiotherapy*.

## DASAR UMUM

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap standard program bagi satu subbidang yang ditambah dan 11 subbidang yang dikaji semula adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 Julai 2016 sehingga 30 Jun 2017	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi standard program.
2.	01 Disember 2016	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk komponen kurikulum perlu mematuhi standard program. Semua program akan dinilai oleh MQA berdasarkan standard program.
3.	01 Disember 2016	Pengambilan pelajar perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.

Keperluan khusus seperti hasil pembelajaran, reka bentuk dan penyampaian kurikulum dan sumber pendidikan bagi lapan subbidang yang tidak dikaji semula iaitu *Audiology, Forensic Science, Speech Sciences, Biochemistry, Genetics, Microbiology, Medical Social Work* dan *Health Promotion* adalah tidak berubah dan kekal seperti yang terkandung dalam standard program terdahulu. Walau bagaimanapun, perkara lain yang terkandung dalam standard program terdahulu harus mematuhi ketetapan yang dinyatakan dalam standard program yang baharu.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 2/2016:MQA100-1/7/1(15) bertarikh 30 Jun 2016

**Catatan:**

Penguatkuasaan syarat kelayakan masuk peringkat diploma menggunakan SPM dengan 5 kredit bagi standard program Sains Perubatan dan Kesihatan bermula 01 Jun 2016.

**Sumber:**

Surat JPT: JPT/GS1000-617Jld.1(15) bertarikh 05 April 2015

Surat JPT: JPT/GS 1000-617 Jld 1 (47) bertarikh 07 Jun 2016

**20. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM: UNDANG-UNDANG DAN PERUNDANGAN SYARIAH**

i. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Undang-Undang dan Syariah adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 November 2009 sehingga 31 Disember 2010	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat kelulusan pengendalian program, Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mengguna pakai standard program berkaitan.
2.	01 April 2010	Semua program baharu yang memohon kelulusan pengendalian program dan Akreditasi Sementara hendaklah mengguna pakai standard program berkaitan sepenuhnya.
3.	01 Januari 2011	Standard program berkaitan akan diguna pakai sepenuhnya dalam penilaian MQA terhadap program pengajian.  Pelajar bagi pengambilan pada dan selepas 01 April 2010 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk serta kurikulum yang digubal berdasarkan standard program berkaitan.

Sumber:  
Pekeliling MQA Bil. 1/2009: MQA 07/Jld. 3 (20) bertarikh 14 Oktober 2009

ii. **Penambahbaikan Standard Program**

Pada tahun 2015, standard program ini telah dikaji semula dan penamaan Standard Program: Undang-Undang dan Syariah telah dipinda kepada Standard Program: Undang-Undang dan Perundangan Syariah. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap standard program yang telah ditambah baik ini adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 April 2015 sehingga 31 Mac 2016	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk memenuhi keperluan dokumen standard ini.

## DASAR UMUM

2.	01 2015	September	<p>Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.</p> <p>Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.</p>
3.	01 2015	September	<p>Pengambilan pelajar pada dan selepas tarikh ini hendaklah mematuhi syarat kelayakan masuk seperti ketetapan dalam dokumen standard ini.</p>

Selaras dengan penambahbaikan ini melalui penguatkuasaan Pekeliling MQA Bil. 1/2015 bertarikh 23 Mac 2015, maka **perkara (i)** di atas berkaitan dengan **Standard Program: Undang-Undang dan Syariah yang dikuatkuasakan melalui Pekeliling MQA Bil. 1/2009 bertarikh 14 September 2009 adalah terbatal.**

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 1/2015: MQA. 100-1/7/1 (8) bertarikh 23 Mac 2015

- iii. Melalui Surat Pekeliling MQA Bil. 3/2015 bertarikh 14 September 2015, terdapat penambahbaikan yang dilaksanakan terhadap Standard Program: Undang-Undang dan Perundangan Syariah dari segi "Matlamat Program dan Objektif Pendidikan", "Hasil Pembelajaran", Jadual 3, Sarjana Muda Undang-Undang (Major Tunggal) dan nota di Lampiran 2 "Badan Pengetahuan". Pelaksanaan dan pematuhan terhadap penambahbaikan standard program ini adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 Oktober 2015 sehingga 30 September 2016	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk memenuhi keperluan dokumen standard ini.
2.	01 Mac 2016	<p>Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.</p> <p>Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.</p>

Pelaksanaan dan pematuhan bagi pengambilan pelajar masih terpakai berdasarkan Pekeliling MQA Bil.1/2015 bertarikh 23 Mac 2015 iaitu 01 September 2015.

**Sumber:**

Surat Pekeliling MQA Bil. 3/2015: MQA 100-1/7/1 (9) bertarikh 14 September 2015

**21. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM: KOMPUTERAN**

- i. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Komputeran adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Perkara</b>
1.	01 November 2009 sehingga 31 Disember 2010	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat kelulusan pengendalian program, Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mengguna pakai standard program berkaitan.
2.	01 April 2010	Semua program baharu yang memohon kelulusan pengendalian program dan Akreditasi Sementara hendaklah mengguna pakai standard program berkaitan sepenuhnya.
3.	01 Januari 2011	Standard program berkaitan akan diguna pakai sepenuhnya dalam penilaian MQA terhadap program pengajian.  Pelajar bagi pengambilan pada dan selepas 01 April 2010 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk serta kurikulum yang digubal berdasarkan standard program berkaitan.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 1/2009: MQA 07/Jld. 3 (20) bertarikh 14 Oktober 2009

ii. **Penambahbaikan Standard Program**  
 Pada tahun 2015, standard program ini telah dikaji semula dan pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Komputeran yang telah ditambah baik adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 April 2015 sehingga 31 Mac 2016	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk memenuhi keperluan dokumen standard ini.
2.	01 September 2015	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.  Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.
3.	01 September 2015	Pengambilan pelajar pada dan selepas tarikh ini hendaklah mematuhi syarat kelayakan masuk seperti ketetapan dalam dokumen standard ini.

Selaras dengan penambahbaikan ini melalui penguatkuasaan Pekeliling MQA Bil. 1/2015 bertarikh 23 Mac 2015, maka **perkara (i)** di atas berkaitan dengan **Standard Program: Komputeran yang dikuatkuasakan melalui Pekeliling MQA Bil. 1/2009 bertarikh 14 September 2009 adalah terbatal.**

**Sumber:**  
 Pekeliling MQA Bil. 1/2015: MQA. 100-1/7/1 (8) bertarikh 23 Mac 2015

iii. **Pengisian Matriks *Body of Knowledge* (BoK)**  
 Bagi program-program di bawah Standard Program: Komputeran, PPT hendaklah membuat pengisian matriks *Body of Knowledge* (BoK) bagi menentukan kesesuaian penamaan program berlandaskan empat disiplin Komputeran iaitu Teknologi Maklumat, Sistem Maklumat, Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian.

Pengisian matriks BoK ini perlu disertakan oleh pihak PPT semasa mengemukakan permohonan penilaian program (Akreditasi Sementara: MQA-01, Akreditasi Penuh: MQA-02). Manakala bagi program yang masih dalam proses penilaian MQA, matriks BoK ini perlu dikemukakan kepada MQA sebelum program tersebut dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA).

Contoh templat dan panduan pengisian matriks BoK boleh didapati di portal rasmi MQA: [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

**Sumber:**

Surat Pekeliling MQA Bil.1/2017: MQA. 100/7/1 (24) bertarikh 16 Februari 2017

**22. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM: SAINS MAKLUMAT**

- i. Merujuk kepada Pekeliling MQA Bil. 1/2009 bertarikh 14 Oktober 2009, MQA telah membangunkan **Standard Program: Sains Perpustakaan dan Maklumat** yang mana pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen standard ini adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 November 2009 sehingga 31 Disember 2010	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat kelulusan pengendalian program, Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mengguna pakai standard program berkaitan.
2.	01 April 2010	Semua program baharu yang memohon kelulusan pengendalian program dan Akreditasi Sementara hendaklah mengguna pakai standard program berkaitan sepenuhnya.
3.	01 Januari 2011	Standard program berkaitan akan diguna pakai sepenuhnya dalam penilaian MQA terhadap program pengajian.  Pelajar bagi pengambilan pada dan selepas 01 April 2010 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk serta kurikulum yang digubal berdasarkan standard program berkaitan.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 1/2009: MQA 07/Jld.3(20) bertarikh 14 Oktober 2009

ii. **Penambahbaikan Standard Program**

Pada tahun 2013, MQA telah membangunkan **Standard Program: Sains Maklumat** yang mana pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen standard ini adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 Disember 2013 sehingga 30 November 2014	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 Jun 2014	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.  Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.  Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Jun 2014 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 5/2013: MQA.07/Jld.3(94) bertarikh 12 November 2013

Selaras dengan pemakaian **Standard Program: Sains Maklumat** melalui penguatkuasaan Pekeliling MQA Bil. 5/2013 bertarikh 12 November 2013, maka **perkara (i)** di atas berkenaan dengan **Standard Program: Sains Perpustakaan dan Maklumat dalam Pekeliling MQA Bil. 1/2009** bertarikh **14 September 2009** adalah terbatal.

**Sumber:**

Surat Pekeliling MQA Bil. 2/2013: MQA07/01Jld.2(25) bertarikh 30 Disember 2013

**23. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM: KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN**

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 Januari 2012	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara MQA perlu menggunakan pakai Standard Program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan sepenuhnya.
2.	01 Jun 2011 sehingga 01 Jun 2012	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara MQA untuk menggunakan pakai Standard Program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan.  Bermula 01 Jun 2012, proses penilaian program oleh MQA bagi mendapat Akreditasi akan mula menggunakan pakai Standard Program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan sepenuhnya.
3.	01 Jun 2011 sehingga 01 Jun 2013	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi MQA untuk menggunakan pakai Standard Program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan.  Bermula 01 Jun 2013, semua program yang telah mendapat Akreditasi MQA perlu mematuhi Standard Program Kejuruteraan sepenuhnya.  PPT perlu menghantar dokumen berkaitan sebagai bukti pematuhan kepada Standard Program dan juga Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF).

**Sumber:**  
Pekeliling MQA Bil. 2/2011: MQA 07/Jld. 3 (67) bertarikh 14 Jun 2011

Pematuhan terhadap kelayakan masuk pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Januari 2012 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk seperti yang telah ditetapkan dalam standard program ini.

**Sumber:**  
Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2011: MQA 07/01 Jld. 2 (21) bertarikh 29 Jun 2011

**24. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM:**  
**i. SENI LUKIS DAN SENI REKA**  
**ii. MUAMALAT DAN KEWANGAN ISLAM**  
**iii. HOSPITALITI DAN PELANCONGAN**

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap standard program ini adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	05 Julai 2012 sehingga 04 Julai 2013	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk menggunakan standard program berkenaan.
2.	01 Januari 2013	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara hendaklah menggunakan standard program berkenaan sepenuhnya.  Standard program berkenaan akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.  Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Januari 2013 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk serta kurikulum yang digubal berdasarkan standard program berkenaan.

**Sumber:**  
 Pekeliling MQA Bil. 3/2012: MQA 07/Jld.3 (74) bertarikh 05 Julai 2012

**Catatan:**  
 Syarat kelayakan masuk peringkat diploma bagi Standard Program: Seni Lukis dan Seni Reka dan Standard Program: Hospitaliti dan Pelancongan adalah minimum tiga kredit SPM.

**Sumber:**  
 Surat Makluman MQA Bil. 2/2012: MQA 07/Jld.3(75) bertarikh 01 Ogos 2012  
 Surat Pekeliling MQA Bil. 2/2016: MQA.100-1/7/1(16) bertarikh 17 Ogos 2016

**25. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM: MULTIMEDIA KREATIF**

- i. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Multimedia Kreatif adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	05 Julai 2012 sehingga 04 Julai 2013	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk menggunakan standard program berkenaan.
2.	01 Januari 2013	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara hendaklah menggunakan standard program berkenaan sepenuhnya.  Standard program berkenaan akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.  Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Januari 2013 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk serta kurikulum yang digubal berdasarkan standard program berkenaan.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 3/2012: MQA 07/Jld.3(74) bertarikh 05 Julai 2012

- ii. **Penambahan Subbidang dalam Standard Program: Multimedia Kreatif**

Terdapat satu subbidang baharu yang diperkenalkan dalam Standard Program: Multimedia Kreatif iaitu Teknologi Permainan (*Games Technology*).

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen standard program bagi subbidang baharu tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 April 2015 sehingga 31 Mac 2016	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk memenuhi keperluan dokumen standard ini.
2.	01 September 2015	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.

## DASAR UMUM

		Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.
3.	01 September 2015	Pengambilan pelajar pada dan selepas tarikh ini hendaklah mematuhi syarat kelayakan masuk seperti ketetapan dalam dokumen standard.

**Sumber:**

Surat Pekeliling MQA Bil. 2/2015: MQA.100-1/7/1(7) bertarikh 11 Mac 2015

**26. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM:**  
**i. UKUR BANGUNAN**  
**ii. PENGAJIAN ISLAM**

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen standard ini adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 April 2013 sehingga 31 Mac 2014	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 April 2013	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.  Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.  Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 April 2013 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 2/2013: MQA 07/Jld.3 (85) bertarikh 04 Mac 2013

**27. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM: PSIKOLOGI**

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Psikologi adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 Disember 2013 sehingga 30 November 2014	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 Jun 2014	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.  Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.  Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Jun 2014 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

Sumber:

Pekeliling MQA Bil. 5/2013: MQA. 07/Jld. 3 (94) bertarikh 12 November 2013

**28. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM: PENGAJIAN PERNIAGAAN**

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Pengajian Perniagaan adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 April 2015 sehingga 31 Mac 2016	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk memenuhi keperluan dokumen standard ini.
2.	01 September 2015	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.  Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.

3.	01 September 2015	Pengambilan pelajar pada dan selepas tarikh ini hendaklah mematuhi syarat kelayakan masuk seperti ketetapan dalam dokumen standard ini.
----	-------------------	---

**Sumber:**  
Pekeliling MQA Bil. 1/2015: MQA. 100-1/7/1 (8) bertarikh 23 Mac 2015

- 29. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM:**
- i. PENGAJIAN MEDIA DAN KOMUNIKASI**
  - ii. SENI PERSEMBAHAN**
  - iii. PERAKAUNAN**

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen standard program ini adalah seperti butiran berikut:

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Perkara</b>
1.	18 Februari 2014 sehingga 17 Februari 2015	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 Ogos 2014	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.  Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.
3.	01 Ogos 2014	Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Ogos 2014 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

**Sumber:**  
Pekeliling MQA Bil. 2/2014: MQA. 100-1/7/1 (1) bertarikh 13 Februari 2014

**30. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM: PENDIDIKAN**

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Pendidikan adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Tarikh	Perkara
1.	15 Mei 2014 sehingga 14 Mei 2015	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 November 2014	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.  Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.
3.	01 November 2014	Pengambilan pelajar pada dan selepas tarikh ini hendaklah mematuhi syarat kelayakan masuk seperti ketetapan pada dokumen standard ini.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 3/2014: MQA. 100-1/71 (3) bertarikh 06 Mei 2014

**31. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM: PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-Kanak adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Tarikh	Perkara
1.	01 Ogos 2014 sehingga 31 Julai 2015	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard ini.
2.	01 Mac 2015	Semua dokumen baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.  Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.
3.	01 Mac 2015	Pengambilan pelajar pada dan selepas tarikh ini hendaklah mematuhi syarat kelayakan masuk seperti ketetapan pada dokumen standard ini.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 4/2014: MQA. 100-1/71 (4) bertarikh 16 Julai 2014

**32. PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM: KEWANGAN**

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Kewangan adalah seperti butiran berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 September 2016 sehingga 31 Ogos 2017	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi standard program.
2.	01 April 2017	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
3.	01 April 2017	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi standard program.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 3/2016: MQA. 100-1/7/1 (17) bertarikh 26 Ogos 2016

**33. PEMAKAIAN STANDARD: IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN**

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen standard ini adalah seperti butiran berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 April 2013 sehingga 31 Mac 2014	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 April 2013	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.  Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.  Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 April 2013* hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

\*Terdapat pindaan syarat kelayakan masuk bagi program peringkat sarjana yang mana pelaksanaan dan pematuhan terhadap syarat kelayakan baharu **berkuat kuasa 01 Januari 2014.**

**Catatan:**

Sekiranya terdapat perbezaan antara standard ini dengan standard program, maka standard yang lebih tinggi akan terpakai.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 1/2013: MQA 07/Jld.3(84) bertarikh 04 Mac 2013

Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2013: MQA 07/01Jld.2(24) bertarikh 19 Disember 2013

**Pindaan Terhadap Tempoh Pengajian bagi Peringkat Sarjana Dan Kedoktoran**

**A. Kedoktoran (Tahap 8, MQF) secara penyelidikan:**

- i. Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 3 tahun, manakala bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim 4 tahun.
- ii. Walau bagaimanapun, Senat sesebuah PPT boleh memberi pengecualian bagi pelajar yang cemerlang yang dapat menamatkan pengajian dalam masa yang lebih singkat.
- iii. Pemeriksa luar yang dilantik perlulah dalam bidang yang berkaitan dengan penyelidikan yang dibuat bagi menjamin kualiti penyelidikan tersebut.
- iv. Bagi pelajar yang memilih untuk membuat penyelidikan dalam bidang-bidang yang kritikal dan spesifik, PPT boleh melantik *co-supervisor* dari PPT yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut untuk menyelia.

**B. Kedoktoran (Tahap 8, MQF) secara mod campuran**

- i. Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 3 tahun manakala bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim ialah 4 tahun.
- ii. Walau bagaimanapun, Senat sesebuah PPT boleh memberi pengecualian bagi pelajar yang cemerlang yang dapat menamatkan pengajian dalam masa yang lebih singkat.
- iii. Pemeriksa luar yang dilantik perlulah dalam bidang yang berkaitan dengan penyelidikan yang dibuat bagi menjamin kualiti penyelidikan tersebut.
- iv. Bagi pelajar yang memilih untuk membuat penyelidikan dalam bidang-bidang yang kritikal dan spesifik, PPT boleh melantik *co-supervisor*

dari PPT yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut untuk menyelia.

**C. Kedoktoran (Tahap 8, MQF) secara kerja kursus**

- i. Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 3 tahun, manakala bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim ialah 4 tahun.
- ii. Walau bagaimanapun, Senat sesebuah PPT boleh memberi pengecualian bagi pelajar yang cemerlang yang dapat menamatkan pengajian dalam masa yang lebih singkat.

**D. Sarjana (Tahap 7, MQF) secara penyelidikan**

- i. Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 2 tahun, dan bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim ialah 3 tahun.
- ii. Walau bagaimanapun, Senat sesebuah PPT boleh memberi pengecualian bagi pelajar yang cemerlang yang dapat menamatkan pengajian dalam masa yang lebih singkat.
- iii. Pemeriksa luar yang dilantik perlulah dalam bidang yang berkaitan dengan penyelidikan yang dibuat bagi menjamin kualiti penyelidikan tersebut.
- iv. Bagi pelajar yang memilih untuk membuat penyelidikan dalam bidang-bidang yang kritikal dan spesifik, PPT boleh melantik *co-supervisor* dari PPT yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut untuk menyelia.

**E. Sarjana (Tahap 7, MQF) secara mod campuran**

Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 1 tahun, dan bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim ialah 2 tahun.

**F. Sarjana (Tahap 7, MQF) secara kerja kursus**

Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 1 tahun, dan bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim ialah 2 tahun.

**Kemasukan Terus daripada Peringkat Sarjana Muda ke Peringkat Kedoktoran**

Tiada kemasukan terus daripada peringkat sarjana muda ke peringkat kedoktoran.

Calon berkelayakan sarjana muda yang mendaftar untuk program peringkat sarjana, boleh memohon untuk menukar pendaftaran pengajian ke program kedoktoran dalam tempoh 1 tahun selepas mendaftar program sarjana tertakluk kepada ketetapan berikut:

- a. Telah menunjukkan kompetensi dan kebolehan dalam menjalankan penyelidikan pada peringkat kedoktoran;
- b. Penilaian dalaman yang rapi oleh PPT; dan
- c. Mendapat kelulusan daripada Senat PPT.

**Sumber:**

Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2015: MQA.100-1/7/1(6) bertarikh 11 Mac 2015

### **34. PENAWARAN SIJIL SISWAZAH (GRADUATE CERTIFICATE) DAN DIPLOMA SISWAZAH (GRADUATE DIPLOMA) (TAHAP 6, MQF)**

#### **A. Moratorium**

Moratorium sijil siswazah (graduate certificate) dan diploma siswazah (*graduate diploma*) bermula pada 12 Disember 2012 sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak. **(DIMANSUHKAN\*)**

#### **B. Pengecualian Moratorium Terhadap PPT Berstatus Terbuka**

Berdasarkan Pekeliling Mengenai Penggunaan Standard Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah untuk PPT Berstatus Terbuka, sebagai permulaan penawaran program ini hanya dibenarkan kepada PPT berstatus terbuka. **(DIMANSUHKAN\*)**

#### **C. Artikulasi**

Pelajar dibenarkan membuat pemindahan kredit ke peringkat pengajian lebih tinggi dalam tahap yang sama tanpa had (*horizontal credit transfer*) tertakluk kepada dasar pemindahan kredit semasa.

#### **D. Penawaran Mata Pelajaran Pengajian Umum**

Penawaran Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) dengan minimum 6 kredit melibatkan penawaran 2 kursus dalam U1 adalah diwajibkan. Ini menjadikan jumlah kredit bagi sijil siswazah kepada 36 kredit dan diploma siswazah 66 kredit.

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen Standard: Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 Ogos 2013 sehingga 31 Julai 2014	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 Ogos 2013	<p>Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.</p> <p>Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.</p> <p>Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Ogos 2013 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.</p>

**Catatan:**

Semua PPT berstatus Universiti, Kolej Universiti dan Kampus Cawangan Luar Negara dibenarkan untuk menawarkan program Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah (Tahap 6, MQF).

**Sumber:**

Memo Dalaman: MQA (S) 01 Jld 10 (7) bertarikh 28 Disember 2012

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2013 bertarikh 15 Jun 2013

Surat JPT: JPT/GS 1000-606 Jld 1 (28) bertarikh 22 Julai 2013

Memo Dalaman: MQA(S) 01 Jld. 10 (36) bertarikh 25 Julai 2013

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 2/2015 bertarikh 28-30 Ogos 2015

\*Surat Makluman JPT: JPT/GS 1000-617 Jilid 1 (22) bertarikh 20 Ogos 2015

**35. KRITERIA PENAWARAN PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF**

Syarat-syarat penawaran program Diploma Eksekutif (Tahap 4, MQF) adalah seperti berikut:

- i. Kredit bergraduat program Diploma Eksekutif adalah 90 kredit yang mana 30 kredit daripada 90 kredit tersebut adalah melalui 3 tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan; **(DIMANSUHKAN\*)**
- ii. Permohonan penawaran program Diploma Eksekutif oleh PPT hendaklah dengan jumlah kredit bergraduat sebanyak 90 kredit;

## DASAR UMUM

- iii. Program Diploma Eksekutif yang tidak memenuhi keperluan Tahap 4, MQF maka pihak PPT perlu menyemak semula kurikulum berdasarkan Standard Diploma Eksekutif. Sekiranya PPT masih menawarkan program Diploma Eksekutif yang tidak memenuhi keperluan Tahap 4, MQF maka PPT perlu menggugurkan penggunaan nama 'Diploma' pada penamaan program tersebut dan digantikan dengan nama lain yang bersesuaian;
- iv. Kurikulum program Diploma Eksekutif yang dibangunkan perlulah spesifik dan menjurus kepada sesuatu bidang dan tidak boleh mengguna pakai kurikulum diploma (Tahap 4, MQF) yang telah diluluskan;
- v. Program Diploma Eksekutif adalah program yang berdiri sendiri dan hanya ditawarkan kepada pekerja industri yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang khusus/ spesifik dalam sesuatu bidang;
- vi. Kelayakan Diploma Eksekutif boleh digunakan sebagai kelayakan masuk ke program pengajian di peringkat sarjana muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang yang berkaitan. Namun begitu, pindah kredit adalah tidak dibenarkan;
- vii. Kelayakan Diploma Eksekutif boleh digunakan sebagai kelayakan masuk ke program di peringkat sarjana (Tahap 7, MQF) melalui kriteria kemasukan menggunakan laluan APEL.

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen Standard Diploma Eksekutif ini adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Perkara</b>
1.	01 Mei 2013 Sehingga 30 April 2014	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 Mei 2013	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.  Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.

		<p>Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Mei 2013 hendaklah mengikut syarat Kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.</p>
<p><b>Sumber:</b> Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2012 (bertarikh 10 April 2012) dan Bil. 2/2012 (bertarikh 20 September 2012) Surat JPT: JPT (A) 1000/016/018/28 Jld 2 (11) bertarikh 27 April 2012 Surat JPT: JPT (A) 1000/016/018/28 Jld. 2 (16) bertarikh 28 September 2012 Pekeliling MQA Bil. 3/2013: MQA. 07/Jld.3 (86) bertarikh 15 April 2013 *Surat Pekeliling MQA Bil.4/2016: MQA. 100-1/7/1 (18) bertarikh 17 November 2016</p>		
<p><b>36. TRACK RECORD PENAWARAN PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF</b></p> <p>PPT yang ingin menawarkan program Diploma Eksekutif hendaklah mempunyai <i>track record</i> penawaran program diploma (Tahap 4, MQF) dengan 90 kredit dalam mana-mana bidang.</p> <p><b>Sumber:</b> Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2014 bertarikh 7 Ogos 2014</p>		
<p><b>37. PENAWARAN PROGRAM 'EKSEKUTIF' ATAU 'PROFESIONAL' YANG TIDAK DIAKREDIT OLEH MQA</b></p> <p>PPT yang menawarkan program 'eksekutif' atau 'profesional' dengan penamaan <i>Bachelor</i> Eksekutif, <i>Master</i> Eksekutif, Diploma Eksekutif, Diploma Profesional, <i>International Diploma</i> dan lain-lain yang tidak boleh diakredit, dinasihatkan agar memaklumkan kepada pelajar tentang status sebenar program/kelayakan ini tidak diakredit oleh MQA dan tidak setara dengan mana-mana tahap kelayakan dalam MQF.</p> <p>PPT juga dinasihatkan agar program sedemikian tidak diiklankan atau dipromosikan bersama-sama program/kelayakan lain yang telah diakredit supaya tidak menimbulkan keraguan dan kekeliruan kepada masyarakat umum.</p> <p>Kegagalan PPT untuk mematuhi perkara ini, jika sabit kesalahan, PPT boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.</p> <p><b>Sumber:</b> Surat makluman MQA Bil. 3/2017: MQA. 100-1/7/2 (28) bertarikh 14 April 2017</p>		

**38. PENYELARASAN STANDARD DIPLOMA EKSEKUTIF DENGAN DASAR PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN KREDIT [APEL(C)]**

Program Diploma Eksekutif wajib mengguna pakai instrumen APEL(C).

Penguatkuasaan pindahan kredit berdasarkan GGP: APEL(C) melibatkan **pindaan terhadap Standard Diploma Eksekutif** adalah seperti berikut:

- i. Pindahan atau pengecualian 30 kredit secara blok yang diperolehi melalui 3 tahun pengalaman kerja **tidak lagi dibenarkan**;
- ii. Pindahan maksimum sebanyak 30 kredit perlu dinilai berdasarkan instrumen APEL(C); dan
- iii. Kriteria penilaian dan pindahan kredit bagi setiap pelajar adalah berbeza tertakluk kepada instrumen APEL(C).

PPT yang menawarkan program Diploma Eksekutif perlu **memohon dan mendapatkan kelulusan MQA** untuk melaksanakan APEL(C).

Pelaksanaan dan pematuhan terhadap ketetapan baharu ini adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 Disember 2016 sehingga 30 November 2017	Tempoh transisi bagi semua <b>program Diploma Eksekutif yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi</b> untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>• mendapatkan kelulusan MQA bagi melaksanakan APEL(C); dan</li> <li>• mengemukakan kurikulum program Diploma Eksekutif dengan jumlah kredit bergraduat minimum sebanyak 90 kredit.</li> </ul> Kegagalan PPT dalam mematuhi ketetapan ini boleh mengakibatkan akreditasi program ditarik balik.
2.	01 Januari 2017	Semua <b>program baharu Diploma Eksekutif</b> perlu: <ul style="list-style-type: none"> <li>• mendapatkan kelulusan MQA bagi melaksanakan APEL(C) sebelum memohon Akreditasi Sementara; dan</li> <li>• mengemukakan kurikulum program Diploma Eksekutif dengan jumlah kredit bergraduat minimum sebanyak 90 kredit.</li> </ul>

Sumber:

Surat Pekeliling MQA Bil.4/2016: MQA. 100-1/7/1 (18) bertarikh 17 November 2016

**39. PENAWARAN PROGRAM SECARA OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL)**

A. Syarat-syarat pengendalian program ODL adalah seperti berikut:

- i. Program ODL perlu ada elemen *face to face* berdasarkan polisi sedia ada dalam Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (Code of Practice for Open and Distance Learning) yang dikeluarkan oleh MQA.
- ii. Perlu mengenal pasti kaedah bersesuaian bagi mengendalikan peperiksaan secara *online*.\*

\* Kaedah pelaksanaan peperiksaan secara *online* perlu diteliti secara menyeluruh agar pelaksanaannya tidak menjejaskan kewibawaan institusi tempatan dan Kementerian selaku pihak kawal selia pengajian tinggi negara.

**Catatan:**

Bagi penawaran program secara ODL oleh PPT bukan berstatus terbuka, PPT perlulah mempunyai program yang sama yang telah ditawarkan secara konvensional dan mendapat Akreditasi.

B. Kod Amalan ODL adalah dokumen sokongan kepada Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) dan Code of Practice for Institutional Audit (COPIA). Dokumen ini tertakluk kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*) dan juga dasar-dasar KPT dari semasa ke semasa.

\* Dokumen ini akan digunakan oleh MQA bagi tujuan penilaian dan menjadi panduan kepada PPT dalam melaksanakan amalan berkaitan pengendalian ODL di institusi masing-masing.

Berikut adalah jadual perincian pelaksanaan pematuhan terhadap kod amalan ODL.

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01 Disember 2012	Semua permohonan baharu yang memohon Akreditasi Sementara dan Akreditasi hendaklah mengguna pakai Kod Amalan ODL sepenuhnya.
2.	01 Jun 2013	Semua program (sedang dinilai/telah mendapat Akreditasi) perlu mematuhi Kod Amalan ODL sepenuhnya bermula pada 01 Jun 2013.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2013 bertarikh 15 Jun 2013

Pekeliling MQA Bil. 2/2012 : MQA 07 Jld. 3 (73) bertarikh 28 Jun 2012

#### **40. KEPERLUAN PENILAIAN MQA TERHADAP PROGRAM FOUNDATION / A-LEVEL / SETARA**

Program seperti *Foundation/A-Level/setara* boleh membuat permohonan penilaian program seperti biasa kerana ia merupakan program persediaan ke peringkat sarjana muda.

**Sumber :**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 2/2015 bertarikh 28-30 Ogos 2015

#### **41. PENAWARAN PROGRAM JANGKA PENDEK (DIMANSUHKAN\*)**

Penawaran Program Jangka Pendek terbahagi kepada 2 kategori seperti berikut:

##### **A. Penawaran program jangka pendek yang diambil daripada program sedia ada yang telah mendapat kelulusan:**

- i. Program jangka pendek ini tidak boleh melebihi 19 kredit dan mestilah dijalankan dalam tempoh tidak melebihi 17 minggu;
- ii. Kurikulum program jangka pendek ini terdiri daripada kursus program sedia ada yang telah mendapat kelulusan dari KPT;
- iii. Kandungan kurikulum program jangka pendek mestilah sama dengan kandungan kurikulum program asal;
- iv. Program jangka pendek ini mestilah diambil daripada program yang berada pada tahap kelayakan yang sama;
- v. Kelayakan masuk ke program jangka pendek ini hendaklah sama dengan kelayakan masuk ke program asal;
- vi. Bagi satu-satu program, hanya satu program jangka pendek sahaja yang dibenarkan;
- vii. Program jangka pendek ini tidak membolehkan pelajar mendapat pindah kredit untuk program dengan kelayakan penuh yang sedang/bakal diikutinya; dan
- viii. Permohonan ini akan dinilai taraf dan boleh diberi perakuan kredit.

##### **B. Penawaran program jangka pendek kurikulum sendiri (*stand-alone*) dan bukan sebahagian daripada program yang sedang ditawarkan:**

- i. Penawaran kredit tidak boleh melebihi 19 kredit dan mestilah dijalankan dalam tempoh tidak melebihi 17 minggu;
- ii. Permohonan ini akan dinilai taraf dan boleh diberi perakuan kredit; dan

- iii. Program jangka pendek ini tidak membolehkan pelajar mendapat pindah kredit untuk program dengan kelayakan penuh yang sedang/bakal diikutinya.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2012 (bertarikh 20 September 2012) dan Bil. 2/2012 (bertarikh 10 April 2012)

Memo Dalaman: MQA (S) 01 Jld 9 (91) bertarikh 13 Jun 2012

Surat JPT: JPT (A) 1000/001/013/05 Jld. 2 (18) bertarikh 08 November 2013

\*dimansuhkan kerana MQA tidak lagi melaksanakan penilaian terhadap program jangka pendek.

## **42. PERMOHONAN TOP UP PROGRAMME**

Penawaran *top-up programme* adalah tidak dibenarkan **kecuali** bagi program kejururawatan.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2014 bertarikh 5 April 2014

## **43. MAKSUD 'PENGHENTIAN PROGRAM' BAGI TUJUAN PENYERAHAN KEMBALI PERAKUAN AKREDITASI KEPADA MQA**

A. Maksud 'penghentian program' sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia (Akta 679) adalah seperti berikut:

- i. program tersebut tidak ditawarkan kepada pelajar selama dua tahun berterusan; atau
- ii. PPT tidak lagi berhasrat untuk menawarkan program; atau
- iii. program tersebut telah tamat tempoh kelulusan pengendalian program daripada KPT; atau
- iv. PPT telah menghentikan operasi/ditutup berdasarkan peruntukan dalam Bahagian XI Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555); atau
- v. kelulusan penawaran program ditamatkan atau dibatalkan atas arahan pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam meluluskan program tersebut.

B. Mana-mana program yang telah terhenti penawaran atau pengendaliannya sebagaimana maksud yang telah dinyatakan di para A di atas, PPT hendaklah menyerahkan perakuan akreditasi kepada pihak MQA selaras dengan peruntukan dalam Akta 679. Kegagalan PPT berbuat demikian merupakan suatu kesalahan yang boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh

tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya mengikut ketetapan seksyen 100 (1) Akta 679.

Tarikh kuat kuasa bermula pada **27 Mac 2017**.

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil.1/2017: MQA. 100-1/7/1 (24) bertarikh 27 Mac 2017

**44. PELANJUTAN TEMPOH MORATORIUM KE ATAS PENUBUHAN PPT SWASTA BERSTATUS UNIVERSITI, KOLEJ UNIVERSITI DAN KOLEJ YANG BAHARU**

Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan supaya moratorium ke atas penubuhan PPT swasta berstatus universiti, kolej universiti dan kolej baharu dilanjutkan daripada **01 Februari 2017 sehingga 31 Disember 2020**.

Pengecualian daripada moratorium boleh dipertimbangkan bagi perkara-perkara berikut:

- i. permohonan naik taraf;
- ii. penubuhan baru kampus luar negara dengan mengambil kira bahawa universiti induk berada dalam kedudukan antara 100 universiti terbaik dunia menurut sistem *ranking* yang diguna pakai oleh KPT;
- iii. berdasarkan keputusan Jemaah Menteri; dan
- iv. penubuhan PPT swasta dilaksanakan di kawasan pembangunan baharu di Iskandar Malaysia, Johor.

**Sumber:**

Pekeliling JPT: JPT/GS 1000-606 Jld. 2 (2) bertarikh 10 April 2017

**45. MORATORIUM PENAWARAN PROGRAM PERUBATAN BAHARU DI PPT**

Moratorium penawaran program perubatan baharu di PPT dilanjutkan bagi tempoh 5 tahun mulai 01 Mei 2016 hingga 30 April 2021 iaitu:

- i. Tiada program perubatan yang baharu di peringkat sarjana muda (Tahap 6, MQF); dan
- ii. Tiada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan di peringkat sarjana muda (Tahap 6, MQF).

JPT tidak akan mempertimbangkan sebarang permohonan penubuhan institusi/fakulti dan program baharu di peringkat sarjana muda untuk bidang perubatan sehingga moratorium ini ditarik semula.

**Sumber:**

Surat JPT: JPT/GS 1000-617 Jld.1(14) bertarikh 23 Februari 2017

**46. AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA) SEBAGAI BADAN PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN**

Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bertarikh 14 Disember 2016 memutuskan bahawa Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) dibubarkan dan fungsi mengenai urusan pengiktirafan kelayakan dilaksanakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) kecuali bagi maksud pelantikan ke dalam Sektor Perkhidmatan Awam yang akan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk diterima pakai oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM).

Mesyuarat MQA sebagai Badan Pengiktirafan Kelayakan yang telah diadakan bersama pihak JPA dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pada 12 Mei 2017 telah memutuskan bahawa urusan nilai taraf Perkhidmatan Awam akan dilaksanakan oleh MQA yang mana bermula Januari 2017, pengiktirafan Kerajaan bagi tujuan pelantikan dalam perkhidmatan awam dikawal selia oleh MQA. Sebelum ini, ia adalah di bawah seliaan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK), KPT.

Samakan berkenaan dengan nilai taraf bagi Perkhidmatan Awam boleh dirujuk melalui Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) atau MQR.

**Sumber:**  
Pekeliling MQA Bil. 3/2017: MQA. 100-1/7/1 (27) bertarikh 25 Ogos 2017

**47. PENGELUARAN *ADVISORY NOTE* BERKENAAN SISTEM JAMINAN KUALITI**

MQA dari semasa ke semasa akan mengeluarkan *Advisory Note* bertujuan untuk memastikan PPT peka dengan keperluan semasa kualiti program pengajian dan turut menyatakan cadangan penyelesaian yang dapat membantu PPT untuk menambah baik amalan baik sedia ada. Berikut adalah senarai *Advisory Note* yang telah dikeluarkan (sehingga 21 September 2017):

- i. *Academic Staff*
- ii. *Curriculum Design and Delivery*
- iii. *Cessation of Academic Programme*
- iv. *Postgraduate Audits*
- v. *Effective IQA*
- vi. *Accuracy of Public Information*
- vii. Panduan Pendidikan Fleksibel dalam Penawaran Program

- viii. Terminologi Standard Bagi Program *Joint Degree* (JD) dan *Double Degree* (DD)
- ix. *Needs Assessment / Market Analysis*
- x. *Postgraduate Programmes by Thesis*

Antara *Advisory Notes* yang telah dikeluarkan adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

**Sumber:**


Surat Makluman MQA Bil. 5/2016: MQA. 100-1/7/2 (22) bertarikh 30 Jun 2016

*Advisory Note* ini boleh di muat turun di portal rasmi MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my))



# *Bidang 2*


## **Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum**



"Ingatlah: Jika Anda mengenal musuh dan mengenal diri sendiri, tidak diragukan lagi anda akan menang; Namun jika Anda memahami "Langit" dan Anda memahami "Bumi", Anda akan membuat kemenangan Anda semakin lengkap"

"Bahkan pedang terbaik jatuh ke air garam pada akhirnya akan berkarat"

~ Sun Tzu, The Art of War



## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

### 48. TEMPOH PENGAJIAN

PERINGKAT	JUMLAH KREDIT MINIMUM	TEMPOH PENGAJIAN MINIMUM
Kedoktoran (Penyelidikan)	Tiada kredit bergraduasi	3 tahun*
Kedoktoran (Campuran dan Kerja Kursus)	80	3 tahun*
Sarjana (Penyelidikan)	Tiada kredit bergraduasi	2 tahun*
Sarjana (Campuran dan Kerja Kursus)	40	1 tahun*
Diploma Pascasiswazah	30	1 ½ semester** (1 semester panjang dan 1 semester pendek)
Sijil Pascasiswazah	20	1 semester**
Sarjana Muda	120	3 tahun
Diploma Siswazah	60***	3 ½ semester**
Sijil Siswazah	30***	2 semester**
Diploma Lanjutan	40	2 semester**
Diploma	90	2 tahun
Sijil	60	1 ¼ tahun
Sijil Kemahiran	Mengikut tahap kemahiran	Berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh agensi/ badan berkaitan

\*Tempoh lazim.

\*\*Pengiraan tempoh minimum adalah berasaskan kepada:

Semester	Minggu
1 Semester panjang	17 minggu (14 minggu pembelajaran + 2 minggu peperiksaan + 1 minggu persediaan)
1 Semester pendek	9 minggu

Tempoh minimum program mungkin berubah sekiranya PPT menggunakan sistem semester selain daripada yang dinyatakan di atas.

Dalam kes ini, tempoh minimum hendaklah ditentukan berdasarkan pengiraan Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time*, SLT).

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

\*\*\*PPT perlu menambah 6 kredit lagi daripada komponen U1, Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU).

### Catatan:

Kredit bagi program profesional adalah tertakluk kepada keperluan badan profesional yang berkenaan. Oleh itu, tempoh pengajian program profesional juga mungkin berbeza selaras dengan nilai kredit program tersebut.

### Sumber:

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011 bertarikh 12 Julai 2011

Surat JPT: JPT (A) 1000/001/013/05 (17) bertarikh 27 Mac 2012

Dirujuk bersekali dengan standard program dan ketetapan badan profesional

## 49. SISTEM SEMESTER

Dasar berkaitan sistem semester adalah seperti berikut:

- i. 1 tahun pengajian = maksimum 43 minggu.
- ii. Maksimum bilangan sesi/semester bagi satu tahun pengajian adalah 3 sesi/semester.
- iii. Beban pembelajaran pelajar bagi satu tahun pengajian adalah maksimum sebanyak 50 kredit.
- iv. Jumlah kredit maksimum bagi satu semester adalah 20 kredit.\*
- v. Sesi pengambilan pelajar adalah berdasarkan kepada bilangan sesi/semester yang ditawarkan dalam satu tahun pengajian.
- vi. Tempoh minimum program adalah berdasarkan dasar KPT. Sekiranya tiada dasar yang ditetapkan bagi suatu kelayakan masuk maka tempoh minimum program ditetapkan berpandukan Jam Pembelajaran Pelajar (SLT).

\* Walau bagaimanapun, pihak pengurusan MQA memutuskan buat masa ini program peringkat *foundation* dan sarjana dikecualikan daripada ketetapan 20 kredit maksimum (17 minggu) bagi setiap semester.

### Catatan:

Kiraan 20 kredit maksimum per semester adalah berdasarkan pengiraan SLT bagi 17 minggu pengajian dalam satu semester. Kredit maksimum akan berkurang sekiranya PPT menggunakan sistem semester kurang daripada 17 minggu pengajian.

### Sumber:

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011 bertarikh 12 Julai 2011

Surat JPT: JPT (A) 1000/001/013/05 (17) bertarikh 27 Mac 2012

### **50. PELAKSANAAN TEMPOH PEMBELAJARAN MAKSIMUM SEHINGGA 45 MINGGU DALAM SATU TAHUN PENGAJIAN**

PPT dibenarkan untuk melaksanakan tempoh pembelajaran sehingga 45 minggu dengan penambahan 1-2 kredit yang membawa kepada jumlah maksimum 52 kredit dalam 1 tahun pengajian. Walau bagaimanapun, keputusan ini terpakai bagi dua situasi sahaja iaitu:

- i. pengendalian peperiksaan; dan
- ii. pelaksanaan latihan industri

**Tarikh kuat kuasa bermula pada 15 Februari 2016.**

**Sumber :**

Surat Makluman MQA Bil. 2/2016 bertarikh 15 Februari 2016

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 3/2015 bertarikh 27-28 November 2015

### **51. BRIDGING**

- i. *Bridging* adalah program yang bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran atau pengetahuan seseorang pelajar dan bukan untuk menggantikan kekurangan kelayakan masuk.
- ii. *Bridging* tidak perlu mendapat kelulusan pengendalian KPT atau Akreditasi MQA. Penilaian ke atas *bridging* akan dilakukan semasa MQA menilai sesuatu program pengajian.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk MQA-SPIPTS Bil. 1/2009 bertarikh 11 Mei 2009

Keputusan Mesyuarat MQA Bil. 4/2009 bertarikh 22 Mei 2009

### **52. GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM (GUIDELINES TO GOOD PRACTICES: CURRICULUM DESIGN AND DELIVERY)**

Dokumen ini menggariskan amalan-amalan baik dalam bidang reka bentuk dan penyampaian kurikulum agar ia dapat diteliti dan menjadi panduan dan rujukan oleh PPT dalam proses penyediaan kurikulum.

**Sumber:**

Surat Makluman MQA Bil. 4/2013: MQA 07 Jld.3 (87) bertarikh 24 Jun 2013

Garis Panduan ini boleh di muat turun di portal rasmi MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my))

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

### 53. GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA (*GUIDELINES TO GOOD PRACTICES: WORK-BASED LEARNING, GGP: WBL*)

Dokumen ini merupakan panduan komprehensif berkaitan dengan pendekatan WBL yang merangkumi maklumat seperti berikut:

- i. Konsep dan definisi WBL;
- ii. Reka bentuk dan penyampaian kurikulum;
- iii. Penilaian pelajar;
- iv. Peranan dan tanggungjawab pelaksana WBL; dan
- v. Pentadbiran dan pemantauan pelaksanaan WBL.

**Sumber:**

Surat Makluman MQA Bil. 3/2016: MQA. 100-1/7/2 (20) bertarikh 25 Februari 2016

Garis Panduan ini boleh di muat turun di portal rasmi MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my))

### 54. GARIS PANDUAN PENAMAAN (NOMENKLATUR) PROGRAM SARJANA MUDA (TAHAP 6, MQF)

Penawaran program sarjana muda (Tahap 6, MQF) perlulah menggunakan penamaan yang lebih umum dan tidak terlalu spesifik/khusus.

Ini adalah bersesuaian dengan keperluan/syarat pengambilan pegawai perkhidmatan awam yang berdasarkan skop bidang yang umum seterusnya memberikan peluang kepada graduan PPT di Malaysia untuk memohon perkerjaan dalam sektor perkhidmatan awam.

Garis panduan penamaan program adalah seperti berikut:

Penamaan program meliputi komponen seperti kursus, unit atau modul yang membentuk sesuatu program dan membawa kepada penamaan kelayakan yang tertentu. Penentuan penamaan bidang program adalah berdasarkan kepada peratusan pengetahuan dalam bidang yang berkaitan seperti berikut:

Bil	Program	Penerangan
1.	Major	Kelayakan ini menggunakan nama satu bidang utama pengajian selepas perkataan Sarjana Muda. Pengetahuan dalam bidang utama ini merangkumi 70% daripada keseluruhan pengetahuan program.

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

		Contoh: Sarjana Muda Ekonomi, Sarjana Muda Kejururawatan, Sarjana Muda Sains Komputer
2.	Major dengan Pengkhususan ( <i>Major with Specialization</i> )	<p>Dalam suatu bidang utama pengajian, 25% - 30% pengetahuan program terdiri daripada pengkhususan tertentu yang terkandung dalam bidang atau disiplin yang sama. Bidang pengkhususan ini diletakkan di dalam kurungan selepas bidang utama.</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Antarabangsa), Sarjana Muda Kewangan (Perbankan Islam)</p>
3.	Dwi Major ( <i>Double Major</i> )	<p>Kelayakan ini menggabungkan dua bidang utama pengajian daripada dua disiplin yang berbeza. Beban akademik atau nilai kredit bagi kedua-dua bidang adalah hampir sama (50% - 50%) dan setiap bidang utama mestilah memenuhi keperluan minimum bidang tersebut. Tempoh masa pengajian adalah lebih panjang daripada pengajian satu bidang utama sahaja dan tempoh pengajian sebenar adalah bergantung pada tahap pengetahuan program serta keupayaan pelajar. Nama bidang utama ini digabungkan menggunakan perkataan penghubung "DAN".</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Usuluddin dan Ekonomi, Sarjana Muda Sastera Bahasa Inggeris dan Komunikasi.</p>
4.	Major-Minor	<p>Kelayakan ini menggabungkan satu bidang utama pengajian dengan satu minor daripada bidang yang lain. Beban akademik atau jam kredit bidang minor adalah 25% - 30% daripada keseluruhan program. Tempoh masa pengajian adalah lebih panjang daripada pengajian satu bidang utama sahaja. Nama bidang pengajian ini digabungkan menggunakan perkataan penghubung "DENGAN".</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Dakwah dengan Teknologi Maklumat</p>
<p>Sekiranya peratusan suatu bidang pengetahuan tidak mencapai 25% daripada keseluruhan kredit bergraduat program, bidang ini tidak akan dinyatakan pada nama kelayakan tetapi akan dinyatakan pada transkrip pelajar.</p>		

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

**Catatan:**

Penamaan kelayakan akademik bergantung kepada tahap kelayakan, petunjuk disiplin dan petunjuk bidang.

**Contoh:**

Tahap kelayakan – Sarjana Muda

Petunjuk Disiplin – Sains

Petunjuk Bidang – Kimia

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2012

Petikan daripada Buku Garis Panduan Penulisan Program Akademik JPT Edisi Pertama

### 55. DASAR PERUBAHAN KURIKULUM

Dasar berkenaan dengan perubahan kurikulum adalah seperti berikut:

- i. Perubahan kurikulum mesti dibuat melalui proses yang teratur dan diluluskan oleh pihak berautoriti PPT.
- ii. Setiap perubahan yang dibuat perlu mencerminkan penamaan program dan PPT perlu menyatakan justifikasi berkaitan perubahan kurikulum.
- iii. Setiap perubahan kurikulum hendaklah mengambil kira keperluan yang terdapat dalam standard program sekiranya berkaitan.
- iv. Peratusan perubahan kurikulum yang diambil kira adalah berdasarkan kurikulum asal seperti yang diluluskan.
- v. Perubahan yang melebihi 30% daripada keseluruhan kurikulum perlu mendapatkan kelulusan dari MQA. MQA akan membuat penilaian dari segi kesesuaiannya kerana kebiasaannya perubahan ini akan melibatkan hasil pembelajaran, matlamat program dan penamaan program.
- vi. Bagi permohonan perubahan kurikulum yang perlu dihantar ke MQA, PPT hendaklah mengemukakan dokumen seperti berikut:
  - a. Justifikasi perubahan kurikulum;
  - b. Maklumat skema pengajian kurikulum program yang telah diluluskan;
  - c. Peratusan perubahan kurikulum dan jadual pemetaan kurikulum asal dan yang dipinda; dan
  - d. Maklumat terperinci silibus untuk semua kursus yang terlibat dengan perubahan.

**Catatan:**

- i. Perubahan kurikulum boleh berlaku tidak terhad kepada perubahan hasil pembelajaran, objektif program dan penamaan program sahaja. Perubahan juga boleh berlaku apabila pihak PPT membuat perubahan

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

- atau menambah kursus yang ditawarkan, perubahan nilai kredit, perubahan agihan atau jenis penilaian dan sebagainya.
- ii. Penawaran komponen U1 bagi Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) tidak diambil kira memandangkan ia berlaku disebabkan oleh perubahan dasar semasa KPT.
  - iii. PPT perlu mempunyai polisi sendiri yang jelas berkaitan perubahan kurikulum dengan mengambil kira perkara (i). MQA tidak menentukan secara spesifik tentang kaedah pengiraan peratusan perubahan kurikulum.
  - iv. PPT yang berstatus swaakreditasi tidak perlu mengemukakan permohonan perubahan kurikulum kepada MQA kerana status tersebut membolehkan mereka melaksanakan perubahan kurikulum sendiri berdasarkan prosedur tertentu bagi program pengajian bukan profesional yang dijalankan oleh mereka.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2013 bertarikh 15 Jun 2013

Surat Makluman MQA Bil. 5/2013 : MQA 07 Jld 3 (88) bertarikh 29 Julai 2013

Memo Dalaman: MQA (S) 01 Jilid 10 (37) bertarikh 31 Julai 2013

Surat Penjelasan kepada *Asia Pacific University of Technology & Innovation* : MQA 07 Jilid 3 (92) bertarikh 25 Oktober 2013

Surat JPT: JPT (A) 1000/001/012/23 Jld. 2 (9) bertarikh 10 Disember 2013

Surat JPT: JPT/GS 1000-37 Jld 3 (49) bertarikh 5 Februari 2014

### 56. KURSUS ASAS (*FOUNDATION*)

- i. Pengendalian Kursus Asas (*Foundation*) perlu mematuhi syarat minimum seperti berikut:
  - a. Tempoh minimum pengendalian program adalah setahun dan jumlah kredit bergraduat minimum 50 kredit;
  - b. Beban pembelajaran pelajar bagi setahun pengajian adalah maksimum sebanyak 50 kredit; dan
  - c. Pengendalian program tidak melebihi 43 minggu setahun (termasuk minggu peperiksaan dan ulangkaji).
- ii. PPT Swasta yang menggunakan perkataan prauniversiti, alfa dan yang berkaitan bagi penamaan kursus asasnya perlu menukar nama kursus tersebut kepada Kursus Asas atau *Foundation* dan ditawarkan berasingan daripada kurikulum ijazah sarjana muda. Program luar seperti *American Degree Transfer Programme* (ADTP) adalah terkecuali bagi dasar ini.
- iii. PPT Swasta boleh dibenarkan untuk mengendalikan Kursus Asas (*Foundation*) tanpa mengendalikan program sarjana muda dalam bidang berkaitan tertakluk kepada kursus perlu berkualiti (diakredit oleh MQA)

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

dan terdapat PPT yang telah ditentukan dan disahkan untuk pelajar yang terlibat meneruskan pengajian selepas tamat Kursus Asas (*Foundation*) yang berkenaan. PPT yang mengendalikan Kursus Asas (*Foundation*) perlu menyediakan sekurang-kurangnya tiga *pathways*.

- iv. Nilai kredit minimum bagi program *foundation*/prauniversiti/ matrikulasi dan *A-Level* adalah 50 kredit dan merupakan program persediaan bagi kemasukan ke peringkat ijazah sarjana muda.
- v. Kegagalan PPT mematuhi syarat minimum yang telah ditetapkan akan dikenakan tindakan seperti berikut:
  - a. MQA akan mengemukakan perkara berkenaan kepada KPT untuk tindakan yang sewajarnya.
  - b. MQA akan meminta KPT mengeluarkan arahan agar pelajar tersebut tidak boleh bergraduat.
  - c. MQA akan meminta KPT mengambil tindakan kepada PPT dengan tidak membenarkan pengambilan baharu pelajar bagi program yang terlibat.
  - d. MQA akan meminta PTPTN mengambil maklum akan perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas PPT yang terlibat.
  - e. PPT perlu mendapatkan surat pengesahan daripada KPT sekiranya tindakan yang dikenakan telah dilaksanakan sepenuhnya oleh PPT.

**Tarikh kuat kuasa bermula pada 01 Jun 2014.**

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil. 1/2009 bertarikh 24 Ogos 2009

Surat JPT: JPT/BPP (U) 1000- 800/Jld.7 (4) bertarikh 10 Februari 2012

Surat Makluman MQA Bil. 2/2013: MQA 07 Jld. 3 (82) bertarikh 21 Januari 2013

Pekeliling MQA Bil. 1/2014 : MQA 07/Jld. 3 (96) bertarikh 21 Januari 2014

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2014 bertarikh 5 April 2014

Standard ini boleh di muat turun di portal rasmi MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my))

### **57. PELAKSANAAN KURSUS MATA PELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU)**

Mata Pelajaran Wajib (MPW) sedia ada di PPT digantikan kepada kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). Penawaran MPU juga dilaksanakan bagi menyeragamkan pengajaran kursus wajib di PPT swasta dan PPT Awam dengan mengambil kira keperluan pembelajaran pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa.

Penawaran kursus MPU dikuatkuasakan pada 01 September 2013 ke atas pelajar pengambilan kohort baharu di semua PPT, manakala penawaran

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

MPU menggunakan Garis Panduan MPU Edisi Kedua pula berkuat kuasa pada September 2017.

Kursus MPU merangkumi empat kumpulan iaitu:

- i. U1 - penghayatan falsafah, nilai dan sejarah;
- ii. U2 - penguasaan kemahiran insaniah;
- iii. U3 - perluasan ilmu pengetahuan di Malaysia; dan
- iv. U4 - kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.

### Struktur MPU

Struktur MPU melibatkan pelaksanaan di peringkat Sarjana Muda, Diploma dan Sijil. Pelajar diwajibkan lulus dan melengkapkan kelompok U1, U2, U3 dan U4 sebagai syarat untuk menamatkan pengajian. Perincian struktur pelaksanaan MPU adalah seperti berikut:

Tahap Pengajian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 atau 3 kredit setiap kursus dalam kelompok U1</li> <li>• 2 atau 3 kredit setiap kursus dalam kelompok U2 dan U3</li> <li>• 2 kredit bagi setiap kursus dalam kelompok U4</li> </ul>				
	U1	U2	U3	U4	Jumlah Kredit
Sarjana Muda, *Sijil Siswazah dan *Diploma Siswazah <b>(Tahap 6 MQF)</b>	2 kursus (4 – 6 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 kredit)	<b>10 - 14</b>
*Diploma Lanjutan <b>(Tahap 5 MQF)</b>  Diploma <b>(Tahap 4 MQF)</b>	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 kredit)	<b>8 – 11</b>
Sijil <b>(Tahap 3 MQF)</b>	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	-	<b>6 - 9</b>

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

\* Penawaran MPU bagi program Diploma Lanjutan, Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah adalah **diwajibkan** kepada pelajar yang belum pernah mengambil MPU pada peringkat pengajian sebelumnya. Jumlah kredit yang perlu diambil seperti di Tahap 3 iaitu 6 – 9 jam kredit.

Pelaksanaan MPU dikecualikan kepada program berikut:

- i. Program akademik di peringkat sarjana dan kedoktoran;
- ii. Kursus Jangka Pendek;
- iii. Program bukan penamat (*non-terminal*) seperti matrikulasi;
- iv. Program asasi (*foundation*);
- v. Kursus profesional dan ikhtisas (contoh: ACCA), bagi pelajar yang telah mengambil kursus MPU di peringkat pengajian terdahulu;
- vi. Pemberian pengecualian MPU adalah tertakluk kepada peruntukan dalam Akta yang perlu dipatuhi oleh PPT masing-masing.

### Pelaksanaan Kelompok U1

Kursus U1	Kredit	Pelajar Warganegara			Pelajar Bukan Warganegara			Bahasa Pengantar	
		Sijil (Tahap 3)	Diploma/ Diploma Lanjutan (Tahap 4 / Tahap 5)	Sarjana Muda (Tahap 6)	Sijil (Tahap 3)	Diploma/ Diploma Lanjutan (Tahap 4 / Tahap 5)	Sarjana Muda (Tahap 6)	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Bahasa Melayu Komunikasi 1 (ditawarkan berulang bagi kedua-dua tahap sebagai pengukuhan)	2 atau 3				√	√		√	
Bahasa Melayu Komunikasi 2	2 atau 3						√	√	
Pengajian Malaysia 1	2 atau 3	√						√	√
Pengajian Malaysia 2	2 atau 3		√					√	√
Pengajian Malaysia 3	2 atau 3						√	√	√
Tamadun Islam & Tamadun Asia (TITAS)	2 atau 3			√				√	
Hubungan Etnik	2 atau 3			√				√	

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

Bahasa Kebangsaan A	2 atau 3	Khas untuk pelajar warganegara tidak kredit Bahasa Melayu SPM dan diambil sekali sahaja bagi mana-mana tahap pengajian sebagai salah satu komponen wajib U2
** Lain-lain kursus dalam komponen U2, U3 dan U4 wajib ditawarkan namun berdasarkan kesesuaian dan penyelarasan pihak PPT dan boleh ditawarkan menggunakan bahasa pengantar Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.		

### Contoh Pelaksanaan Kelompok U2, U3 dan U4 MPU

U2 (2 atau 3 kredit)	U3 (2 atau 3 kredit)	U4 (2 kredit)	Bahasa Pengantar	
			Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Kemahiran Kepimpinan dan Hubungan Insan	Ekonomi Malaysia	Khidmat Masyarakat		
Kemahiran Reka Cipta dan Inovasi	Kerajaan dan Dasar Awam Malaysia	Ko-kurikulum	√	√
Kemahiran Menulis	Perlakuan Organisasi Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik Malaysia	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPT dan PPT	√	√
Kemahiran Berfikir	Perbandingan Agama		√	√
Kemahiran Keusahawanan	Etika Perbandingan		√	√
Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPT dan PPT	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPT dan PPT		√	√

**Nota:**

- Kursus-kursus U2-U4 ditetapkan oleh PPT.
- Bagi pelajar warganegara yang tidak mendapat kredit dalam Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) maka DIWAJIBKAN mengambil kursus Bahasa Kebangsaan A sebagai komponen U2.

**Sumber:**

Surat JPT: JPT/GS 1000-610 Jld 1 (36) bertarikh 26 November 2012  
 Surat JPT: JPT/GS 1000-606 Jld 1 (25) bertarikh 27 Jun 2013  
 Memo Dalaman: MQA (S) 01 Jld. 10 (36) bertarikh 25 Julai 2013  
 Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua tahun 2016

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

### 58. PENAWARAN MATA PELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU) BAGI PELAJAR ANTARABANGSA YANG MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA *ONLINE DISTANCE LEARNING* (ODL) SEPENUHNYA DI LUAR NEGARA

MPU dikecualikan dengan syarat pelajar perlu memenuhi jumlah kredit bergraduat seperti yang diluluskan.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2014 bertarikh 5 April 2014

### 59. PERMOHONAN PROGRAM SARJANA (TAHAP 7, MQF) DAN KEDOKTORAN (TAHAP 8, MQF) MENGGUNAKAN PENAMAAN PROGRAM YANG UMUM DAN MEMPUYAI BIDANG PENYELIDIKAN TERLALU BANYAK DAN LUAS

Penamaan bagi permohonan sarjana (Tahap 7, MQF) dan kedoktoran (Tahap 8, MQF) perlu lebih khusus mengikut bidang atau sub bidang yang ingin ditawarkan. Penilaian semua bidang penyelidikan adalah berdasarkan kod NEC dan juga standard bidang yang berkaitan; dan

Permohonan program sarjana dan kedoktoran **secara penyelidikan** perlu mempunyai kod NEC sekurang-kurangnya 2 digit (*broad programmes*). Sebagai contoh, sub bidang kod NEC 34 (*Business and Administration*) dan kod NEC 52 (*Engineering and Engineering Trades*).

**Sumber :**


Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 1/2015 (bertarikh 07 Mac 2015) dan Bil. 2/2015 (bertarikh 28-30 Mac 2015)

Surat makluman: JPT.S(A)2000/016/015/05(8) bertarikh 18 Ogos 2016



# Bidang 3

## Penilaian Pelajar




"Belayar bernakhoda, berjalan dengan yang tua, berkata dengan yang pandai"

"Hujan tidak sekali jatuh, simpai tidak sekali erat"

"Buruk dibuang dengan rundingan, baik ditarik dengan muafakat"

~ Bidalan Melayu Klasik



**60. KEPERLUAN MINIMUM PURATA NILAI GRED KUMULATIF (PNGK) UNTUK BERGRADUAT BAGI PROGRAM PERINGKAT SARJANA (SECARA KERJA KURSUS DAN CAMPURAN)**

Keperluan PNGK bagi syarat bergraduasi untuk program sarjana (secara kerja kursus dan campuran) adalah minimum 3.00.

**Tarikh kuat kuasa bermula 01 Jun 2014 bagi pengambilan pelajar kohort baru.**

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2013 bertarikh 15 Jun 2013

Pekeliling MQA Bil. 4/2013: MQA 7/Jld 3 (93) bertarikh 8 November 2013

Memo Dalaman: MQA (S) 01 Jld 10 (45) bertarikh 8 November 2013

**61. GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: PENILAIAN PELAJAR (GUIDELINES TO GOOD PRACTICES: STUDENT ASSESSMENT)**

Dokumen ini menyediakan amalan-amalan baik dalam penilaian pelajar agar ia dapat diteliti dan menjadi panduan dan rujukan oleh PPT dalam proses penilaian terhadap pelajar.

**Sumber:**


Surat Makluman MQA Bil. 4/2013: MQA 07 Jld.3 (87) bertarikh 24 Jun 2013

Garis panduan ini boleh di muat turun di portal rasmi MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my))



# *Bidang 4*


## **Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar**



"Jika saya menyimpan dahan hijau di hati  
saya, maka burung bernyanyi akan datang"

"Dia yang bertanya adalah bodoh selama  
lima minit, tetapi Dia yang tidak meminta  
tetap bodoh selamanya"

~ Pepatah Cina



## **62. KELAYAKAN MASUK UMUM**

### **Foundation / Matrikulasi / Asasi**

- i. Memiliki kelayakan SPM\* dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 5 mata pelajaran; atau
- ii. Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 3 mata pelajaran; atau
- iii. Lulus *O-Level* dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam 5 mata pelajaran; atau
- iv. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara.

### **Sijil (Tahap 3, MQF)**

- i. Memiliki kelayakan SPM\* dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 1 mata pelajaran; atau
- ii. Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 1 mata pelajaran; atau
- iii. Lulus *O-Level* dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam 1 mata pelajaran; atau
- iv. Lulus SKM tahap 2 dalam bidang berkaitan dan memiliki kelayakan SPM serta lulus Bahasa Melayu dan Sejarah dalam peperiksaan SPM; atau
- v. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara.

### **Diploma (Tahap 4, MQF)**

- i. Memiliki kelayakan SPM\* dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 3 mata pelajaran; atau
- ii. Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 3 mata pelajaran; atau
- iii. Lulus *O-Level* dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam 3 mata pelajaran; atau
- iv. Lulus SKM tahap 3 dalam bidang berkaitan; dan
  - a. Memiliki kelayakan SPM\* dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 1 mata pelajaran; dan
  - b. melalui program pengukuhan (sekiranya perlu); atau
- v. Lulus Sijil Kolej Komuniti yang setara dengan tahap 3 MQF dalam bidang berkaitan; dan
  - a. Memiliki kelayakan SPM\* dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 1 mata pelajaran; dan
  - b. melalui program pengukuhan (sekiranya perlu); atau
- vi. Lulus sijil (Tahap 3 MQF) dalam bidang berkaitan dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

- vii. Lulus STPM atau setara dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.0) dalam 1 mata pelajaran; atau
- viii. Lulus STAM (pangkat maqbul); atau
- ix. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara.

### **Sarjana Muda (Tahap 6, MQF)**

- i. Lulus STPM atau setara dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.0) dalam 2 mata pelajaran; atau
- ii. Lulus STAM (pangkat jayyid); atau
- iii. Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 5 mata pelajaran; atau
- iv. Lulus Matrikulasi/Foundation/Asasi dari mana-mana UA/PPT Swasta/Institusi yang dibenarkan menawarkan program foundation dengan mendapat PNGK 2.00; atau
- vi. Diploma dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
- vii. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara.

### **Sarjana (Tahap 7, MQF)**

#### Sarjana secara Mod Campuran dan Penyelidikan

- i. Sarjana muda dengan PNGK minimum 2.75 atau yang setara dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT; atau
- ii. Sarjana muda atau yang setara dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dan tidak mencapai PNGK 2.75, boleh diterima masuk bergantung kepada penilaian dalaman yang rapi; atau
- iii. Sarjana muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50, boleh diterima masuk tertakluk kepada minimum 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang relevan.

#### Sarjana secara Kerja Kursus

- i. Sarjana muda dengan PNGK minimum 2.50 atau yang setara dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT; atau
- ii. Sarjana muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50, boleh diterima masuk tertakluk kepada minimum 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang relevan.

### **Kedoktoran (Tahap 8, MQF)**

#### Kedoktoran (PhD) secara Kerja Kursus & Mod Campuran dan Penyelidikan

- i. Sarjana yang diiktiraf oleh senat PPT; atau
- ii. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengan sarjana yang diterima oleh senat PPT.

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### Kedoktoran (PhD) secara Hasil Kerja Diterbitkan

Pemohon wajib mempunyai penerbitan yang menyumbang kepada keserjanaan ilmu dalam bidang dan diakui oleh kalangan akademik. Permohonan formal wajib dikemukakan ke Pejabat Pendaftar dan mesti merangkumi:

- a. minimum lima penerbitan yang sejajar dengan tema kepakaran;
- b. ringkasan eksekutif penerbitan yang menunjukkan sumbangan pemohon kepada ilmu dalam bidang berkenaan; dan
- c. senarai keserjanaan hasil kerja diterbitkan.

### **Catatan:**

- i. Kelayakan masuk di atas perlu dirujuk bersekali dengan surat kelulusan program, standard program, badan profesional dan kompilasi kelayakan masuk.
- ii. Satu Jawatankuasa Pemilihan wajib ditubuhkan untuk menyemak permohonan formal PhD secara hasil kerja diterbitkan dan mengesyorkan kepada Senat untuk kemasukan calon.
- iii. Tiada kemasukan terus daripada tahap sarjana muda ke tahap kedoktoran.
- iv. Calon yang berkelayakan tahap sarjana muda yang mendaftar untuk program tahap sarjana, boleh memohon untuk menukar pendaftaran pengajian ke program kedoktoran dalam tempoh satu (1) tahun selepas mendaftar program sarjana, tertakluk kepada ketetapan berikut:
  - a. telah menunjukkan kompetensi dan kebolehan dalam menjalankan penyelidikan pada tahap kedoktoran;
  - b. penilaian dalaman yang rapi oleh PPT; dan
  - c. mendapat kelulusan daripada Senat PPT.

\* Wajib lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

### **Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM –MQA Bil. 1/2013 bertarikh 16 Februari 2013

Dirujuk bersekali dengan surat kelulusan program, standard program, kompilasi kelayakan masuk dan badan profesional

Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2013: MQA 07/01 Jld. 2 (24) bertarikh 19 Disember 2013

Memo Dalaman: MQA (S) 01 Jld. 10 (52) bertarikh 20 Disember 2013

**63. SYARAT KELAYAKAN MASUK KE PROGRAM *FOUNDATION IN SCIENCE* DAN *A-LEVEL (SCIENCE)***

Syarat Kelayakan Masuk ke Program *Foundation in Science* dan *A-Level (Science)* adalah seperti berikut:

- i. Lanjutan pengajian ke bidang Perubatan:
  - a. Memiliki kelayakan SPM\* / O-Level dengan mendapat Gred B dalam 5 mata pelajaran iaitu mata pelajaran Biologi, Kimia, Fizik dan Matematik (atau Matematik Tambahan) dan satu mata pelajaran yang lain; atau
  - b. Lulus Unified Examination Certificate (UEC) dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B4 dalam 3 mata pelajaran iaitu mata pelajaran Biologi, Kimia, Fizik (atau Matematik atau Matematik Tambahan).
  
- ii. Lanjutan pengajian ke bidang Pergigian:
  - a. Memiliki kelayakan SPM\* / O-Level dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 5 mata pelajaran iaitu mata pelajaran Biologi, Kimia, Fizik dan Matematik (atau Matematik Tambahan) dan satu mata pelajaran yang lain; atau
  - b. Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B4 dalam 4 mata pelajaran iaitu mata pelajaran Biologi, Kimia, Fizik (atau Matematik atau Matematik Tambahan) dan satu mata pelajaran lain.
  
- iii. Lanjutan pengajian ke bidang Farmasi:
  - a. Memiliki kelayakan SPM\* / O-Level dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 5 mata pelajaran iaitu mata pelajaran Biologi, Kimia, Fizik dan Matematik (atau Matematik Tambahan) dan satu mata pelajaran yang lain serta wajib lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam SPM atau setara.
  
- iv. Lanjutan pengajian ke bidang Sains Kesihatan Bersekutu:
  - a. Memiliki kelayakan SPM\* / O-Level dengan mendapat Kepujian dalam 5 mata pelajaran termasuk 4 mata pelajaran berikut:
    - Biologi
    - Fizik
    - Matematik
    - Kimia

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

Atau

- b. Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 3 daripada mata pelajaran berikut:
  - Biologi
  - Fizik/Matematik
  - Kimia
- v. Lanjutan pengajian ke bidang Kejuruteraan:
  - a. Memiliki kelayakan SPM\* / O-Level dengan mendapat Kepujian dalam 5 mata pelajaran termasuk Matematik dan Fizik serta 3 mata pelajaran lain atau kelayakan lain yang setara dengannya; atau
  - b. Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 3 mata pelajaran termasuk mata pelajaran Matematik dan Fizik serta 1 mata pelajaran lain atau kelayakan lain yang setara dengannya.
- vi. Lanjutan pengajian ke bidang Alam Bina:
  - a. Memiliki kelayakan SPM\* / O-Level dengan mendapat Kepujian dalam 5 mata pelajaran termasuk mata pelajaran Matematik atau kelayakan lain yang setara dengannya; atau
  - b. Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 3 mata pelajaran termasuk Matematik atau kelayakan lain yang setara dengannya.
- vii. Lanjutan pengajian ke bidang Sains yang lain:
  - a. Memiliki kelayakan SPM\* / O-Level dengan sekurang-kurangnya Kepujian dalam 5 mata pelajaran termasuk mata pelajaran Matematik dan 2 mata pelajaran Sains; atau
  - b. Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 3 mata pelajaran termasuk Matematik dan 2 mata pelajaran Sains atau kelayakan lain yang setara dengannya.
- viii. Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.

\* Wajib lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 2/2017 bertarikh 13 – 14 September 2017

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### **64. SYARAT KELAYAKAN MASUK KE PROGRAM PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI**

Keputusan daripada Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Majlis Pergigian Malaysia (MDC) dan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) berhubung Syarat Minimum Kemasukan ke Program Perubatan, Pergigian dan Farmasi adalah seperti berikut:

#### **Kelayakan masuk ke Program Perubatan**

Pemakaian pelaksanaan penggunaan Garis Panduan Kriteria Minimum Kemasukan ke Program Perubatan pada 30 Julai 2013.

#### **Kelayakan Masuk ke Program Pergigian**

Syarat Minimum Kemasukan ke Program Pergigian berkuatkuasa 11 Mei 2012.

#### **Kelayakan Masuk ke Program Farmasi**

Syarat Minimum Kemasukan ke Program Farmasi berkuatkuasa 1 Mac 2013 dengan pindaan syarat kelayakan masuk minimum *Foundation* dalam Sains ke program Ijazah Sarjana Muda Farmasi kuat kuasa pada 01 September 2014.

#### **Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil. 1/2013 bertarikh 16 Februari 2013

Surat Majlis Perubatan Malaysia (MMC): KKM 87/A4/6-10/89 (22) bertarikh 4 Disember 2012

Surat Majlis Pergigian Malaysia (MDC): KKM-60(20/7)/3 (20) bertarikh 8 Oktober 2012

Surat Lembaga Farmasi Malaysia (LFM): KKM/55/BPF/101/007/02 Jld. 4 (50) bertarikh 26 Disember 2012

Surat Lembaga Farmasi: KKM/55/BPF/101/007/02 Jld 5 (40) bertarikh 13 Jun 2014.

### **65. SYARAT KELAYAKAN MASUK KHAS KE PROGRAM DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI PPT SWASTA**

Syarat kelayakan minimum khas kemasukan baharu tersebut adalah seperti berikut:

- i. Memiliki kelayakan SPM atau setara dengan sekurang-kurangnya 2 kredit dalam mana-mana mata pelajaran DAN 3 tahun pengalaman kerja dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak; atau
- ii. Memiliki kelayakan SPM atau setara dengan sekurang-kurangnya 1 kredit dalam mana-mana mata pelajaran DAN 5 tahun pengalaman kerja dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Syarat kelayakan minimum khas kemasukan baharu ini adalah terpakai bagi **tempoh 2014 hingga 2018** sahaja dan bukan bertujuan untuk tawaran bagi

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

ambilan arus perdana. Pelaksanaan syarat baharu ini akan menyediakan saluran yang lain bagi membolehkan guru pra-sekolah dalam perkhidmatan untuk mendapatkan diploma dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Dasar ini selaras dengan keputusan Mesyuarat National Key Economic Area (NKEA) Steering Committee Bil. 23 pada 01 April 2014 berdasarkan permohonan oleh Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Malaysia (ECCE Council).

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 1/2015 bertarikh 07 Mac 2015

Pekeliling MQA Bil. 4/2014: MQA.100-1/7/1 (4) bertarikh 16 Julai 2014

Surat Makluman JPT: JPT/ GS 1000-617 (10) bertarikh 19 Januari 2015

### 66. PINDAAN SYARAT KELAYAKAN MASUK DALAM STANDARD PROGRAM

Jadual di bawah menunjukkan perkara yang ingin diperjelas, diselaras dan dipinda:

<p>a) Perkara yang ingin diperjelaskan</p>	<p>i) syarat kelayakan masuk yang ditetapkan dalam standard program tetapi tidak dinyatakan dalam surat pekeliling ini <b>adalah dikekalkan.</b></p> <p>ii) syarat keperluan Bahasa Inggeris bagi pelajar antarabangsa seperti yang ditetapkan dalam standard program tetapi tidak dinyatakan dalam surat pekeliling ini <b>adalah dikekalkan.</b></p>
<p>b) Perkara yang diselaras</p>	<p>Walaupun syarat keperluan Bahasa Inggeris bagi pelajar antarabangsa seperti yang ditetapkan dalam standard program adalah dikekalkan, namun, penawaran kursus penguasaan Bahasa Inggeris oleh PPT kepada pelajar yang tidak pernah disetarakan dengan mana-mana tanda aras antarabangsa seperti <i>Common European Framework of Reference for Languages</i> (CEFR) seperti yang dinyatakan dalam standard program berikut adalah tidak lagi dibenarkan:</p>

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Standard Program: Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan</li> <li>b. Standard Program: Pengajian Media dan Komunikasi</li> <li>c. Standard Program: Komputeran</li> <li>d. Standard Program: Ukur Bangunan</li> <li>e. Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-kanak.</li> </ul> <p>Hal ini selaras dengan penetapan dalam surat makluman Jabatan Pendidikan Tinggi bernombor rujukan JPT/BPP(P)1000-753 Jld.3(15) bertarikh 12 April 2016 berkaitan syarat kompetensi Bahasa Inggeris bagi pelajar antarabangsa.</p> <p>Pindaan ini berkuat kuasa mulai <b>1 Januari 2017</b>.</p>
c) Perkara yang dipinda	<p>Penambahbaikan pada syarat kelayakan masuk dalam standard program berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Muamalat dan Kewangan Islam.</li> <li>ii. Seni Lukis dan Seni Reka.</li> <li>iii. Komputeran.</li> </ul>

Sebanyak 13 standard program yang disenaraikan di bawah telah dibuat penambahbaikan.

- i. Bil. 2/2011 – Penggunaan Standard Program:
  - a. Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan
- ii. Bil. 3/2012 – Penggunaan Standard Program:
  - a. Muamalat dan Kewangan Islam
  - b. Hospitaliti dan Pelancongan
  - c. Seni Lukis dan Seni Reka
- iii. Bil 2/2013 – Penggunaan Standard Program:
  - a. Ukur Bangunan
- iv. Bil. 5/2013 – Penggunaan Standard Program:
  - a. Psikologi
  - b. Sains Maklumat

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

- v. Bil. 2/2014 – Penggunaan Standard Program:
  - a. Pengajian Media dan Komunikasi
  - b. Perakaunan
  
- vi. Bil. 4/2014 – Penggunaan Standard Program:
  - a. Pendidikan Awal Kanak-kanak
  
- vii. Bil. 1/2015 – Penggunaan Standard Program:
  - a. Komputeran
  - b. Undang-undang dan Perundangan Syariah
  - c. Pengajian Perniagaan

Tarikh kuat kuasa bermula daripada **01 Jun 2016** kecuali perkara 4(b) yang berkuat kuasa mulai **01 Januari 2017**.

**Sumber:**

Surat Pekeliling MQA Bil.2/2016: MQA. 100-1/7/1 (16) bertarikh 17 Ogos 2016

### 67. PINDAAN TERHADAP SYARAT KELAYAKAN MASUK STANDARD PROGRAM: SAINS PERUBATAN DAN KESIHATAN BAGI TAHAP DIPLOMA SUB BIDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Pindaan syarat kelayakan masuk Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan bagi tahap **diploma** sub bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pindaan tersebut adalah seperti berikut:

SYARAT KELAYAKAN MASUK (Sebelum Pindaan)	SYARAT KELAYAKAN MASUK (Selepas Pindaan)
<p>Sijil yang diiktiraf berkaitan dengan bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;</p> <p><b>DAN</b></p> <p>i) SPM atau setara dengan 3 kredit di dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Malaysia;</li> <li>• Bahasa Inggeris;</li> <li>• Matematik atau 1 mata pelajaran sains (Biologi / Fizik / Kimia / Sains Am)</li> </ul>	<p><b>Digugurkan</b></p> <p>i) SPM atau setara dengan 3 kredit di dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Malaysia;</li> <li>• Bahasa Inggeris;</li> <li>• Matematik atau 1 mata pelajaran sains (Biologi / Fizik / Kimia / Sains Am)</li> </ul>

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

<p><b>ATAU</b></p> <p>ii) GCE/<i>O-Level</i>/ atau setara dengan 3 kredit (Gred C) di dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Inggeris;</li> <li>• Matematik;</li> <li>• 1 mata pelajaran sains (Biologi / Fizik / Kimia / Sains Am / Sains Gunaan)</li> </ul>	<p><b>ATAU</b></p> <p>ii) GCE/<i>O-Level</i>/ atau setara dengan 3 kredit (Gred C) di dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Inggeris;</li> <li>• Matematik;</li> <li>• 1 mata pelajaran sains (Biologi / Fizik / Kimia / Sains Am / Sains Gunaan)</li> </ul>
--	--

Tarikh kuat kuasa **02 November 2016**.

**Sumber:**

Surat Pekeliling MQA Bil.3/2016: MQA. 100-1/7/1 (21) bertarikh 2 November 2016

### **68. PENGECUALIAN KEPERLUAN KREDIT BAGI MATA PELAJARAN TERTENTU PADA PERINGKAT SPM BERDASARKAN STANDARD PROGRAM**

Bagi kumpulan pelajar diploma yang mendaftar masuk ke program sarjana muda (Tahap 6, MQF) **sebelum** penguatkuasaan pemakaian standard program maka pelajar tersebut tidak tertakluk dengan keperluan kredit dalam mata pelajaran pada peringkat SPM.

Namun begitu, perkara ini tertakluk kepada syarat kelayakan masuk sedia ada seperti yang telah diluluskan oleh KPT **sebelum** tarikh penguatkuasaan pemakaian standard program berkenaan.

**Sumber :**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 3/2015 bertarikh 27-28 Mac 2015

### **69. TEMPOH SAH LAKU DAN GABUNGAN KEPUTUSAN SPM BAGI MEMENUHI SYARAT KELAYAKAN MASUK**

Syarat-syarat yang berkaitan dengan tempoh sah laku dan penggabungan keputusan SPM adalah seperti berikut:

- i. Tiada tempoh sah laku bagi sekali ambilan peperiksaan penuh SPM dan boleh digunakan seumur hidup.
- ii. Penggabungan dua atau lebih keputusan SPM adalah dibenarkan bagi peperiksaan SPM.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011 bertarikh 12 Julai 2011

Surat JPT: JPT.S (BPKP) 2000/500/016/01 Jld.3 (35) bertarikh 14 April 2011

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### 70. SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) SEBAGAI SYARAT KELAYAKAN MASUK SELAIN BIDANG PENGAJIAN ISLAM

Kelayakan STAM diterima sebagai salah satu kelayakan masuk ke program di peringkat sarjana muda (Tahap 6, MQF). Syarat umum kemasukan ke PPT menggunakan kelayakan STAM adalah seperti berikut:

- i. Memiliki kelayakan SPM dengan lulus Bahasa Melayu dan Sejarah / kelayakan lain yang setara;
- ii. Lulus STAM yang diambil dalam tempoh 2 tahun sebelum permohonan (Contoh: kemasukan tahun 2011, lulusan STAM 2010 & 2009) dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid**; dan
- iii. Mendapat sekurang-kurangnya tahap 1 (*band 1*) dalam *Malaysian University English Test* (MUET).

\* Format pernyataan keputusan peperiksaan STAM bagi setiap mata pelajaran adalah seperti berikut:

Peringkat	Takrif
Mumtaz	Cemerlang
Jayyid Jiddan	Sangat Baik
Jayyid	Baik
Maqbul	Lulus
Rasib	Gagal

#### Catatan:

Syarat kelayakan masuk ke program sarjana muda (Tahap 6, MQF) bagi bidang Pengajian Islam menggunakan kelayakan STAM adalah pangkat Maqbul.

#### Sumber:

Surat JPT: JPT/SPIPTS (S) 2000-12/1 (6) bertarikh 10 Disember 2010

Memo Dalaman: MQA (S) 01 Jld. 9 (15) bertarikh 17 Disember 2010

Dirujuk bersekali dengan surat kelulusan program dan standard program

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### 71. SYARAT KELAYAKAN MASUK MENGGUNAKAN *UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATION (UEC) SENIOR MIDDLE THREE (SM3)* KE PPT SWASTA

Syarat kelayakan masuk minimum menggunakan kelayakan UEC *Senior Middle Three (SM3)* (mengikut tahap pengajian) adalah seperti berikut:

- i. Sijil – 1 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B
- ii. Diploma – 3 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B
- iii. *Foundation* – 3 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B
- iv. Sarjana muda – 5 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B

**Catatan:**

Tertakluk kepada keperluan mata pelajaran yang ditetapkan dalam standard program.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011 bertarikh 12 Julai 2011

### 72. SYARAT KELAYAKAN MASUK MENGGUNAKAN UEC TEKNIKAL KE PPT SWASTA

Kelayakan UEC Teknikal boleh digunakan untuk kemasukan ke PPT Swasta dengan syarat-syarat berikut:

- i. Keputusan UEC Teknikal yang diperolehi perlu digabungkan dengan kelayakan UEC *Senior Middle Three (SM3)*.
- ii. Program yang ingin diikuti perlulah program yang berkaitan dengan kursus yang telah diikuti di UEC Teknikal.

**Catatan:**

Perkara ini perlu dilihat sebagai *case by case basis*. Permohonan perlu dibuat oleh pelajar dan dihantar kepada MQA untuk pertimbangan.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2012 bertarikh 20 September 2012

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### 73. KOMBINASI KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEBAGAI SYARAT KELAYAKAN MASUK

Kombinasi keputusan peperiksaan sebagai syarat kelayakan masuk adalah dibenarkan dengan syarat kelayakan tersebut adalah setara.

Contoh:

- i. UEC + SPM
- ii. *A-Level* / STAM + STPM

#### Catatan:

Hanya 2 kelayakan **berbeza** yang dibenarkan untuk penggabungan.

#### Sumber:

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk MQA-SPIPTS Bil. 1/2009 bertarikh 11 Mei 2009

Keputusan Mesyuarat MQA Bil. 4/2009 bertarikh 22 Mei 2009

### 74. KESETARAAN GRED C (KEPUJIAN) SPM DENGAN KELAYAKAN GCE *ORDINARY LEVEL* (O-LEVEL)

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah menetapkan kesetaraan gred SPM dan *O-Level* adalah seperti berikut:

- i. **Gred A** ditakrifkan sebagai **Cemerlang**
- ii. **Gred B hingga C** ditakrifkan sebagai **Kepujian**

Sehubungan itu, pernyataan '**lulus penuh**' dalam syarat kelayakan masuk menggunakan *O-Level* seperti yang diamalkan sebelum ini digantikan kepada '**gred C**'.

#### Sumber:

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 3/2013 bertarikh 5 Oktober 2013

### 75. KELAYAKAN LUAR NEGARA YANG SETARA DENGAN SPM

Pelajar luar negara yang mempunyai kelayakan setara dengan SPM perlu menjalani Program Asas (*foundation*) selama 1 tahun terlebih dahulu sebelum melanjutkan pengajian ke sarjana muda (Tahap 6, MQF) yang mempunyai tempoh pengajian 3 tahun.

#### Sumber:

Surat Makluman MQA Bil. 1/2009: MQA 07/Jld. 3 (5) bertarikh 19 Januari 2009

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### 76. PERINCIAN KELAYAKAN MASUK BAGI NEGARA INDONESIA

#### A. Pelajar yang Menduduki Ujian Nasional Sebelum Tahun 2015

Syarat kelayakan minimum bagi negara Indonesia untuk kemasukan ke Program Asas (*Foundation*), diploma (Tahap 4, MQF) dan ijazah sarjana muda (Tahap 6, MQF) adalah seperti berikut:

- i. pelajar yang tamat SMU3/SMA dengan gred purata 5 – 5.9 layak memasuki Program Asas (*Foundation*) atau Diploma (Tahap 4, MQF); **DAN**
- ii. pelajar yang tamat SMU3/SMA dengan gred purata 6 – 10 layak memasuki program ijazah sarjana muda (Tahap 6, MQF)

#### B. Pelajar yang Menduduki Ujian Nasional Mulai Tahun 2015

Syarat kelayakan minimum bagi pelajar Indonesia yang menduduki Ujian Nasional (UN) **mulai tahun 2015** adalah seperti berikut:

- i. Pemegang Ijazah Sekolah Menengah Umum 3 / Ijazah Sekolah Menengah Atas (SMA) / Ijazah Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) / Ijazah Madrasah Aliyah bagi tahun 2015 dan ke atas yang mencapai **gred purata 55-65** layak memasuki **Program Asas (*Foundation*) atau Diploma (Tahap 4, MQF)**; dan
- ii. Pemegang Ijazah Sekolah Menengah Umum 3 / Ijazah Sekolah Menengah Atas (SMA) / Ijazah Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) / Ijazah Madrasah Aliyah bagi tahun 2015 dan ke atas yang mencapai **gred purata 66-100** layak memasuki **program Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF)**.

#### Pengiraan Rata-Rata Nilai Akhir (Gred Purata) bagi Lulusan Kelayakan SMA / SMU3 / SMK dan Madrasah Aliyah, Indonesia

- i. Mengguna pakai formula pengiraan bagi lulusan SMA tahun 2014 dan sebelumnya. Formula ini mengambil kira mata pelajaran yang diuji dalam Ujian Nasional (UN) sahaja. Contoh: Bahasa Indonesia, Bahasa Inggeris, Matematika, Fisika, Kimia, Biologi, Ekonomi, Sosiologi dan Geografi.

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

Nilai Akhir bagi satu subjek = 40% Nilai Sekolah + 60% Ujian Nasional

Rata-Rata Nilai Akhir = Jumlah Nilai Akhir ÷ Jumlah Subjek

- ii. Formula yang mengambil pemberat seimbang bagi nilai ujian sekolah dan nilai ujian nasional. Formula ini mengambil kira kesemua mata pelajaran yang diambil oleh pelajar.

Rata-Rata Nilai Akhir = (Rata-Rata Nilai Sekolah + Rata-Rata Ujian Nasional) ÷ 2

### Catatan:

- i. PPT diberi kebebasan dalam memilih mana-mana kaedah pengiraan tersebut.
- ii. Nilai sekolah pelajar tercatat pada Daftar Nilai yang dikeluarkan oleh pihak sekolah, manakala Nilai Ujian Nasional tercatat pada Sertifikat Hasil Ujian Nasional (SHUN).
- iii. Bagi pelajar Indonesia yang menduduki Ujian Nasional pada tahun 2014 dan sebelumnya, syarat kelayakan minimumnya adalah sepertimana perincian yang dikeluarkan melalui Surat Pekeliling MQA Bil. 5/2014 bertarikh 22 Disember 2014.

#### Sumber :

Pekeliling MQA Bil. 5/2014: MQA. 100-1/7/1 (5) bertarikh 22 Disember 2014

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 3/2015 bertarikh 27-28 November 2015

Surat Makluman MQA Bil. 4/2015: MQA. 100-1/7/2 (13) bertarikh 11 September 2015

## 77. SYARAT KELAYAKAN MASUK MINIMUM KE SEMUA PROGRAM SIJIL KOLEJ KOMUNITI

Syarat kelayakan masuk minimum adalah:

- i. Memiliki kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja; atau
- ii. TANPA Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) – Pelajar perlu mengikuti program *bridging* sebagai program pengukuhan sebelum mengikuti semua program Sijil Kolej Komuniti.

#### Sumber :

Surat Ketua Pengarah JPJK kepada MQA: KPT/JPJK/BPN/725-4/1(4) bertarikh 14 Disember 2015

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 1/2016 bertarikh 11-12 Mac 2016

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### **78. SYARAT KELAYAKAN MASUK KE PROGRAM *HIGHER NATIONAL DIPLOMA* (HND) MENGGUNAKAN KELAYAKAN SIJIL DARI INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) ATAU INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP)**

Syarat kelayakan masuk ke program HND bagi kelayakan sijil (Tahap 3, MQF) dari IKM atau ILP adalah seperti berikut:

- i. Memiliki kelayakan SPM dengan mendapat sekurang-kurangnya 1 kepujian serta lulus Bahasa Melayu dan Sejarah; dan
- ii. Lulus Sijil dari IKM atau ILP dalam bidang berkaitan dengan minimum PNGK 2.00.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2013 bertarikh 18 Februari 2013

Surat JPT: JPT (A) 1000/001/013/05 Jilid 2 (19) bertarikh 20 September 2013

### **79. SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) DAN SIJIL KOLEJ KOMUNITI (SKK) SEBAGAI KELAYAKAN MASUK KE PROGRAM AKADEMIK PERINGKAT SIJIL (TAHAP 3, MQF) DAN DIPLOMA (TAHAP 4, MQF)**

- i. Sijil Kolej Komuniti (SKK) (Tahap 3, MQF) dengan jumlah minimum kredit bergraduasi sebanyak 60 kredit atau Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) (Tahap 3, MQF) adalah dibenarkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat diploma tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
  - a. Memiliki kelayakan SPM dengan sekurang-kurangnya satu kepujian serta lulus Bahasa Melayu dan Sejarah;\*
  - b. Menyambung pengajian diploma dalam bidang yang sama; dan
  - c. Sekiranya perlu, PPT boleh menyediakan program *bridging* sebagai program pengukuhan bagi pelajar yang beralih dari sektor kemahiran/teknikal kepada sektor akademik.
- ii. SKM Tahap 2 boleh digunakan sebagai kelayakan masuk ke program sijil akademik (Tahap 3, MQF) di PPT Swasta dengan syarat pelajar tersebut memiliki kelayakan SPM serta lulus Bahasa Melayu dan Sejarah.

**Catatan:**

\*Tertakluk kepada keperluan mata pelajaran tertentu dalam standard program yang berkaitan.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011 (bertarikh 12 Julai 2011) – Bil. 3/2011 (bertarikh 21 September 2011)

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### **80. DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (DKM) DAN DIPLOMA LANJUTAN KEMAHIRAN MALAYSIA (DLKM) SEBAGAI SYARAT KELAYAKAN MASUK KE SARJANA MUDA (TAHAP 6, MQF)**

DKM dan DLKM pada masa ini hanya boleh digunakan sebagai kelayakan masuk ke universiti awam (UA) atau IPTA sahaja.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 1/2016 bertarikh 11-12 Mac 2016

### **81. SYARAT KELAYAKAN MASUK KE PROGRAM DIPLOMA (TAHAP 4, MQF) MENGGUNAKAN SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA (SVM)**

Lulusan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) boleh menyambung pengajian ke program Diploma (Tahap 4, MQF) tertakluk kepada kelulusan Senat PPT masing-masing dan mengambil kira penyetaraan SVM dengan 3 kredit SPM yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) berdasarkan syarat-syarat berikut:

- i. Kepujian Bahasa Melayu 1104;
- ii. Purata Nilai Gred Kumulatif Akademik sekurang-kurangnya 2.00;
- iii. Purata Nilai Gred Kumulatif Vokasional sekurang-kurangnya 2.67; dan
- iv. Kompeten semua modul vokasional

Bagi lulusan SVM kohort 2013-2016, pelajar juga perlu lulus mata pelajaran Sejarah SPM.

Syarat kelayakan masuk ini perlu tertakluk kepada keperluan yang ditetapkan dalam standard program dan badan profesional.

Lulusan SVM yang tidak memenuhi syarat penyetaraan seperti di atas boleh melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian seterusnya dengan menggunakan laluan APEL tertakluk kepada keperluan memenuhi syarat dan kriteria APEL yang ditetapkan.

**Sumber:**

Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) KPMSPL.100/1/7/2 (30) Bil.6/2016 bertarikh 30 Mac 2016

Surat JPT: JPT (KP) 1000/019/07 Jld. 19 (39) bertarikh 6 Jun 2017

Surat Kementerian Pelajaran Malaysia: KPM KPPM S 100 (38) bertarikh 14 November 2017

**82. SYARAT KELAYAKAN MASUK KE PROGRAM SARJANA MUDA (TAHAP 6, MQF) MENGGUNAKAN DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA (DVM)**

Lulusan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) boleh menyambung pengajian ke program sarjana muda (Tahap 6, MQF) tertakluk kepada kelulusan Senat PPT masing-masing dan mengambil kira penyetaraan SVM dengan 3 kredit SPM yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) berdasarkan syarat-syarat berikut:

- i. Kepujian Bahasa Melayu 1104;
- ii. Purata Nilai Gred Kumulatif Akademik sekurang-kurangnya 2.00;
- iii. Purata Nilai Gred Kumulatif Vokasional sekurang-kurangnya 2.67; dan
- iv. Kompeten semua modul vokasional

Bagi SVM kohort 2013-2016, penyetaraan SVM dengan 3 kredit SPM juga perlu mengambil kira lulus mata pelajaran Sejarah SPM. Syarat kelayakan masuk ini perlu tertakluk kepada keperluan yang ditetapkan dalam standard program dan badan profesional.

Pelajar DVM yang tidak memenuhi syarat penyetaraan seperti di atas boleh melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian seterusnya dengan menggunakan laluan APEL tertakluk kepada keperluan memenuhi syarat dan kriteria APEL yang ditetapkan.

**Sumber:**

Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) KPMS.100/1/7/2 (30) Bil.6/2016 bertarikh 30 Mac 2016

Surat JPT: JPT (KP) 1000/019/07 Jld. 19 (39) bertarikh 6 Jun 2017

Surat Kementerian Pelajaran Malaysia: KPM KPPM S 100 (38) bertarikh 14 November 2017

**83. KELAYAKAN PEPERIKSAAN PART II DAN PART III ENGINEERING COUNCIL EXAMINATION**

Kelayakan Peperiksaan *Part II* dan *Part III Engineering Council Examination* boleh diterima sebagai kelayakan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Kejuruteraan dengan syarat permohonan adalah dilakukan oleh pemilik kelayakan itu sendiri. Walau bagaimanapun, keputusan akhir dalam menerima kelayakan ini adalah tertakluk kepada keputusan dan persetujuan Senat Universiti.

Selain itu, lepasan kelayakan Sarjana Kejuruteraan yang menggunakan keputusan peperiksaan *Part II* dan *Part III Engineering Council Examination* sebagai kelayakan masuk adalah layak untuk menjadi staf akademik di peringkat Sarjana Muda Kejuruteraan tertakluk kepada keputusan dan persetujuan Senat Universiti.

**Sumber:**

Keputusan Kajian Semula Dasar- Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 3/2011 bertarikh 21 September 2011

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### **84. PELAKSANAAN MUET BAGI KELAYAKAN MASUK KE PROGRAM UNIVERSITI AWAM**

Tahap minimum band MUET bagi kemasukan ke program Sarjana Muda Universiti Awam adalah seperti berikut:

- i. Pengajian Sastera dan Sains Sosial – *Band 2*;
- ii. Pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) – *Band 3*; dan
- iii. Pengajian Undang-Undang dan Perubatan – *Band 4*.

Tahap minimum band MUET bagi syarat bergraduat program Sarjana Muda Universiti Awam adalah seperti berikut:

- i. Pengajian Sastera dan Sains Sosial – *Band 3*;
- ii. Pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) – *Band 4*; dan
- iii. Pengajian Undang-Undang dan Perubatan – *Band 5*.

Pematuhan dan pelaksanaan dasar baharu wajib lulus kompetensi Bahasa Inggeris bagi kemasukan serta bergraduat hanya melibatkan universiti awam sahaja dan tidak melibatkan PPT swasta.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 2/2015 (bertarikh 28-30 Mac 2015) dan Bil. 3/2015 (bertarikh 27-28 November 2015)

### **85. PENGECUALIAN SYARAT KOMPETENSI BAHASA INGGERIS DALAM STANDARD PROGRAM BAGI PELAJAR ANTARABANGSA**

Pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di PPT perlu memenuhi kompetensi Bahasa Inggeris seperti yang telah ditetapkan dalam standard program KECUALI:

- i. pelajar antarabangsa yang berasal dari negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan;
- ii. pelajar antarabangsa yang menggunakan kelayakan akademik dari PPT yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya; atau
- iii. pelajar antarabangsa yang telah mengikuti pengajian di Malaysia dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan tertakluk kepada (ii).

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

Pelajar antarabangsa dibenarkan untuk menggunakan kelayakan Bahasa Inggeris yang setara dengan pencapaian IELTS atau TOEFL seperti Cambridge English: Advanced (CAE), Cambridge English: Proficiency (CPE), Pearson Test of English (PTE), Cambridge First English (CFE) dan Pearson Versant English Test.

**Tarikh kuat kuasa pada 12 April 2016.**

**Catatan:**

IPTS dibenarkan membuat pengambilan pelajar dengan *conditional offer* jika kelayakan masuk yang ditetapkan telah dipatuhi kecuali bagi Bahasa Inggeris. Dalam hal ini, IPTS boleh menawarkan program Bahasa Inggeris dalaman bagi menyediakan pelajar mengambil *International Exam* seperti IELTS/TOEFL/CAE/CPE/PTE/CFE/ Pearson Versant English Test atau MUET sebelum pelajar mengikuti program (keputusan YB Menteri Pendidikan Tinggi dalam perbincangan dengan pihak MAPCU pada 27 Oktober 2016).

**Sumber :**

Surat Makluman JPT JPT/BPP(P)1000-753Jld.3(15) bertarikh 12 April 2016

Surat Makluman JPT JPT/BPP(P)1000-753Jld.3(20) bertarikh 17 Februari 2017

### 86. SYARAT KOMPETENSI BAHASA INGGERIS BAGI PELAJAR ANTARABANGSA

- i. Semua pelajar antarabangsa perlu memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris (BI) sekurang-kurangnya IELTS 5.0/TOEFL 500/setara, atau seperti yang ditetapkan dalam standard program, atau berdasarkan syarat kelayakan masuk yang diluluskan, yang mana tahap yang lebih tinggi:

- ii. PPT antara kelayakan standard diberikan sebagai persediaan pelajar untuk mengambil peperiksaan BI. Pengambilan pelajar di bawah tawaran bersyarat dibenarkan dengan pematuhan syarat-syarat berikut:

- a. Kursus BI yang dijalankan mendapat kelulusan KPT (kursus jangka pendek);
- b. Kursus BI (kursus jangka pendek) dijalankan secara dalaman di PPT swasta berkenaan yang mengambil pelajar tersebut;





## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

- iii. pelajar tempatan yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat *O-Level* atau *A-Level*.

**Sumber:**

Surat Pemakluman Mengenai Keputusan Dasar-Dasar Baharu Institusi Pendidikan Tinggi bertarikh 27 Januari 2017

### **88. PENGECUALIAN KEPERLUAN MUET BERDASARKAN STANDARD PROGRAM**

Bagi pelajar warganegara yang tidak memiliki kelayakan MUET maka mereka boleh menggunakan kelayakan IELTS/TOEFL bagi menggantikan kelayakan MUET tersebut. Namun begitu, dari segi kesetaraan band/markah antara MUET dengan IELTS/TOEFL ia terletak di bawah budi bicara pihak PPT penerima. Kelayakan minimum IELTS dan TOEFL adalah IELTS = 5.5 dan TOEFL = 550.

**Sumber :**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 3/2015 bertarikh 27-28 Mac 2015

### **89. PENERIMAAN KELAYAKAN MELALUI PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU (ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING, APEL) SEBAGAI SALAH SATU SYARAT KELAYAKAN MASUK**

Kelayakan masuk menggunakan laluan APEL tidak perlu disenaraikan dalam syarat kelayakan masuk pada surat kelulusan pengendalian program.

Semua PPT dibenarkan untuk membuat pengambilan pelajar melalui laluan APEL berdasarkan kapasiti masing-masing.

Kuota 5% yang ditetapkan sebelum ini bagi pengambilan pelajar melalui laluan APEL **dimansuhkan**.

Syarat kelayakan masuk melalui laluan APEL adalah seperti berikut:

- i. Pelajar perlu lulus penilaian APEL yang dilaksanakan oleh MQA; dan
- ii. Mematuhi kriteria kemasukan yang ditetapkan oleh KPT iaitu:

<b>Peringkat</b>	<b>Keterangan</b>
Sijil (Tahap 3, MQF)	Calon hendaklah warganegara berumur 19 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

Diploma (Tahap 4, MQF)	Calon hendaklah warganegara berumur 20 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja berkaitan.
Sarjana Muda (Tahap 6, MQF)	Calon hendaklah warganegara berumur 21 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.
Sarjana (Tahap 7, MQF)	Calon hendaklah warganegara berumur 30 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat dan memiliki sekurang-kurangnya STPM/Diploma/kelayakan lain yang setara (sebagai contoh: Asasi) serta pengalaman kerja yang berkaitan.
Kedoktoran (Tahap 8, MQF)	Calon hendaklah warganegara berumur 35 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat dan memiliki sekurang-kurangnya Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang yang berkaitan atau kelayakan lain yang setara serta 5 tahun pengalaman kerja yang berkaitan.

**Catatan:**

Selain daripada syarat yang dinyatakan di atas, pelajar juga perlu lulus ujian kebolehan (*Aptitude Test*) dan penilaian portfolio yang dijalankan oleh MQA.

**Tarikh kuat kuasa:**

Sijil & Diploma: 1 Februari 2013  
Sarjana Muda: 1 September 2011  
Sarjana: 18 Februari 2014

APEL bagi akses ke program sarjana (Tahap 7, MQF) adalah bagi mod kerja kursus dan mod campuran sahaja dan terhad kepada bidang berikut:

- i. Pentadbiran Perniagaan;
- ii. Seni Persembahan;
- iii. Teknologi Maklumat;
- iv. Pendidikan;
- v. Pengurusan;
- vi. Sains;
- vii. Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan;
- viii. Pengajian Media;
- ix. Kewartawanan;
- x. Komunikasi Visual;
- xi. Komunikasi Media;
- xii. Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan;
- xiii. Kejuruteraan Elektronik;
- xiv. Kejuruteraan Komunikasi;

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

- xv. Kejuruteraan Awam;
- xvi. Kejuruteraan Kimia;
- xvii. Kejuruteraan Perisian;
- xviii. Sains Komputer; dan
- xix. Sistem Maklumat

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2013 bertarikh 15 Jun 2013

Surat Makluman MQA Bil. 3/2011: MQA. 07/Jld. 3 (70) bertarikh 25 Ogos 2011

Surat Makluman MQA Bil. 3/2013: MQA 07/Jld. 3 (83) bertarikh 31 Januari 2013

Surat JPT : JPT (A) 1000/001/013/05 Jld. 2 (9) bertarikh 8 Mei 2013

Memo Dalaman : MQA (S) 01 Jld. 10 (27) bertarikh 15 Mei 2013

Surat JPT : JPT/GS 1000- 606 Jld. 1 (29) bertarikh 22 Julai 2013

Memo Dalaman : MQA (S) 01 Jld. 10 (36) bertarikh 25 Julai 2013

Surat Makluman MQA Bil. 2/2014: MQA. 100-1/7/2 (1) bertarikh 13 Februari 2014

### **90. PENGGANTIAN SYARAT KEMASUKAN TERBUKA DENGAN SYARAT KEMASUKAN APEL**

Syarat kemasukan bagi PPT berstatus terbuka adalah berdasarkan kriteria berikut:

- i. Perlu mempunyai prasarana yang menyokong pelaksanaan sistem penilaian APEL;
- ii. Wajib mengguna pakai instrumen penilaian APEL yang telah dibangunkan oleh MQA sebagai sistem penilaian utama kepada calon warganegara Malaysia dan instrumen yang diubah suai mengikut kesesuaian bagi calon bukan warganegara Malaysia;
- iii. Pusat penilaian kemasukan pelajar PPT terbuka adalah tertakluk dengan penilaian / audit berkala dari pihak MQA;
- iv. Penerimaan masuk pelajar ke program melalui syarat APEL di PPT terbuka haruslah selari dengan pelaksanaan APEL di peringkat nasional; dan
- v. Penilaian APEL yang dijalankan oleh PPT terbuka hanyalah untuk kemasukan ke PPT masing-masing KECUALI jika PPT terbuka tersebut dilantik sebagai Pusat Penilaian APEL oleh MQA.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 1/2015 bertarikh 7 Mac 2015

Pekeliling JPT Bil. 2/2015: JPT/GS 1000-606 Jilid 1 (41) bertarikh 6 April 2015

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### 91. PENGGUNAAN *FORECAST RESULT* (KEPUTUSAN RAMALAN)

*Forecast result* tidak boleh digunakan sebagai kelayakan masuk ke program pengajian tinggi.

#### **Catatan:**

Penggunaan *forecast result* bagi permohonan kemasukan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di PPT Swasta adalah untuk permohonan visa kemasukan pelajar ke Malaysia sahaja. Lulusan ini tidak akan menjejaskan proses serta syarat yang dikenakan sebelum ini yang mana pelajar masih perlu mendaftar untuk mengikuti program di PPT Swasta dengan menggunakan keputusan sebenar.

#### **Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2013 bertarikh 16 Februari 2013

Surat JPT: JPT/GS 1000- 617(12) bertarikh 1 Julai 2013

### 92. PENGGUNAAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM BAGI TUJUAN PENGAMBILAN PELAJAR

Pengambilan (*enrolment*) pelajar menggunakan keputusan peperiksaan percubaan SPM dibenarkan secara **Tawaran Bersyarat** dan terhad kepada kursus pengajian yang menggunakan SPM sebagai syarat kelayakan masuk sahaja.

Pendaftaran secara rasmi hanya boleh dibuat selepas keputusan SPM diumumkan. Semua modul daripada program yang diluluskan oleh KPT hanya boleh ditawarkan selepas pelajar mendaftar secara rasmi.

#### **Sumber:**

Surat JPT: JPT (A) 1000/001/019/01 JLD. 17 (4) bertarikh 10 Ogos 2016

Surat JPT/GS1000-606 (37) bertarikh 16 Januari 2015

### 93. PENGGUNAAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN (*FORECAST RESULT*) BAGI TUJUAN PENGAMBILAN PELAJAR ANTARABANGSA KE PPT SWASTA

PPT swasta boleh mengeluarkan **Surat Tawaran Bersyarat** bagi membolehkan pelajar menguruskan permohonan visa serta melakukan ujian saringan kesihatan di negara mereka.

**Pelajar dibenarkan datang ke Malaysia hanya setelah keputusan sebenar diperolehi dan mematuhi syarat kelayakan masuk.** Ini bagi

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

mengelakkan kesulitan yang timbul sekiranya keputusan yang diperolehi tidak memuaskan setelah pelajar berada di Malaysia.

### **PPT Swasta yang Dibenarkan**

- i. Semua kampus cawangan luar negara di Malaysia; **ATAU**
- ii. Memperoleh penarafan 5 & 6 bintang bagi kategori berasaskan kolej dalam penilaian MyQuest terkini; **ATAU**
- iii. Memperoleh penarafan 5 & 6 bintang dalam penilaian SETARA terkini

### **Syarat Kelayakan Masuk**

Keputusan ramalan peperiksaan negara asal pelajar antarabangsa yang diperolehi adalah setara atau lebih tinggi daripada syarat kelayakan masuk seperti yang ditetapkan dalam Surat Kelulusan Mengendalikan Kursus Pengajian yang dikeluarkan oleh KPT.

### **Kursus Pengajian yang Dibenarkan**

Kursus pengajian sarjana muda (Tahap 6, MQF) yang diluluskan penawarannya oleh KPT.

### **Ujian Kesihatan**

Mematuhi peraturan ujian kesihatan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan dan Perlindungan Insuran Pelajar Antarabangsa bertarikh 30 Mei 2014.

### **Keputusan Peperiksaan Sebenar**

- i. Keputusan peperiksaan sebenar mestilah memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan;
- ii. Keputusan peperiksaan sebenar mestilah dibawa bersama semasa memasuki Malaysia; dan
- iii. Pelajar boleh mendaftar untuk mengikuti kursus pengajian di PPT Swasta mengikut surat tawaran selepas mengetahui keputusan peperiksaan sebenar

### **Pengambilan Pelajar Antarabangsa yang Dibenarkan**

Permohonan boleh diterima daripada pelajar antarabangsa dari mana-mana negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

#### **Sumber :**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2014 bertarikh 7 Ogos 2014

Surat Makluman KPM Ruj. : JPT/GS 1000-606 (36) bertarikh 16 Januari 2015

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### 94. PROGRAM GAGAL AKREDITASI TETAPI BELUM TAMAT TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN

PPT tidak dibenarkan membuat pengambilan pelajar baharu.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 1/2016 bertarikh 11-12 Mac 2015

Surat Makluman JPT: No. Ruj. : JPT/GS 1000-617 Jld.1 (39) bertarikh 7 Mac 2016

### 95. KELAYAKAN AKADEMIK YANG TIDAK MEMATUHI SYARAT KELAYAKAN MASUK

Kelayakan akademik yang diperolehi menggunakan kelayakan yang tidak mematuhi syarat kelayakan masuk adalah tidak boleh dipertimbangkan untuk digunakan bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

**Contoh:**

Pelajar yang gagal SPM atau lulus SPM tanpa sebarang kepujian yang telah diterima mengikuti program Sijil Pengajian Perniagaan (Tahap 3, MQF) tidak boleh menggunakan kelayakan Sijil Pengajian Perniagaan tersebut untuk mengikuti program di peringkat diploma kerana kelayakan masuk minimum untuk mengikuti program peringkat sijil adalah lulus SPM dengan mendapat sekurang- kurangnya 1 kepujian.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011 bertarikh 12 Julai 2011

### 96. PENGAMBILAN PELAJAR YANG TIDAK MEMENUHI SYARAT KELAYAKAN MASUK MINIMUM YANG DITETAPKAN

PPT yang dikenalpasti mengambil pelajar yang tidak memenuhi syarat kelayakan masuk minimum program seperti yang ditetapkan dalam surat kelulusan pengendalian program maka proses yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. MQA akan mengemukakan perkara berkenaan kepada KPT untuk tindakan yang sewajarnya.
- ii. MQA akan meminta KPT mengeluarkan arahan agar pelajar tersebut tidak boleh bergraduasi.
- iii. MQA akan meminta KPT mengambil tindakan kepada PPT dengan tidak membenarkan pengambilan baru pelajar bagi program yang terlibat.

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

- iv. MQA akan meminta PTPTN mengambil maklum akan perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas PPT yang terlibat.
- v. PPT perlu mendapatkan surat pengesahan daripada KPT sekiranya tindakan yang dikenakan telah dilaksanakan sepenuhnya oleh PPT.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 3/2013 bertarikh 5 Oktober 2013

Surat Makluman MQA Bil. 1/2013: MQA 07 Jld. 3 (81) bertarikh 21 Januari 2013

### 97. PINDAH KREDIT

- i. Pindah kredit boleh dilakukan dalam dua kategori seperti berikut:
  - a. Vertical – pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi.
  - b. Horizontal – pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama seperti daripada sijil ke sijil/ diploma ke diploma/sarjana muda ke sarjana muda.
- ii. Pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kursus (*subject to subject mapping*).
- iii. Syarat umum pindah kredit adalah seperti berikut:
  - a. Gred lulus – gred minimum iaitu gred C;
  - b. Nilai kredit – sama dengan nilai kredit kursus bagi program di PPT penerima;
  - c. Kesetaraan kurikulum kursus – tidak kurang 80%; dan
  - d. Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi (termasuk akreditasi sementara)/Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.
- iv. Dasar pemindahan kredit secara **vertical** berdasarkan situasi adalah seperti berikut:
  - a. **Pemindahan kredit daripada sijil ke diploma**  
  
Pemindahan kredit dibenarkan dengan pindahan maksimum 30% daripada jumlah kredit program yang akan diikuti  
  
Tarikh kuat kuasa 23 Mei 2016.

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

b. **Pemindahan kredit daripada diploma kepada sarjana muda**

Pindah kredit dibenarkan sehingga maksimum 30% (lebih kurang 1 tahun pengajian) daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.

c. **Pemindahan kredit daripada *advance diploma* ke sarjana muda**

Pelajar yang berkelayakan *advanced diploma* (yang turut memiliki diploma) boleh dipertimbangkan pemindahan kredit sehingga maksimum dua tahun pengajian program peringkat sarjana muda (pelajar akan mengikuti tahun ketiga program sarjana muda).

d. **Pemindahan kredit daripada kelayakan yang lebih tinggi (contoh sarjana muda) ke program di peringkat yang lebih rendah (contoh diploma)**

Pemindahan kredit tidak dibenarkan.

v. Dasar pemindahan kredit secara ***horizontal*** berdasarkan situasi adalah seperti berikut:

a. **Pelajar telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran kali kedua dalam peringkat yang sama dengan kelayakan yang dimiliki**

Pemindahan kredit dibenarkan.

Tiada had pindah kredit jika pelajar berada di PPT yang sama.

Bagi pelajar yang melanjutkan pengajian untuk kali kedua di PPT yang berbeza pindah kredit adalah tertakluk kepada tempoh permastautin pelajar (*residential year*).\*

Tarikh kuat kuasa 23 Mei 2016.

b. **Pelajar sedang mengikuti program dan ingin menukar ke program lain dalam bidang yang sama dengan program yang sedang diikuti**

Pemindahan kredit dibenarkan. Sekiranya program tersebut diambil di PPT yang sama, tiada had pemindahan kredit tertakluk kepada syarat pindah kredit.

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

Sekiranya program yang ingin diikuti di PPT yang berbeza, pemindahan kredit tertakluk kepada syarat permastautin pelajar (*residential year*).\*

c. **Pelajar gagal program dan ingin melanjutkan pengajian dalam program yang lain di peringkat yang sama**

Pemindahan kredit (termasuk MPW/MPU) tidak dibenarkan.

d. **Pelajar berhenti belajar daripada pengajian dan kemudiannya ingin menyambung semula pengajian tetapi di dalam program lain di peringkat yang sama**

Pemindahan kredit boleh dipertimbangkan.

Sekiranya program tersebut diambil di PPT yang sama, tiada had pemindahan kredit tertakluk kepada syarat pindah kredit.

Sekiranya program yang ingin diikuti di PPT yang berbeza, pemindahan kredit tertakluk kepada syarat permastautin pelajar (*residential year*).\*

Sebagai panduan, lazimnya *currency of knowledge* bagi sesuatu program adalah sekitar 5 tahun.

\* Tempoh permastautin (*residential year*) di PPT yang menganugerahkan kelayakan mengikut peringkat adalah seperti berikut:

- i. Sarjana/PhD : 1 semester
- ii. Sarjana Muda : 1 tahun
- iii. Diploma dan sijil : 1 semester

e. **Pelajar sedang mengikuti suatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa kursus di PPT yang lain (contoh program mobiliti atau program pertukaran pelajar)**

Pemindahan kredit adalah dibenarkan tertakluk kepada tempoh permastautin (*residential year*) di PPT yang menganugerahkan kelayakan.

**Tarikh kuat kuasa pada 19 September 2016.**

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### Catatan:

- i. Pindah kredit secara *horizontal* bagi program sarjana dan kedoktoran (kerja kursus dan campuran) adalah dibenarkan berdasarkan *case by case basis*.
- ii. Pindah kredit secara *vertical* dari sarjana ke kedoktoran adalah tidak dibenarkan.

### Sumber:

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011 (bertarikh 12 Julai 2011) dan Bil. 3/2013 (bertarikh 5 Oktober 2013)

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2014 bertarikh 5 April 2014

Surat JPT: GS1000-617 Jld.1 (44) bertarikh 23 Mei 2016

## 98. PINDAH KREDIT DENGAN GRED DAN TANPA GRED

### i. Pindah Kredit Dengan Gred:

Pindah kredit secara *horizontal* bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar yang masih dalam pengajian). Kredit dikira dalam kredit bergraduasi pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

### Contoh :

Pelajar yang sedang mengikuti Diploma A bertukar ke Diploma B pada semester kedua. Maka proses pindah kredit pelajar tersebut akan mengambil kira gred kursus dari Diploma A dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar di Diploma B.

### ii. Pindah Kredit Tanpa Gred (turut dipanggil pengecualian kredit):

Pindah kredit secara *vertical* atau *horizontal* bagi pelajar yang telah keluar daripada sistem (pelajar yang telah tamat pengajian) atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

### Contoh 1:

Pelajar lepasan sijil menyambung pengajian ke peringkat diploma dan membuat pindah kredit bagi kursus-kursus yang bersesuaian. Maka kredit bagi kursus yang pernah diikuti di peringkat sijil akan diambil kira dalam pengiraan kredit bergraduasi pelajar. Namun, gred kursus tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### **Contoh 2:**

Pelajar yang telah tamat program Diploma A dan kemudian ingin mengikuti program Diploma B. Bagi situasi ini yang mana pelajar telah memiliki kelayakan di peringkat yang sama, maka pindah kredit tidak akan mengambil kira gred kursus dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar di Diploma B. Hanya kredit yang akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

### **Contoh 3:**

Pindah kredit berdasarkan pengalaman melalui APEL *Credit* (C) tidak melibatkan gred. Oleh yang demikian, hanya kredit yang akan diambil kira.

Pindah kredit bagi perkara (i) dan (ii) tetap perlu mematuhi syarat umum pindah kredit iaitu :

- a) Gred lulus – gred minimum iaitu Gred C;
- b) Nilai kredit – sama dengan nilai kredit kursus bagi program di PPT penerima;
- c) Kesetaraan kurikulum kursus – tidak kurang 80%; dan
- d) Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi (termasuk akreditasi sementara)/Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.

#### **Sumber :**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 2/2016 bertarikh 16 Ogos 2016

Surat Makluman JPT : JPT.S(A)2000/016/015/05(9) bertarikh 19 Ogos 2016

Surat JPT: JPT/GS 1000-617 Jld.2(2) bertarikh 19 September 2016

## **99. DASAR PINDAH KREDIT DAN PENAMBAHBAIKAN DASAR DEGREE TRANSFER PROGRAMME (DTP)**

- i. Pelajar *American Degree Transfer Programme* (ADTP) yang memilih untuk menyambung pengajian ke PPT tempatan:
  - a. Perlu tamat program ADTP dengan melengkapkan kredit program dan lulus sekurang-kurangnya PNGK 2.0;
  - b. Boleh dipertimbangkan untuk menyambung pengajian terus ke tahun ketiga di PPT tempatan yang menjalankan program kerjasama 4+0 dengan PPT di Amerika Syarikat (United States of America, USA); dan
  - c. Boleh dipertimbangkan untuk menyambung pengajian terus ke tahun kedua di PPT tempatan bagi program yang bukan kerjasama 4+0 dengan PPT USA.

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

- ii. Pelajar United Kingdom/ Australia Degree Transfer Programme (UK/ Australia, DTP) yang memilih untuk menyambung pengajian ke PPT tempatan:
  - a. Perlu tamat program UK/ Australia DTP dengan melengkapkan kredit program serta lulus sekurang-kurangnya PNGK 2.0; dan
  - b. Boleh dipertimbangkan untuk menyambung pengajian terus ke tahun ketiga di PPT tempatan.

### Catatan:

- i. Pelajar yang tidak menghabiskan program ADTP selama 2 tahun diberi pilihan untuk mengikuti pengajian di peringkat *foundation* atau diploma.
- ii. PPT tidak boleh meminda syarat kelayakan masuk sedia ada bagi program sarjana muda (Tahap 6, MQF) dengan menambah syarat kelayakan masuk lepasan ADTP 2 tahun.
- iii. Pelaksanaan pindah kredit adalah tertakluk kepada dasar umum pindah kredit.
- iv. Permohonan pindah kredit hendaklah dibuat terus kepada PPT tempatan tanpa melalui MQA. Senat PPT berkuasa penuh dan bertanggungjawab untuk memastikan pemetaan kursus (*subject to subject mapping*) dilaksanakan dan dasar umum pindah kredit serta syarat pemaustautin (*residential year*) dipatuhi sepenuhnya.
- v. Bagi program yang melibatkan badan profesional, maka ia tertakluk kepada bidang kuasa badan profesional yang berkaitan.

### Sumber:

Pekeliling MQA Bil. 2/2015: MQA 100-1/7/1 (10) bertarikh 23 September 2015

## 100. KEPERLUAN PROGRAM MOBILITI

Program pengajian yang terlibat dalam program mobiliti hendaklah memenuhi ketetapan berikut:

- i. Transkrip pelajar hendaklah menyatakan kursus yang melibatkan pindahan kredit dari PPT di luar negara;
- ii. Program yang disertai oleh pelajar telah mendapat Akreditasi/Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara yang berkenaan; dan
- iii. Silibus, struktur dan cara pemindahan kredit bagi satu-satu program akademik yang ditawarkan telah diselaraskan antara PPT yang berkaitan.

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### **Catatan:**

Program mobiliti yang dirujuk adalah melibatkan PPT Awam dengan universiti di Indonesia dan Thailand. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh diperluaskan kepada program mobiliti yang lain.

#### **Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2011 bertarikh 30 Julai 2011

### **101. PINDAH KREDIT DARIPADA STPM KE PROGRAM PRA UNIVERSITI / FOUNDATION**

Pindah kredit tidak dibenarkan memandangkan STPM merupakan kelayakan persekolahan.

#### **Sumber :**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 3/2016 bertarikh 5 Disember 2016

### **102. GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN KREDIT [GGP: APEL(C)]**

Dokumen ini menyediakan panduan tentang pelaksanaan pindah kredit berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu. Ia mengandungi maklumat seperti berikut:

- i. Prinsip pelaksanaan APEL(C);
- ii. Dasar APEL(C);
- iii. Proses dan prosedur pelaksanaan APEL(C);
- iv. Proses permohonan pelaksanaan APEL(C) oleh PPT; dan
- v. Borang permohonan APEL(C) yang berkaitan.

GGP: APEL(C) boleh didapati dalam bentuk *e-book* di portal MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)) bagi PPT yang ingin melaksanakan APEL(C).

**Tarikh kuat kuasa pada 21 Oktober 2016.**

#### **Sumber:**

Pekeliling MQA Bil.6/2016: MQA. 100-1/7/1 (20) 21 Oktober 2016

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### 103. GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT *MASSIVE OPEN ONLINE COURSES* (MOOC)

Dokumen ini menyediakan panduan tentang Pindah Kredit *Massive Open Online Courses* (MOOC) yang menyokong pendidikan fleksibel dalam penawaran program pengajian. Ia mengandungi maklumat seperti berikut:

- i. Syarat dan kriteria pindah kredit MOOC;
- ii. Pengesahan kredit dan pencapaian pembelajaran MOOC;
- iii. Proses pindah kredit MOOC; dan
- iv. Peranan pihak-pihak berkepentingan.

Rujukan berkaitan dengan Garis Panduan Pindah Kredit MOOC ini boleh didapati dalam bentuk *e-book* di portal rasmi MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)). Proses pindah kredit MOOC ini perlu dibaca bersama dengan dasar pindah kredit sedia ada dan Garis Panduan APEL(C).

**Tarikh kuat kuasa pada 27 September 2016.**

**Sumber:**

Pekeliling MQA Bil. 5/2016: MQA. 100-1/7/1 (19) bertarikh 27 September 2016

### 104. PENGECUALIAN KURSUS

Berikut adalah ketetapan berkenaan dengan pengecualian kursus:

- i. Pengecualian kursus tidak akan menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan.
- ii. Sekiranya pengecualian kursus itu akan menyebabkan keperluan kredit bergraduat tidak mencukupi, maka pelajar perlu mengambil kursus lain bagi menggantikan kursus tersebut.
- iii. Pelajar yang lulus MPW di peringkat sijil tidak boleh mengambil semula kursus tersebut di peringkat diploma. **(DIMANSUHKAN\*)**
- iv. Walau bagaimanapun, bagi pelajar yang telah lulus MPW di peringkat sijil/diploma boleh mengambil MPW di peringkat ijazah sarjana muda. **(DIMANSUHKAN\*)**
- v. Pelajar antarabangsa dikecualikan daripada mengambil MPW, namun diberi pilihan untuk mengambil MPW sekiranya berminat. **(DIMANSUHKAN\*)**

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011 bertarikh 12 Julai 2011

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 2/2016 bertarikh 16 Ogos 2016

Surat Makluman JPT : JPT.S(A)2000/016/015/05(9) bertarikh 19 Ogos 2016

\*Surat JPT: JPT/GS 1000-617 Jld.2(2) bertarikh 19 September 2016

## PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

### 105. PENAMBAHAN KURSUS BAGI MENGGANTIKAN KURSUS YANG DIKECUALIKAN

Penambahan kursus ke dalam sesuatu program pengajian bagi membolehkan pelajar yang mendapat pengecualian kursus memenuhi keperluan kredit bergraduasi adalah dibenarkan dengan syarat-syarat seperti berikut:

- i. Kursus yang ditambah perlulah kursus yang sama tahap.
- ii. Sekiranya program yang terlibat adalah program kerjasama, maka kursus yang ditambah boleh diambil sama ada dari program yang ditawarkan rakan kerjasama tersebut, atau dari program kerjasama yang lain.
- iii. Penambahan kursus kokurikulum juga dibenarkan.
- iv. Sekiranya kursus tambahan ini diambil dari program yang telah mendapat Akreditasi Sementara atau Akreditasi, maka kursus tersebut tidak perlu dinilai oleh MQA. Jika PPT menawarkan kursus baru maka kursus tersebut perlu dinilai oleh MQA.

**Sumber:**

Memo Dalaman: MQA (S) 01 Jld.9 (57) bertarikh 14 September 2013

### 106. PENANGGUHAN DAN PENYAMBUNGAN SEMULA PENGAJIAN

Pelajar boleh menangguhkan pengajian dalam tempoh pengajian dan menyambung semula pengajian menggunakan transkrip yang diperolehi di akhir semester.

Walau bagaimanapun, kebenaran untuk menyambung semula pengajian adalah tertakluk kepada keputusan Senat/Pengurusan Tertinggi PPT masing-masing berdasarkan polisi pengambilan pelajar seperti yang ditetapkan.

**Catatan:**

Lazimnya, *currency of knowledge* bagi sesuatu program adalah 5 tahun.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk MQA-SPIPTS Bil. 1/2009 bertarikh 11 Mei 2009


Keputusan Mesyuarat MQA Bil. 4/2009 bertarikh 22 Mei 2009

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2012 bertarikh 10 April 2012



# *Bidang 5*

## **Staf Akademik**



"Tiap-tiap tempat ada kata-katanya yang tepat, dan pada setiap kata ada tempatnya yang tepat"

"Jika rumahmu terbuat daripada kaca, maka jangan lempari rumah orang lain dengan batu"

~ Pepatah Arab



### 107. KELAYAKAN STAF AKADEMIK

Dirujuk bersekali dengan standard program dan ketetapan badan profesional

- i. Kelayakan minimum staf akademik bagi semua peringkat pengajian dalam MQF yang dicadangkan adalah seperti berikut:
  - a. **Sijil**  
Sarjana muda dalam bidang berkaitan
  - b. **Diploma**  
Sarjana muda dalam bidang berkaitan
  - c. **Diploma Lanjutan**  
Sarjana muda dalam bidang berkaitan
  - d. **Sijil Siswazah**  
Sarjana dalam bidang berkaitan
  - e. **Diploma Siswazah**  
Ijazah sarjana dalam bidang berkaitan
  - f. **Sarjana Muda**  
Sarjana dalam bidang berkaitan
  - g. **Sijil Pasca Siswazah**  
PhD atau sarjana dengan 5 tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
  - h. **Diploma Pascasiswazah**  
PhD atau sarjana dengan 5 tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
  - i. **Sarjana**  
PhD atau sarjana dengan 5 tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
  - j. **Doktor Falsafah/Kedoktoran**  
PhD dengan pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
- ii. Staf akademik yang tidak mempunyai kelayakan minimum atau tidak mempunyai kelayakan yang spesifik tetapi mempunyai pengalaman berkaitan boleh diberi pertimbangan oleh Senat/Pengurusan Tertinggi

## STAF AKADEMIK

- PPT dengan mengambil kira pengalaman, kursus-kursus yang diikuti, *peer review* dan lain- lain.
- iii. Bagi program profesional, kelayakan staf akademik adalah ditentukan oleh badan profesional yang berkaitan.
  - iv. Pengecualian dasar di atas boleh diberikan kepada bidang-bidang tertentu yang kekurangan staf akademik atau seperti mana yang ditetapkan oleh standard dan kriteria bidang serta keperluan badan profesional yang berkaitan.
  - v. Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) menetapkan beban maksimum (aktiviti mengajar) staf akademik mesti bersesuaian dan seimbang dengan aktiviti lain. Beban mengajar juga tertakluk kepada standard dan kriteria bidang serta keperluan badan profesional yang berkaitan.
  - vi. Pada amnya, pengajaran formal setiap minggu adalah tidak melebihi 18 jam kontak supaya staf akademik dapat memberi tumpuan dan melaksanakan aktiviti ilmiah (*scholarly activities*) / penyelidikan / khidmat perundingan serta tugas pentadbiran lain.
  - vii. Staf akademik hendaklah mengajar dengan bilangan kursus yang munasabah bagi membolehkannya membina dan meningkatkan kepakaran dalam sesuatu bidang pengajian. Sehubungan itu, bilangan staf akademik mestilah bersesuaian mengikut keperluan standard dan kriteria bidang serta keperluan badan profesional yang berkaitan.

PROGRAM	TAHAP MQF	JUMLAH KREDIT MINIMUM	ANGGARAN BILANGAN KURSUS **	BIL. KURSUS BAGI SETIAP STAF AKADEMIK (Maksimum)	BIL. STAF AKADEMIK*** (Minimum)
Sijil	3	60	15	4	4
Diploma	4	90	23	4	6
Diploma Lanjutan	5	40	10	4	3
Sijil Siswazah	6	30*	9	3	3
Diploma Siswazah	6	60*	17	3	6
Sarjana Muda	6	120	30	3	10
Sijil Pascasiswazah	7	20	5	2	3
Diploma Pascasiswazah	7	30	8	2	4
Sarjana (Kerja Kursus & Campuran)	7	40	10	2	5
Kedoktoran (Kerja Kursus & Campuran)	8	80	20	2	10

\*PPT perlu menambah 6 kredit lagi daripada komponen U1, Mata Mata Pelajaran Umum (MPU).

\*\*Andaian 4 kredit bagi setiap kursus. PPT perlu membuat penyelarasan semula jumlah kursus mengikut kesesuaian kredit bagi setiap kursus yang ditawarkan.

\*\*\*Bilangan staf akademik adalah mengambil kira staf akademik yang mengajar kursus sahaja.

viii. Dicadangkan peratusan bilangan staf akademik tetap dan sementara adalah seimbang dan tertakluk kepada standard dan kriteria bidang serta keperluan badan profesional yang berkaitan.

ix. Ketetapan nisbah staf akademik:pelajar untuk setiap tahap dalam MQF seperti di bawah adalah sebagai garis panduan (*guidelines to good practice*).

BIDANG	SIJIL, DIPLOMA DAN DIPLOMA LANJUTAN	SARJANA MUDA, SIJIL DAN DIPLOMA SISWAZAH	SIJIL DAN DIPLOMA PASCASISWAZAH, SARJANA	KEDOKTORAN (Kerja Kursus Dan Campuran)
SAINS SOSIAL	1:30	1:25	1:20	1:12
SASTERA DAN KEMANUSIAAN	1:30	1:25	1:20	1:12
SAINS	1:25	1:20	1:15	1:9
SAINS KESIHATAN BERSEKUTU DAN PERUBATAN	1:25	Perubatan -1:4 Sains Kesihatan Bersekutu -1:20	1:15	1:9
KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI	1:20	1:15	1:15	1:6

Nota: Tertakluk kepada standard dan kriteria bidang serta keperluan badan profesional yang berkaitan. Namun begitu, PPT boleh merujuk ketetapan seperti di atas sekiranya tiada standard program bagi bidang tersebut.

x. Bilangan pelajar, staf akademik (penyelaras program dan tutor bagi program secara *Open and Distance Learning* (ODL) adalah seperti berikut:

PELAJAR	STAF AKADEMIK (Penyelaras Program)	TUTOR
< = 360	1	12
361 – 720	2	24
721 – 1080	3	36

- xi. Lazimnya, nisbah staf akademik (penyelaras program): tutor bagi sesuatu masa atau semester adalah 1:12.
- xii. Setiap tutor dibenarkan mengendalikan tutorial tidak lebih daripada 3 kursus pada satu masa.
- xiii. Setiap kelas tutorial bagi ODL hendaklah tidak melebihi 30 orang pelajar.
- xiv. Staf akademik (pakar bidang) yang ditempatkan di kampus utama perlu ada bagi setiap kursus yang ditawarkan di Pusat Pembelajaran.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil. 1/2009 bertarikh 24 Ogos 2009

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil.1/ 2014 bertarikh 05 April 2014

Garis Panduan Amalan Baik: Beban Staf Akademik

Surat Makluman MQA Bil. 7/2014: MQA. 100-1/7/2 (9) bertarikh 1 Oktober 2014

**108. GARIS PANDUAN BEBAN STAF AKADEMIK**

Jumlah jam mengajar dan bilangan kursus dibenarkan diajar oleh staf akademik dalam satu semester adalah seperti berikut:

<b>Panduan Umum</b>	<p>20 jam × 17 minggu* (minggu pengajaran termasuk ulangkaji) = 340 jam jumlah pengajaran dalam satu semester *bergantung kepada bilangan minggu per semester</p> <p>340 jam ÷ 40 kredit = 8.5 kredit (dibundarkan menjadi 9 kredit)</p> <p>Anggaran 9 kredit bersamaan 3 hingga 4 kursus dengan nilai kredit sesuatu kursus antara 2-4 kredit</p>	
<p>Contoh 1: a) Kursus A – 4 kredit Kursus B – 3 kredit Kursus C – 2 kredit</p> <p>Bilangan kursus bagi seorang staf akademik untuk mengajar ialah 3 kursus (9 kredit)</p> <p>b) Kursus D – 4 kredit Kursus E</p>	<p>Contoh 2: Kursus A – 2 kredit Kursus B – 2 kredit Kursus C – 3 kredit Kursus D – 2 kredit</p> <p>Bilangan kursus bagi seorang staf akademik untuk mengajar ialah 4 kursus (9 kredit)</p>	<p>Contoh 3: Kursus A – 1 kredit Kursus B – 2 kredit Kursus C – 2 kredit Kursus D – 3 kredit Kursus E – 1 kredit</p> <p>Bilangan kursus bagi seorang staf akademik untuk mengajar ialah 5 kursus (9 kredit)</p>

<p>– 4 kredit Kursus F – 1 kredit</p> <p>Bilangan kursus bagi seorang staf akademik untuk mengajar ialah 3 kursus (9 kredit)</p>		
--	--	--

Berdasarkan pengiraan seperti jadual di atas, didapati jumlah jam mengajar bagi seorang staf akademik dalam tempoh satu minggu ialah maksimum 20 jam sekiranya staf akademik terbabit tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti pentadbiran atau akademik lain.

Manakala, bilangan kursus yang dibenarkan bagi seorang staf akademik dalam tempoh satu semester ialah bergantung kepada jumlah jam mengajar seorang staf akademik.

Kursus yang diberikan nilai kredit 1 atau 2 kredit lazimnya adalah bagi kursus kokurikulum dan kemahiran insaniah (*soft skills*) seperti bahasa, muzik dan komunikasi.

**Sumber:**

Memo Dalaman: MQA 10/91 Jld. 6 (3) bertarikh 23 Ogos 2011

**109. GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: STAF AKADEMIK  
(GUIDELINES TO GOOD PRACTICES: ACADEMIC STAFF)**

Dokumen ini menyediakan panduan amalan-amalan baik dalam bidang staf akademik yang turut digunakan sebagai panduan oleh semua pegawai dan Ahli Panel Penilai MQA semasa menjalankan aktiviti audit program atau institusi.

**Sumber :**


Surat Makluman MQA Bil. 4/2014: MQA. 100-1/7/2 (4) bertarikh 24 Jun 2014

Garis Panduan ini boleh di muat turun di portal rasmi MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my))



# *Bidang 6*

## **Sumber Pendidikan**



"Inspirasi akan selalu bernyanyi, kerana  
inspirasi tidak pernah menjelaskan"

"Kata-kata tidak mengenal waktu. Kamu  
harus mengucapkannya atau  
menuliskannya dengan menyedari akan  
keabadiannya"

~ Kahlil Gibran



**110. PENYEWAAN / PERKONGSIAN KEMUDAHAN**

- i. PPT yang menyewa kemudahan di premis PPT lain perlu mengemukakan salinan *Memorandum of Agreement* (MOA) berkaitan penyewaan kemudahan pembelajaran kepada MQA semasa membuat permohonan.
- ii. PPT yang bercadang menyewa kemudahan pembelajaran dari PPT lain hendaklah membuktikan bahawa mereka mempunyai kelengkapan pembelajaran asas yang mencukupi khususnya untuk dua tahun pertama pembelajaran.
- iii. PPT yang menyewa di premis lain hendaklah mempunyai dan memiliki sistem pengurusan yang kemas dan terancang dalam pengendalian program.
- iv. Jarak antara PPT yang memberi sewa kemudahan pembelajaran dengan PPT yang menyewa kemudahan tersebut adalah munasabah.
- v. PPT yang menyewa kemudahan di premis PPT lain dikehendaki menyediakan bilangan staf akademik (sendiri) yang mencukupi, berkecukupan dan berstatus tetap.
- vi. PPT hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa program yang ditawarkan adalah berbentuk teknikal dan menggunakan peralatan yang terkini serta memerlukan pembiayaan/peruntukan yang tinggi.
- vii. PPT hendaklah menyediakan jadual penggunaan kemudahan yang terancang.
- viii. PPT hendaklah mempunyai perancangan untuk memastikan kelestarian (*sustainability*) program yang ditawarkan dari aspek kemudahan pembelajaran.


**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil. 1/2009 bertarikh 24 Ogos 2009



# *Bidang 7*

## **Pemantauan, Semakan Dan Penambahbaikan Program Secara Berterusan**




Kalau tuan pergi ke Kelang  
Belikan saya semangkuk rojak  
Jangan diturut resmi kiambang  
Sungguhpun hijau akar tak jejak.

Sampan kotak hilir mudik  
Dayung patah galah sebatang  
Ikhtiar tidak datang meggolek  
Akal tidak datang melayang.

Kayuh perahu sampai seberang  
Singgah bermalam di kampung hulu  
Bukan tak tahu dunia sekarang  
Gaharu dibakar kemenyan berbau.

~Pantun Melayu Klasik



## PEMANTAUAN, SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM SECARA BERTERUSAN

### **111. GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: PEMANTAUAN, SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN SECARA BERTERUSAN KUALITI INSTITUSI/GUIDELINES TO GOOD PRACTICES: MONITORING REVIEWING AND CONTINUALLY IMPROVING INSTITUTIONAL QUALITY (GGP: MR AND CIIQ)**

Dokumen ini merupakan panduan yang praktikal dan komprehensif untuk PPT:

- i. melaksanakan aktiviti penambahbaikan kualiti PPT secara berterusan yang merangkumi pemantauan dan semakan program akademik; dan
- ii. memenuhi Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA) dan Kod Amalan Audit Institusi (Code of Practice for Institutional Audit, COPIA).

**Sumber:**

Surat Makluman MQA Bil. 5/2014: MQA 100-1/7/2 (5) bertarikh 11 Julai 2014

Garis Panduan ini boleh di muat turun di portal rasmi MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my))

### **112. GARIS PANDUAN PENGGUNAAN ISTILAH PEMERIKSA LUAR (*EXTERNAL EXAMINER*), PENASIHAT LUAR (*EXTERNAL ADVISOR*) DAN LEMBAGA PENASIHAT (*ADVISORY BOARD*)**

Dokumen ini menyediakan panduan penggunaan istilah Pemeriksa Luar (*External Examiner*), Penasihat Luar (*External Advisor*) dan Lembaga Penasihat (*Advisory Board*) yang bersesuaian seperti dinyatakan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA).

**Sumber:**

Surat Makluman MQA Bil. 2/2015: MQA. 100-1/7/2 (11) bertarikh 17 Jun 2015

Garis Panduan ini boleh di muat turun di portal rasmi MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my))



# Proses Kerja

Jika hendak mengenal orang berbangsa,  
lihat kepada budi dan bahasa.

Jika hendak mengenal orang yang berbahagia,  
sangat memeliharakan yang sia-sia.

Jika hendak mengenal orang mulia,  
lihatlah kepada kelakuan dia.

Jika hendak mengenal orang yang berilmu,  
bertanya dan belajar tiadalah jemu.

Jika hendak mengenal orang yang berakal,  
di dalam dunia mengambil bekal.

Jika hendak mengenal orang yang baik perangai,  
lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.

~ Raja Ali Haji, Pasal Kelima Gurindam 12

**113. PENJELASAN MENGENAI PROSEDUR PERMOHONAN DAN PEMBAYARAN FI AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI BAGI PROGRAM:**

- i. SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (4 TAHUN) YANG DINILAI OLEH ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL (EAC), LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (LJM)**
- ii. SARJANA MUDA SAINS SENIBINA DAN SARJANA MUDA SENIBINA YANG DINILAI OLEH MAJLIS AKREDITASI PENGAJIAN SENIBINA MALAYSIA (MAPSM), LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA (LAM)**

Prosedur ini melibatkan program-program berikut:

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Tempoh program</b>	<b>Penilaian</b>
i	Sarjana Muda Kejuruteraan	4 tahun	LJM
ii	Sarjana Muda Sains Senibina	3 tahun	LAM
iii	Sarjana Muda Senibina	3-5 tahun	LAM

Proses ini merangkumi prosedur permohonan dan pembayaran fi bagi proses Akreditasi Sementara dan Akreditasi bagi program:

- i. Sarjana Muda Kejuruteraan (4 Tahun) yang dinilai oleh Engineering Accreditation Council (EAC), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)
- ii. Sarjana Muda Sains Senibina dan Sarjana Muda Senibina yang dinilai oleh Majlis Akreditasi Pengajian Senibina Malaysia (MAPSM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)

<b>Bil</b>	<b>Permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh (bagi program yang mempunyai no. rujukan: MQA/PA atau MQA/FA)</b>	<b>Permohonan Perakuan Akreditasi (bagi program yang mempunyai no. rujukan: A)</b>
1.	Semua permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh hendaklah dikemukakan oleh PPT kepada MQA. Permohonan tersebut kemudian akan dihantar kepada LJM/LAM mengikut bidang berkaitan. MQA akan mengemukakan dokumen permohonan tersebut beserta kos penilaian yang dipersetujui kepada LJM/LAM.	Semua permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh hendaklah dikemukakan oleh PPT kepada MQA. Permohonan tersebut kemudian akan dihantar kepada LJM/LAM mengikut bidang berkaitan. MQA akan mengemukakan dokumen permohonan tersebut beserta kos penilaian yang dipersetujui kepada LJM/LAM.

2.	Semua perkara berkaitan penginapan dan pengangkutan panel penilai LJM/LAM serta lain-lain kos tambahan sekiranya berkaitan dengan penilaian akan diuruskan di antara PPT dan LJM/LAM.	Semua perkara berkaitan penginapan dan pengangkutan panel penilai LJM/LAM serta lain-lain kos tambahan sekiranya berkaitan dengan penilaian akan diuruskan di antara PPT dan LJM/LAM.
3.	Selepas keputusan penilaian diterima, PPT perlu membuat bayaran fi sebanyak RM100.00 bagi setiap program pengeluaran Perakuan Akreditasi Sementara atau Akreditasi Penuh. (Pendaftaran di <i>Malaysian Qualifications Register</i> (MQR)).	Selepas keputusan penilaian diterima, PPT tidak perlu membuat bayaran fi Akreditasi sebanyak RM5,500.00 (bagi program peringkat ijazah sarjana muda) kepada MQA dengan syarat PPT menunjukkan bukti kepada MQA bahawa fi Akreditasi telah dibayar kepada LJM/ LAM. Walau bagaimanapun, PPT masih perlu membuat bayaran fi pengeluaran Perakuan Akreditasi dan pendaftaran di <i>Malaysian Qualifications Register</i> (MQR) sebanyak RM100.00 bagi setiap program.

**Sumber:**

Memo Dalaman: MQA (S) 01 Jld. 9 (63) bertarikh 21 Disember 2011

Memo Dalaman: MQA 10/89/04 Jld. 6 (3) bertarikh 26 Ogos 2013

**114. ISU PELANJUTAN TEMPOH AKREDITASI, AKREDITASI PROVISIONAL DAN KELULUSAN**

Isu yang berkaitan dengan pelanjutan tempoh Akreditasi, Akreditasi Provisional dan Kelulusan adalah seperti berikut:

- i. Tempoh lanjutan Akreditasi bagi program yang telah mendapat Akreditasi dan pembaharuannya sedang diproses oleh MQA adalah diterima untuk kelulusan pembiayaan PTPTN. **(DIMANSUHKAN\*)**
- ii. Tempoh lanjutan bagi program yang berstatus Akreditasi Provisional tidak diterima untuk kelulusan pembiayaan PTPTN.
- iii. PPT perlu rujuk kepada Bahagian Pendaftaran dan Piawai (BPP, JPT) untuk mendapat sokongan lanjutan kelulusan program sebelum lanjutan Akreditasi Provisional diluluskan oleh MQA.

**Catatan:**

Pengambilan pelajar bagi program dalam tempoh pelanjutan kelulusan dan sedang dalam proses penilaian Akreditasi oleh MQA dinilai secara *case by case*.

Namun begitu, keputusan yang dibuat adalah demi kepentingan menjaga kualiti pengajian tinggi, pelajar dan *sustainability* sesebuah PPT.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 2/2013 (bertarikh 15 Jun 2013) dan Bil. 3/2013 (bertarikh 05 Oktober 2013)

\*dimansuhkan susulan tiada lagi pelaksanaan akreditasi bertempoh.

### **115. PEMBATALAN AKREDITASI BAGI PPT YANG TIDAK MENGEMUKAKAN DOKUMEN *SELF REVIEW REPORT* (SRR)**

PPT yang TIDAK mengemukakan dokumen *Self Review Report* (SRR) bagi tujuan Audit Pematuhan maka kesalahan ini dikategorikan sebagai tidak mematuhi MQF, justeru prosedur pembatalan Akreditasi akan digunakan.

Prosedur bagi tujuan pembatalan Akreditasi adalah seperti berikut:

- i. MQA mengeluarkan notis bertulis kepada PPT menyatakan niat untuk membatalkan perakuan Akreditasi. Notis tersebut juga perlu menyatakan alasan pembatalan Akreditasi.
- ii. PPT diberi peluang untuk memberi maklum balas bertulis dalam tempoh 30 hari bermula pada tarikh notis tersebut dikeluarkan.
- iii. Selepas tamat tempoh 30 hari yang diberikan dan selepas MQA menimbang maklum balas yang dikemukakan oleh PPT; MQA akan:
  - a. Mengeluarkan amaran dan mengarahkan PPT membetulkan keadaan sehingga MQA berpuas hati. (Perlu tentukan jangka masa untuk PPT membetulkan keadaan); atau
  - b. Meneruskan dengan cadangan untuk membatalkan Perakuan Akreditasi tersebut.
- iv. Sekiranya Akreditasi telah dibatalkan, MQA akan memasukkan tarikh pembatalan ke dalam MQR dan memberikan notis pembatalan kepada pihak berkuasa yang berkenaan.
- v. PPT hendaklah menyerahkan Sijil Akreditasi kepada MQA dalam masa 30 hari dari:
  - a. Tarikh pembatalan Akreditasi; atau
  - b. Tarikh pemberhentian program.

**Sumber:**

Memo Dalaman bertarikh 25 November 2013

## 116. ISU PENILAIAN STANDARD MINIMUM, AKREDITASI DAN TRANSISI LAN-MQA

- i. Tempoh pertimbangan Akreditasi adalah selama 3 bulan. Pelanjutan tempoh maksimum yang boleh diberikan adalah selama 3 bulan lagi (*case by case*). Tempoh pelanjutan selepas itu (selepas 6 bulan) hendaklah mendapat persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Semakan (MJS).
- ii. Ahli panel penilai hanya boleh dirujuk maksimum dua kali sebelum sesuatu keputusan pertimbangan dibuat.
- iii. Penilaian terhadap syarat-syarat pertimbangan perakuan Akreditasi boleh dirujuk berdasarkan dokumen sahaja atau memerlukan lawatan bergantung atas keperluan kes.
- iv. Sebagai dasar *one-off* bagi memenuhi keperluan transisi LAN-MQA, dua dasar di bawah mengenai tempoh perakuan Akreditasi boleh diguna pakai:
  - a. Bagi program yang ingin ditamatkan (*phase out*) dan tempoh Akreditasinya juga akan tamat tetapi masih mempunyai kohort pelajar terakhir yang belum bergraduasi, tarikh tamat Akreditasi tersebut boleh dilanjutkan sehingga pelajar berkenaan bergraduasi. **(DIMANSUHKAN\*)**
  - b. Bagi program yang lewat memohon pembaharuan Akreditasi (terdapat jarak antara tarikh tamat Akreditasi pertama dan tarikh permohonan pembaharuan Akreditasi), tarikh perakuan Akreditasi yang diperbaharui adalah bermula pada tarikh tamat perakuan Akreditasi sebelumnya. **(DIMANSUHKAN\*)**
- v. Penilaian semula program atau kelayakan yang telah mendapat Akreditasi akan dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 5 tahun.
- vi. Kertas akademik yang disyor timbang semasa MJS dan seterusnya diluluskan pertimbangan dalam MJS perlu dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA) untuk keputusan.

**Sumber:**

Keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil. 1/2009 bertarikh 24 Ogos 2009

\*dimansuhkan susulan transisi LAN-MQA telah selesai.

## 117. PROSES PENJUMUDAN, PEMBEKUAN, PELUPUSAN DAN PENAWARAN SEMULA PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI AWAM

Semua UA perlu mengenal pasti, menyemak, menganalisis dan memuktamadkan program akademik yang hendak dijumlahkan, dibekukan dan dilupuskan dari semasa ke semasa terutamanya semasa permohonan penawaran program akademik baharu.

### Proses Penjumlahan, Pembekuan, Pelupusan dan Penawaran Semula Program Akademik Universiti Awam

#### A. Takrifan Istilah Penjumlahan, Pembekuan, Pelupusan dan Penawaran Semula Program Akademik UA

- i. **Penjumlahan** program akademik merujuk kepada program akademik yang masih mempunyai kohort yang sedang dalam pengajian tetapi program tersebut tidak dibuka untuk penawaran bagi sesi berikutnya.

Pelajar yang diambil pada tahun program dijumlahkan merupakan kohort terakhir bagi program akademik berkenaan. Fasa penjumlahan program akademik berakhir apabila kohort terakhir menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

- ii. **Pembekuan** program akademik merujuk kepada program akademik yang telah tidak ditawarkan lagi dan tidak mempunyai pelajar yang sedang dalam pengajian program tersebut. Tempoh maksimum pembekuan yang dibenarkan ialah dua tahun sahaja.

Sebelum fasa pembekuan berakhir (sekurang-kurangnya satu tahun), UA perlu memutuskan sama ada program akademik tersebut hendak ditawarkan semula atau dilupuskan.

- iii. **Pelupusan** program akademik merujuk kepada program akademik yang hendak dihentikan dan tidak akan ditawarkan lagi. Ini bermakna bahawa program akademik tersebut akan dimansuhkan terus daripada senarai program akademik UA.

- iv. **Penawaran semula** program akademik merujuk kepada program akademik yang masih dalam fasa penjumlahan atau fasa pembekuan yang akan dibuka semula untuk penawaran.

Semua program akademik yang hendak ditawarkan semula perlu disemak semula kurikulumnya. Jika terdapat program akademik yang telah dijumlahkan atau dibekukan melebihi dua tahun, maka program

akademik tersebut perlu melalui semakan major kurikulum sebelum ditawarkan semula.

### B. Syarat

- i. UA tidak dibenarkan untuk mengadakan kolaborasi baharu atau memeterai perjanjian kerjasama baharu dengan mana-mana pihak termasuk PPT bagi program akademik yang sedang dalam fasa penjumudan atau fasa pembekuan.
- ii. Program akademik yang telah dijumudkan masih perlu mendapat perakuan akreditasi penuh sebelum kohort terakhir menamatkan pengajian.
- iii. Program akademik yang hendak dijumudkan atau dibekukan mesti dimaklumkan secara bertulis kepada Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) JPT untuk disahkan dan direkodkan.
- iv. Program akademik yang sedang dalam fasa penjumudan atau fasa pembekuan mesti mendapat kelulusan perakuan JKPT, JPT terlebih dahulu sebelum ditawarkan semula.

Program akademik yang berkaitan dengan pembangunan bangsa (*Nation Building*) seperti seni warisan, budaya, sejarah dan sebagainya hendaklah dikekalkan dan ditambah baik terutamanya dalam aspek pembelajaran dan pengajaran program.

### Kriteria Penjumudan, Pembekuan dan Pelupusan Program Akademik

Kriteria ini bertujuan memudahkan pihak UA untuk mengenal pasti, menyemak, menganalisis dan memuktamadkan program akademik yang hendak dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan. Setiap UA tidak tertakluk kepada senarai kriteria ini. UA boleh mengguna pakai kriteria ini bersama dengan justifikasi dan mekanisme dalaman UA masing-masing dalam membuat penilaian dan analisis keperluan (*Need Analysis*) program akademik. Ia juga boleh dijadikan panduan sebelum sesuatu program akademik hendak ditawarkan.

Sepuluh kriteria ialah seperti berikut:

- i. Program Akademik yang Mempunyai Bidang Pengkhususan  
Program akademik yang mempunyai bidang pengkhususan boleh diberi keutamaan untuk dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan. Kriteria ini boleh digugurkan atau dikurangkan pemberatannya bergantung kepada bidang dan tahap program yang mana pengkhususan amat diperlukan.
- ii. Unjuran Pengambilan Pelajar  
Kriteria ini digunakan bagi mengenal pasti program yang kurang berdaya saing. Unjuran pengambilan yang rendah atau tiada unjuran yang dikeluarkan oleh pihak berkepentingan bidang berkaitan boleh dijadikan kriteria untuk menentukan sama ada program akademik wajar ditawarkan atau tidak.

- iii. Populariti Program Akademik  
 Kriteria ini digunakan bagi mengesan program akademik yang kurang popular di kalangan pemohon atau industri. UA perlu mengenal pasti sebab-sebab program tersebut kurang popular. Program tersebut boleh dijumudkan atau dibekukan sementara tindakan penambahbaikan diambil. Jika UA mendapati bahawa program tersebut tidak wajar diteruskan maka UA hendaklah melupuskan program tersebut.
- iv. Nisbah Penawaran berbanding Permohonan (NPP) dan Peratus Pra Jaya  
 NPP ialah nisbah jumlah penawaran berbanding bilangan permohonan bagi sesuatu program akademik pada setiap sesi penawaran. Data jumlah permohonan, pengambilan pelajar dan pra jaya dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, JPT. *Trend* NPP dan peratus pra jaya yang rendah boleh dijadikan sebagai asas dalam menentukan sama ada sesuatu program akademik hendak ditawarkan atau tidak pada sesi penawaran akan datang.
- v. Bilangan Pengambilan Pelajar  
 Kriteria ini dapat mengesan daya saing dan 'cost-effective' sesuatu program akademik. Jumlah bilangan pelajar yang diambil dalam sesuatu sesi penawaran yang rendah yang mungkin disebabkan oleh masalah kelayakan akademik pemohon, kemampuan infrastruktur UA, moratorium dan sebagainya boleh mengakibatkan pembaziran sumber. Oleh yang demikian boleh dijadikan asas kepada UA untuk menjumudkan, melupuskan atau menggabungkan program akademik tersebut dengan program akademik lain yang bersesuaian.
- vi. Kadar Kebolehpasaran Graduan (*Graduate Employability, GE*) UA  
 Kadar GE ialah peratus graduan yang bekerja selepas menamatkan pengajian. Kadar GE ini juga menunjukkan tahap kualiti graduan yang dihasilkan dengan keperluan sebenar industri. Kadar GE yang rendah boleh menjadi asas kepada UA dalam menentukan sama ada sesuatu program akademik perlu diteruskan, ditambah baik, dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan. Ini bagi memastikan tidak berlaku lambakan graduan tidak bekerja dalam sesuatu bidang pengajian.
- vii. Gaji Permulaan Pertama (GPP)  
 GPP ialah gaji yang dibayar oleh majikan kepada graduan dalam bidang pengajian tertentu semasa mereka mula bekerja dengan sesebuah syarikat/organisasi/industri. Penetapan GPP juga berdasarkan kepada kelayakan akademik dan bidang kerjaya yang diceburi oleh graduan. GPP mempengaruhi minat pemohon untuk memohon atau menerima tawaran melanjutkan pengajian dalam bidang pengajian tertentu. Bidang kerjaya atau pekerjaan yang memberikan GPP yang rendah boleh dijadikan asas dalam menentukan sama ada program akademik berkaitan dengan kerjaya/pekerjaan tersebut perlu ditawarkan atau tidak.

viii. Unjuran Guna Tenaga Negara

Unjuran guna tenaga negara ialah unjuran jangkaan pekerjaan yang diperlukan negara untuk tempoh tertentu. Antara agensi yang menjalankan kajian unjuran keperluan guna tenaga ialah JPA, Jobstreet.com, Unit Perancang Ekonomi (*Economic Planning Unit*, EPU), Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn. Bhd., Malaysian Talent Development (TalentCorp), Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) dan sebagainya. UA juga boleh merujuk kepada *Critical Occupations List* (COL) bagi mengenal pasti program akademik yang perlu ditawarkan bersesuaian dengan unjuran pekerjaan dalam COL tersebut.

ix. Keperluan Semakan Kurikulum Major

Kriteria ini merujuk kepada kurikulum program akademik yang tidak terkini, lapuk dan memerlukan semakan major. Jika program tersebut didapati tidak berbaloi untuk diteruskan, maka UA dinasihatkan supaya melupuskan program tersebut dan menggantikannya dengan program akademik yang lebih relevan dan berdaya saing dengan keperluan semasa industri.

x. Keupayaan UA

Kriteria ini merujuk kepada kemampuan UA dalam aspek sumber manusia, infrastruktur, kewangan dan sebagainya yang boleh mengganggu '*sustainability*' program akademik. Factor ini boleh menjadi asas untuk UA membuat keputusan dalam menentukan sama ada program akademik tersebut hendak diteruskan atau tidak.

**Catatan:**

UA adalah disarankan menggunakan data bagi tempoh 3 hingga 5 tahun bagi tujuan menganalisis keperluan sesuatu program akademik sebelum ia dimuktamadkan untuk penjumudan, pembekuan, pelupusan atau penawaran semula.

**Sumber:**

Surat JPT: JPT(A)1000/001/019/01Jld.17(35) bertarikh 05 Oktober 2017

### 118. PEMANSUHAN PENGELUARAN PERAKUAN MEMENUHI KEPERLUAN KUALITI (CERTIFICATE OF QUALITY COMPLIANCE, CQC)

Mulai Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA) Bil. 1/2016, MQA akan mengeluarkan surat perakuan akreditasi sementara kepada PPT untuk mendapatkan kelulusan pengendalian program daripada KPT atau agensi berkaitan sebelum program boleh dikendalikan.

Pemansuhan pengeluaran CQC ini tidak melibatkan sebarang perubahan pada fi dan borang yang digunakan untuk memohon akreditasi sementara (Borang A). Walau bagaimanapun, borang perakuan akreditasi sementara telah ditambah baik.

Tempoh sah laku perakuan akreditasi sementara berdasarkan proses baru ini adalah seperti berikut:

- i. Lima tahun daripada tarikh surat perakuan akreditasi sementara bagi program yang diluluskan tanpa syarat. PPT perlu memastikan pelajar kohort pertama boleh melalui proses akreditasi penuh sebelum tempoh akreditasi sementara berakhir; **ATAU**
- ii. Dua tahun daripada tarikh surat perakuan akreditasi sementara bagi program yang diluluskan bersyarat. PPT bertanggungjawab untuk mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam tempoh yang ditetapkan sama ada enam bulan atau satu tahun seperti yang dinyatakan dalam surat perakuan akreditasi sementara. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan perakuan akreditasi sementara dibatalkan. Tempoh ini hanya boleh diperbaharui setelah PPT mengambil tindakan mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan.

**Sumber :**

Surat Makluman MQA Bil. 5/2015: MQA. 100-1/7/2 (16) bertarikh 3 Disember 2015

**Lampiran B: Carta Alir Proses Penilaian Akreditasi**

**119. PENAMBAHBAIKAN PROSES PEMANTAUAN SYARAT-SYARAT KHUSUS PERAKUAN AKREDITASI**

Bagi memantapkan proses pemantauan syarat-syarat khusus perakuan akreditasi terhadap program-program yang telah mendapat perakuan akreditasi maka, PPT perlu mengemukakan maklum balas dan bukti pematuhan terhadap syarat-syarat perakuan Akreditasi. Fi penilaian seperti adalah berikut:

i) Penilaian oleh Ahli Panel Penilai (APP)

Kelayakan Berdasarkan MQF	RM
Sijil	3,250.00
Diploma/Diploma Lanjutan	3,500.00
Sijil Siswazah/Diploma Siswazah/ Sijil Pascasiswazah/ Diploma Pascasiswazah	4,250.00
Sarjana Muda/Sarjana/Kedoktoran	5,250.00

ii. Penilaian dalaman MQA: RM250.00

**Tarikh kuat kuasa pada 01 Januari 2016.**

Sumber:

Pekeliling MQA Bil.4/2016: MQA. 100-1/7/1 (18) bertarikh 8 September 2016

**120. PENGURANGAN BILANGAN DOKUMEN MQA-01 DAN MQA-02 BAGI PERMOHONAN PROGRAM AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI KE AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**

PPT hanya perlu menghantar **dua salinan *hard copy*** dan **empat salinan *soft copy*** sahaja kecuali dokumen bagi program yang melibatkan badan profesional (4 salinan *hard copy* dan *soft copy*).

**Tarikh kuat kuasa pada 07 Mac 2016.**

Sumber:

Surat Makluman MQA Bil. 4/2016: MQA. 600-2/2/1 JLD. 2 (48) bertarikh 7 Mac 2016

**121. MAKLUMAN AWAL PELAKSANAAN KADAR FI BAHARU PERKHIDMATAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**

Pelaksanaan kadar fi baharu ini akan **berkuat kuasa mulai 01 Januari 2018** seperti berikut:

<b>AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH</b>			
<b>Tahap KKM</b>	<b>Perkara</b>	<b>Akreditasi Sementara (RM)</b>	<b>Akreditasi Penuh* (RM)</b>
3	Sijil	4,000	9,500
4	Diploma	4,500	10,000
5	Diploma Lanjutan		
6	Sijil Siswazah Diploma Siswazah	6,000	11,000
	Sarjana Muda	8,500	15,200
	Sarjana Muda Perubatan Sarjana Muda Farmasi, Pergigian dan Optometri		29,300
	Sijil Pascasiswazah Diploma Pascasiswazah		6,000
7	Sarjana	8,500	15,200
	Sarjana Perubatan Sarjana Farmasi, Pergigian dan Optometri		29,300
	Ijazah Kedoktoran		15,200

\* Untuk badan profesional yang menjalankan penilaian sendiri (program tahap 6, MQF) seperti bidang kejuruteraan dan seni bina, caj yang akan dikenakan adalah sebanyak RM2,000 sebagai fi pengurusan MQA.

<b>PERMOHONAN SWAAKREDITASI</b>	<b>Bilangan Program</b>	<b>FI (RM)</b>
	< 50	70,000
	50-100	96,500
	> 100	123,000

<b>PERMOHONAN NILAI TARAF PROGRAM / KESETARAAN KELAYAKAN</b>
RM2,100.00

<b>PENGELUARAN SIJIL PERAKUAN AKREDITASI &amp; PENDAFTARAN DALAM DAFTAR KELAYAKAN MALAYSIA (MQR) BAGI PROGRAM SWAAKREDITASI</b>
RM1,000.00

**Catatan:**

Bagi penilaian tambahan atau audit MQA seperti pengawasan akreditasi sementara, pematuhan akreditasi penuh atau lawatan ke kampus cawangan/pusat pembelajaran PPT, maka perbelanjaan atau kos akan ditanggung oleh PPT yang akan ditentukan oleh MQA.

**Sumber:**

Surat Makluman MQA Bil. 1/2017: MQA.100-1/7/2 (26) bertarikh 03 Februari 2017

Surat Makluman MQA Bil. 4/2017: MQA.100-1/7/2 Jld. 2 (1) bertarikh 07 Ogos 2017

**122. PENDAFTARAN KELAYAKAN PPT BERSTATUS SWAAKREDITASI DALAM DAFTAR KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS REGISTER, MQR)**

PPT berstatus swaakreditasi **wajar mendaftar** setiap kelayakan yang telah lulus penilaian dalaman dalam MQR.

Permohonan pendaftaran kelayakan dalam MQR daripada PPT berstatus swaakreditasi perlu menggunakan 'Borang D' iaitu 'Permohonan Bagi Pendaftaran Kelayakan dalam MQR dan Pengeluaran Sijil Akreditasi'.

**Sumber:**

Surat Makluman MQA Bil. 1/2012 bertarikh 12 Januari 2012

Surat Makluman MQA Bil. 1/2017: MQA. 100-1/7/2 (26) bertarikh 3 Februari 2017

Surat Makluman MQA Bil. 2/2017: MQA. 100-1/7/2 (27) bertarikh 2 Mac 2017

Surat Makluman MQA Bil. 4/2017: MQA. 100-1/7/2 Jld. 2 (1) bertarikh 7 Ogos 2017

**123. PROSEDUR PERMOHONAN DAN PEMBAYARAN FI PERMOHONAN PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI BAGI PROGRAM SARJANA MUDA PERUBATAN DAN SARJANA MUDA PEMBEDAHAN (TAHAP 6, MQF) (DIMANSUHKAN\*)**

Bil.	Permohonan Akreditasi dan Akreditasi Sementara (bagi program yang mempunyai no.rujukan: MQA/FA dan A atau MQA/PA)
1.	<p>Prosedur permohonan penilaian:</p> <p><b><u>Permohonan Kepada MQA</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua permohonan Akreditasi (MQA/FA dan A) dan Akreditasi Sementara (MQA/PA) hendaklah dikemukakan oleh PPT kepada MQA beserta fi proses berjumlah RM500 dan satu set dokumen.</li> <li>ii. PPT hendaklah menghantar permohonan dan pembayaran fi proses di atas kepada MQA terlebih dahulu dan mendapatkan pengesahan penerimaan permohonan sebelum mengemukakan dokumen kepada Majlis Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Council, MMC) untuk proses penilaian.</li> </ul>

	<p><b><u>Permohonan kepada MMC</u></b>                  Semua permohonan Akreditasi (MQA/FA dan A) dan Akreditasi Sementara (MQA/PA) hendaklah dikemukakan oleh PPT kepada MMC seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pengesahan penerimaan dokumen oleh MQA;</li> <li>ii. Pembayaran fi mengikut ketetapan MMC; dan</li> <li>iii. 5 set dokumen.</li> </ol>
2.	<p>Semua aktiviti penilaian pengiktirafan akan dikendalikan oleh MMC di mana penilaian berkaitan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Prakemasukan</li> <li>ii. Pasca Kemasukan</li> <li>iii. Praktikal</li> <li>iv. Klinikal</li> <li>v. Prgraduasi</li> <li>vi. Susulan; dan</li> <li>vii. Pemantauan atau Aduan</li> </ol> <p>Fi penilaian di atas ditetapkan oleh MMC</p>
3.	<p>Semua perkara berkaitan penginapan dan pengangkutan panel penilai MMC serta lain-lain kos tambahan sekiranya berkaitan dengan penilaian akan diuruskan di antara PPT dan MMC.</p>
4.	<p>Selepas keputusan pengiktirafan MMC dikeluarkan, PPT perlu membuat bayaran fi berjumlah RM100* untuk pengeluaran Perakuan Akreditasi Sementara dan Sijil Akreditasi bagi tujuan pendaftaran di Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR).</p>
<p><b>Sumber:</b>                  Surat Makluman: MQA 10/64/02 Jld 10 (41) bertarikh 30 Julai 2013                  *Surat Makluman: MQA.100/1/7/2(6) bertarikh 16 Julai 2014</p>	

**Advisory Note No. 1/2016**

**AREA 5**

**ACADEMIC STAFF: Recruitment Policy**

**5.1 Recruitment and Management**

**Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)**

-Guidelines on Criteria and Standards for Programme Accreditation

**Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)**

-Guidelines on Criteria and Standards for Higher Education Providers

**INTRODUCTION**

This advisory is issued pursuant to Standard 5.1 in COPIA and also similar standards in COPPA and more specific programme standards. The standard at the institutional level requires that HEPs “have clear and documented academic staff recruitment policy where the criteria for selection are based on academic merit”. (COPIA, p. 28).

**ISSUE**

In the course of programme audits, MQA has frequently encountered academic staff qualifications which have been obtained from institutions with no home country accreditation or are accredited by questionable or dubious accreditors. In some cases, there are serious allegations including investigation by authorities of the awarding institutions.

**RESPONSIBILITY OF HEP**

The onus is on the HEPs to have “... clear and documented policy...” in selecting academic staff on the basis of “academic merit”. This requires that HEPs select and appoint staff who have qualifications which are from credible institutions and therefore, have the depth of knowledge and skills expected from such qualifications. HEPs involved in awarding various accredited qualifications must themselves be sensitive to and be wary of dubious qualifications. Appointing staff with such qualifications leads one to question the commitment and also the diligence in providing good teaching and learning experience to students. The possession of a teaching permit should not be presented as legitimising the otherwise questionable qualifications.

## **IMPACT ON QUALITY ASSURANCE**

Failure to have clear policy and practices to vet and select qualified staff on academic merit can be a basis for MQA to refuse accreditation until recommended measures are put in place and evidence produced.

## **CESSATION OF ACADEMIC PROGRAMMES [MQA Act 2007 (Act 679)]**

**Section 40 (5)(b)  
Certificate of Provisional Accreditation**

**Section 47 (3)(b), Section 58 (4)(b), Section 67 (4)(b)  
Certificate of Accreditation**

**Section 100 (1)(b)  
Offences and Penalties Relating to Certificate**

### **INTRODUCTION**

This advisory is issued pursuant to MQA Act 679, Sections 40 5(b), 47 3(b), 58 4(b) and 67 4(b) which require the Higher Education Providers (HEPs) to return the certificate of provisional accreditation or accreditation of an accredited programme which is not offered or discontinued or terminated. For the purpose of the above stated sections, a programme is deemed ceased if the approval to run the programme is no longer valid or programme is not conducted for a period of more than two years.

### **ISSUE**

The recent maintenance audits of HEPs showed that some HEPs have discontinued accredited programmes and have not returned their certificates because they may reoffer these programmes in the future. Many public HEPs have of late started to rationalise their programme offerings to be more focused and to better utilise their staff resources. Some older programmes have been discontinued due to lack of student interest or industry relevance.

### **RESPONSIBILITY OF HEP**

MQA must be duly informed and the certificate returned forthwith when an HEP decides to terminate its accredited programmes. MQA will update the Malaysian Qualifications Register (MQR) of the cessation of the programmes. To revive or reoffer the same programme, the HEP must reapply to MQA.

## **IMPACT ON QUALITY ASSURANCE**

Many HEPs are unaware of this requirement to return the certificate of provisional accreditation or accreditation. Failure to do so can result in a fine upon conviction of up to twenty thousand ringgit or a maximum of 1 year imprisonment or both as stated in Section 100 (1)(b).

## **AREA 7 & 9**

### **EFFECTIVENESS OF INTERNAL QUALITY ASSURANCE (IQA) FUNCTION**

#### **Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)**

-Guidelines on Criteria and Standards for Programme Accreditation

- **Standard 7.1 Mechanisms for Programme Monitoring and Review**
- **Standard 9.1 Quality Improvement**

#### **INTRODUCTION**

This advisory is issued pursuant to Standard 7.1.1 and 9.1.1 in COPPA and and more specific programme standards. The standard requires institutionalised monitoring and programme self-review processes which result in continuous improvements.

There are customarily three principal reasons for the ineffectiveness of the IQA system namely, an outward and compliance focus, competence and capacity of the IQA Unit and the commitment of the top management to quality and quality assurance.

#### **ISSUE & IMPACT ON QUALITY ASSURANCE**

The accreditation and post accreditation audits have shown that in many HEPs the Internal Quality Assurance (IQA) units are not as strong as they should be. Many IQA Units also double up as Accreditation and Compliance units which coordinate the preparation of accreditation documents for MQA. The focus is on completing and meeting minimum standards to attain accreditation. The maintenance and enhancements of standards are not given as much priority even though accreditation can become undone by periodic maintenance audits carried out by MQA.

#### **RESPONSIBILITY OF HEP**

Appointing a senior staff member as the IQA head does not by itself create an effective system of internal review. It is equally important that HEPs invest in training the IQA chief and officers in the design, execution and enhancement of an internal quality assurance system. IQA officers must be well versed in the policies relating to higher education and applicable programme standards to advise and also assist the programme managers to, not only meet the minimum requirements but

more importantly, to benchmark to good practices for continual improvement. To discharge this role effectively, the IQA officer and his/her team must be trained in carrying out internal reviews rigorously and to execute ameliorative and improvement measures.

HEPs can communicate with MQA-TC (training centre) to inquire into training opportunities available to professionalise your IQA team. HEPs may also consider short placements in universities which have well established internal quality assurance systems. MyQAN, an IQA network of universities and colleges can be a useful forum to seek support for capacity building in QA from peers.

To be truly effective, the IQA system led by an experienced and competent officer must be strongly supported by the HEP's top management. To raise the stature of IQA within the HEP, the IQA chief should be co-opted into the HEP's Senate or academic council, curriculum review and examination committees/boards to enable IQA to inform and be informed about the core academic issues and challenges. Through this engagement, IQA's work can be aligned to the HEP's priorities and act proactively to mitigate quality related risks.

## AREA 1 & 2

### ACCURACY OF PUBLIC INFORMATION

#### Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)

-Guidelines on Criteria and Standards for Programme Accreditation

- **Standard 1.1 Statement of Programme Aims, Objectives and Learning Outcomes**
- **Standard 2.4 Management of the Programme**

#### Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)

-Guidelines on Criteria and Standards for Higher Education Providers

- **Standard 2.3 Management of Programme**

### INTRODUCTION

This advisory is issued pursuant to Standard 1.1.1 and 2.4.1 in COPPA and Standard 2.3.1 in COPIA and more specific programme standards. These standards at the institutional level require that students are provided with current information about the programme, courses, credits, pedagogy and etc. In practice, the HEPs communication with the students start with prospective students. Brochures, websites and media advertisements carry information about the programme and the achievements of the graduates. These statements relate to unique design and pedagogy, high employment prospects of graduates, high income and admission to prestigious institutions.

### ISSUE

A casual review of promotional materials appearing in the media shows that data source or dates are not indicated for accuracy understanding of the information. Data without a date is not a good practice nor is using less current information.

### RESPONSIBILITY OF HEP


HEPs are required to act ethically by providing **accurate, current and verifiable information**. Promotional materials must contain words and data which are verifiable. HEPs which, among other things, promise to inculcate ethics and professionalism in their graduates, must adhere to and display exemplary behaviour in the use of data for programme promotion.

## **IMPACT ON QUALITY ASSURANCE**

MQA panels conducting audits of programmes for accreditation can inquire into the accuracy, currency and also robustness of the information contained in promotional materials pertaining to the programme in focus. Where the HEP is unable to substantiate the claims, this matter will be raised in the accreditation report as it relates to communication with enrolled and prospective students about the programme. It is MQA's hope that all HEPs will appreciate the need for truthful information about programmes in all promotional materials provided to enrolled and prospective students.

Aliran Proses Jaminan Kualiti Bagi Akreditasi Sementara Bermula 1 Januari 2016

Apabila pelajar kohort pertama berada di tahun akhir pengajian



1


2

3

4

# Proses Permohonan Akreditasi Sementara Bermula

1 Januari 2016



PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
MJA	Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi



# *CAJAJAN*

